

# TATACARA PARLIMEN MALAYSIA

**Panduan Peraturan-Peraturan  
Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat**



**Monique M. Smith  
Maha Balakrishnan**

---

# Tatacara Parlimen Malaysia:

Panduan Peraturan-peraturan  
Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat

---

Monique M. Smith  
Maha Balakrishnan



PARLIAMENT OF MALAYSIA



**TATACARA PARLIMEN MALAYSIA:  
PANDUAN PERATURAN-PERATURAN  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

Hak Cipta 2020, 2021 Parlimen Malaysia dan National Democratic Institute  
Edisi pertama 2020  
Edisi pertama semakan 2021  
Edisi pertama semakan 2024

Hak cipta Panduan ini dimiliki oleh Parlimen Malaysia dan National Democratic Institute. Semua atau sebahagian daripada Panduan ini boleh diterbitkan semula, dengan syarat pengiktirafan sumber dibuat dengan kebenaran daripada penerbit. Hak cipta terpelihara.

**PENULIS**

Monique M. Smith  
Maha Balakrishnan

**Terjemahan oleh**

Adam Adli

**Penyunting**

Idzuafi Hadi bin Kamilan  
Amisyahrizan bin Amir Khan  
Wan Ahmad Syazwan bin Wan Ismail  
Shaharзад bin Yusof  
Norzulhilmi bin Nozir Ahmad  
Muhammad Amir Lutfi bin Makhtar

**PENERBIT**

**1. Parliament Of Malaysia**

Parliament Building  
Jalan Parlimen  
50680, Kuala Lumpur

**2. National Democratic Institute**

455 Massachusetts Ave NW  
Washington, DC 20001  
United States

**Dicetak oleh**

Vinlin Press Sdn Bhd  
2 Jalan Meranti Permai 1  
Meranti Permai Industrial Park  
Batu 15, Jalan Puchong  
47100 Puchong, Selangor, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia / Cataloguing-in-Publication Data

Smith, Monique M.

Tatacara Parlimen Malaysia: Panduan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat / Monique M. Smith, Maha Balakrishnan; Terjemahan oleh Adam Adli; Penyunting Idzuafi Hadi Kamilan.

ISBN 978-983-43767-6-5

1. Parliamentary practice—Malaysia.
2. Legislative bodies—Malaysia.
3. Government publications—Malaysia.
- I. Maha Balakrishnan. II. Adam Adli.
- III. Idzuafi Hadi Kamilan. IV. Judul.

328.595

# Kandungan

---

<i>Kata Pengantar I</i>	vii
<i>Kata Pengantar II</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
<i>Glosari</i>	xiii
<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
Parlimen dan demokrasi berperlembagaan	1
Dewan Rakyat	2
Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	3
<b>Pegawai-pegawai Pemutus</b>	<b>4</b>
Yang di-Pertua	4
Setiausaha	8
Bentara Mesyuarat	9
<b>Urusan-urusan Majlis</b>	<b>10</b>
Kedudukan kerusi dalam Dewan	10
Bahasa	10
Mengangkat Sumpah	11
Cukupbilang	12
Menetapkan Takwim	13
Perjalanan Harian	13
Penyata Rasmi	15
Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat	16
<b>Pertanyaan-pertanyaan Parlimen</b>	<b>17</b>
Pemberitahu Pertanyaan	17
Format Pertanyaan	18
Peraturan-peraturan Pertanyaan	18
Menolak, Meminda atau Menyunting Pertanyaan	21
Prosedur Pertanyaan Lisan	21

Jawapan kepada Pertanyaan Bertulis	23
Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri	24
<b>Usul-usul</b>	<b>25</b>
Keperluan untuk Pemberitahu (Notis) Usul	25
Cara Menyerahkan Pemberitahu Usul	27
Meminda atau Menarik Balik Pemberitahu Usul	28
Meminda Usul	28
Perbahasan Usul dan Pindaan	29
Menarik Balik Usul atau Pindaan Ketika Perbahasan	32
<b>Kamar Khas</b>	<b>33</b>
<b>Rayuan-rayuan</b>	<b>36</b>
Rayuan berkaitan Kewangan	36
Bentuk dan Proses Rayuan	36
<b>Peraturan Perbahasan</b>	<b>38</b>
Adab dan Pemakaian	38
Skop Perbahasan	39
Berucap Ketika Perbahasan	41
Menutup Perbahasan	43
Tatacara Peraturan	43
Aturan Mengeluarkan Ahli	48
Aturan Menggantung Ahli	48
<b>Undian dalam Majlis</b>	<b>50</b>
Pungutan Suara dan Majoriti	50
Belahbahagian	51
<b>Rang Undang-undang</b>	<b>54</b>
Bacaan Kali Pertama	54
Susunan isi RUU	58
Bacaan Kali Kedua	59
Jawatankuasa Majlis	61
Semakan RUU di dalam Jawatankuasa Pilihan	65

---

Pindaan Sebelum Bacaan Kali Ketiga – RUU dari Jawatankuasa Majlis	66
Pindaan Sebelum Bacaan Kali Ketiga – RUU dari Jawatankuasa Pilihan	67
Bacaan Kali Ketiga	68
Penarikan Balik atau Penangguhan RUU	68
RUU yang Serupa	68
Kelangsungan RUU Ketika Prorog	68
Penerbitan	69
Embargo	69
<b>Rang Undang-undang Kewangan</b>	<b>70</b>
Anggaran-anggaran Perbelanjaan	70
RUU Perbekalan	71
RUU Perbekalan Tambahan	76
Anggaran Pembangunan Tambahan tanpa RUU Perbekalan Tambahan	77
Kumpulan Wang Luar-jangka	78
Mendahulukan Perbelanjaan	78
Perbelanjaan di dalam Penyata Sementara	79
RUU atau Pindaan Melibatkan Percukaian atau Perbelanjaan	79
<b>Dewan Negara</b>	<b>82</b>
Perutusan untuk Dewan Negara	82
Perutusan daripada Dewan Negara	83
RUU daripada Dewan Negara	83
Pindaan Dewan Negara	83
Penolakan Pindaan Dewan Negara oleh Dewan Rakyat	85
Penolakan Pindaan Dewan Rakyat oleh Dewan Negara	86
Rundingan Bersama Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat dan Dewan Negara	87
<b>Jawatankuasa Pilihan</b>	<b>89</b>
Jawatankuasa Pemilih	89
Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	89

Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat	90
Jawatankuasa Dewan	91
Jawatankuasa Hak dan Kebebasan	92
Jawatankuasa Pilihan Khas	92
Bidang, Kuasa dan Peranan Jawatankuasa	93
Lain-lain Jawatankuasa	99
<b>Peraturan lain ke atas Ahli-ahli</b>	<b>100</b>
Penerangan Sendiri	100
Risalat-risalat	100
Membetulkan Penyata Rasmi	100
Penghinaan	101
Ketidakhadiran Ahli-ahli	101
Penggajian di luar Parlimen	102
<b>Peraturan-peraturan lain</b>	<b>103</b>
Perbelanjaan	103
Hal-hal berkaitan Penggantungan Kuasa Peraturan Mesyuarat	103
Petua-petua Yang di-Pertua	104
Lain-lain Kuasa	104
<b>Lampiran-lampiran</b>	<b>105</b>
Lampiran 1: Senarai Perundangan, Perlembagaan Persekutuan	105
Lampiran 2: Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan	117
Lampiran 3: Contoh Pertanyaan-pertanyaan Parlimen	119
Lampiran 4: Contoh Pemberitahu Usul	123
Lampiran 5: Contoh risalat Kamar Khas	125

# Kata Pengantar I

---

Undang-undang, peraturan dan prosedur dalam mengendalikan urusan perjalanan di dalam Dewan Rakyat dan Jawatankuasanya, serta tatacara Ahli-ahlinya telah dinyatakan dengan amat teliti di dalam peraturan dalaman Majlis yang dikenali sebagai Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Terdapat juga sumber perundangan bertulis lain yang berkaitan dengan perjalanan Majlis, seperti mana yang telah diperuntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan beberapa Akta Parlimen yang relevan, khususnya Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952. Sumber-sumber ini tentu sekali adalah penting, namun tidak dibangkitkan, dipetik, dibahas, dianalisa, atau dibantah setiap hari di dalam persidangan seperti Peraturan Mesyuarat. Ungkapan “Peraturan Mesyuarat” adalah ciri yang sudah berakar di dalam Dewan Rakyat, dan dengan sendirinya memerlukan Ahli-ahli Dewan untuk memiliki pemahaman mendalam tentang Peraturan Mesyuarat tersebut.

Namun, Peraturan Mesyuarat ditulis dalam bahasa perundangan yang kadangkala rumit, menjadikannya sukar untuk ditafsir dengan baik. Atas sebab demikian, buku panduan ini yang diberi judul “Tatacara Parlimen Malaysia: Panduan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat”, boleh dijadikan bahan rujukan dan sokongan untuk sentiasa disemak dan diteliti oleh Ahli-ahli Dewan. Saya harus merakamkan pujian buat *National Democratic Institute for International Affairs* (NDI), serta sidang pengarang, Saudari Monique M. Smith dan Saudari Maha Balakrishnan, berserta Penyelaras Program, Saudari Lena Hendry, untuk hasil kerja yang bertepatan dengan masanya ini, dan dihasilkan dalam tempoh masa yang singkat sejak perbincangan awal bersama Pejabat Yang di-Pertua dan Setiausaha Dewan Rakyat, sebagai sebahagian daripada agenda reformasi Dewan Rakyat yang sedang berterusan.



Taklimat yang diberikan kepada pengarang adalah ringkas: untuk menghasilkan sebuah buku panduan yang ringkas dan mudah buat Ahli-ahli Dewan, setanding dengan panduan-panduan yang telah dihasilkan oleh badan perundangan terkemuka lain di dalam kalangan negara-negara Komanwel. Saya berbesar hati untuk menyatakan bahawa pengarang telah berjaya memenuhi jangkauan ini. Hasil kerja mereka telah memenuhi tujuannya dan telah dikarang dalam bahasa yang ringkas, menjadikannya lebih mudah untuk dibaca dan difahami.

Draf awal buku ini telah dibincangkan bersama beberapa orang ahli terpilih dari kalangan Ahli Dewan Rakyat, dan kemudiannya diperhalusi lagi. Tentu sekali ia akan ditambah baik lagi dalam edisi akan datang. Adalah menjadi harapan saya agar buku panduan ini menjadi permulaan kepada penerbitan lain oleh Dewan Rakyat dalam usaha untuk mempromosi dan meningkatkan lagi kefahaman dalam hal ehwal berkaitan Parlimen.

**Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Bin Md Yusof**

Yang di-Pertua  
Dewan Rakyat  
Parlimen Malaysia  
Kuala Lumpur

# Kata Pengantar II

---

*National Democratic Institute for International Affairs* (NDI) ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof, Yang di-Pertua Dewan Rakyat di atas penghasilan buku panduan Tatacara Parlimen ini. Buku panduan ini menjadi pencapaian penting dalam melambangkan komitmen Yang di-Pertua terhadap kerjasama, keterbukaan, dan reformasi terhadap institusi Parlimen. Dengan mengkhhususkan kepada Peraturan Mesyuarat, kami berharap agar buku panduan ini dapat menjadi sebuah sumber berharga kepada Ahli-ahli Parlimen yang baharu dan juga kepada Ahli Parlimen yang lebih kanan, serta turut memberi sumbangan berkekalan terhadap keberkesanan Parlimen Malaysia.

Selain penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua terhadap pandangan dan dokongan beliau, kami juga terutang budi kepada ramai yang lain. Penghargaan juga kepada Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat, dan pasukannya yang telah memberi bantuan yang sangat berharga di dalam menyiapkan buku panduan ini, tidak lupa juga sumbangan penting lain yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai Parlimen, serta ramai lagi. Saya juga ingin merakamkan penghargaan buat sidang pengarang buku panduan ini, Monique M. Smith dan Maha Balakrishnan atas kemahiran mereka menjernihkan dan memudahkan kefahaman ke atas perkara-perkara kompleks bagi membantu Ahli-ahli Parlimen menyempurnakan tugas legislatif dan pemantauan mereka dengan lebih berkesan.

Sejak tahun 80an, NDI telah bekerja di 156 negara dan wilayah di seluruh dunia, bagi menyokong pembangunan tadbir urus kerajaan yang lebih terbuka, inklusif dan telus. Dalam proses tersebut, kami mempelajari bahawa demokrasi dan tadbir urus yang baik dibina atas kerja keras dan langkah-langkah kecil ke hadapan untuk melahirkan budaya dan amalan sebuah institusi berdemokrasi – langkah seperti

usaha ini. Kami juga sedar bahawa usaha ini tidak pernah tamat malah kami berharap agar di tahun-tahun yang mendatang, kami beroleh peluang lagi untuk meneruskan dan mengeratkan lagi kerjasama dengan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen, dan pihak berkepentingan lain yang komited ke arah demokrasi di Malaysia.

**Manpreet Singh Anand**

Pengarah Serantau,  
NDI Asia-Pasifik

# Prakata

---

Buku Panduan ini telah dihasilkan oleh *National Democratic Institute for International Affairs* (NDI), atas permintaan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Bin Md Yusof.

Buku Panduan ini adalah rumusan tematik kepada Peraturan Mesyuarat utama Dewan Rakyat dan dihasilkan bagi membantu Ahli-ahli Dewan Rakyat mengaplikasikan Peraturan Mesyuarat dengan lebih tertib ketika menyempurnakan tugas legislatif dan pemantauan mereka. Dengan penggunaan bahasa yang ringkas dan padat serta menggunakan format yang mudah dibaca, buku ini diharap dapat memberikan panduan buat Ahli-ahli Dewan Rakyat serta pihak lain di dalam mengenal pasti kandungan Peraturan Mesyuarat serta pengendalian tatacara dalam Dewan Rakyat.

Buku Panduan ini bagaimana pun tidak dihasilkan bagi tujuan untuk dijadikan sebagai manual komprehensif kepada peraturan dan amalan Parlimen. Pengarang juga tidak berniat untuk menafsir atau mengemukakan pendapat sendiri ke atas Peraturan Mesyuarat, sebaliknya hanya memperjelaskan isi kandungannya sebagaimana ia ditulis. Buku Panduan ini juga berfungsi sebagai bahan rujukan kepada penyelidik, pelajar dan pihak lain yang ingin memahami tata urus asas di dalam Majlis. Adalah diharapkan agar Buku Panduan ini dapat melengkapkan penulisan sedia ada berhubung dengan Tatacara Parlimen serta seterusnya membantu Ahli-ahli Dewan Rakyat di Malaysia di dalam melaksanakan tugas mereka.

Keprihatinan dan nasihat Yang di-Pertua Dewan Rakyat amat berharga di dalam proses penghasilan Buku Panduan ini, termasuk juga kerjasama dari Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat. Sidang pengarang turut berterima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah berkongsi maklum balas awal terhadap Buku Panduan ini, termasuklah Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar dan Yang Berhormat Noor Amin Bin Ahmad. Pengarang juga terutang

budi kepada Lena Hendry atas sokongan penyelarasan dan logistik sepanjang penghasilan Buku Panduan ini.

**Monique M Smith**

**Maha Balakrishnan**

Januari 2020

# Glosari

---

<b>Ahli</b>	Dalam dokumen ini, Ahli merujuk kepada Ahli Dewan Rakyat yang dipilih melalui pilihan raya.
<b>Anggaran-anggaran Perbelanjaan</b>	Anggaran terimaan dan perbelanjaan Kerajaan bagi tahun kewangan berikutnya. Kerajaan berkewajipan untuk membentangkan Anggaran-anggaran Perbelanjaan di dalam Dewan sebelum permulaan setiap tahun kewangan di bawah Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan.
<b>Belahbahagian</b>	Sebuah bentuk pengiraan undi, di mana setiap Ahli secara berasingan diminta untuk mengundi dan perlu dengan jelas menjawab Ya, Tidak, atau berkecuali.
<b>Buku Mesyuarat</b>	Kompilasi Aturan Urusan Mesyuarat (agenda) bagi semua hari persidangan dalam sebuah mesyuarat.
<b>Cukupbilang</b>	Jumlah minimum Ahli yang diperlukan dalam sebuah persidangan Majlis bagi tujuan pengundian atau mengesahkan undi belahbahagian, atau bagi Jawatankuasa Parlimen untuk berfungsi. Jumlah cukupbilang yang diperlukan bagi urusan mesyuarat Majlis yang berbeza telah diterangkan dalam bahagian Cukupbilang.

<b>Ketua Majlis Mesyuarat</b>	Ahli Majlis yang pada ketika ini adalah Ketua atau Timbalan Ketua kepada Kerajaan [PM 4A(1)-(2)].
<b>Ketua Pembangkang</b>	Ahli Majlis yang pada ketika ini adalah Ketua kepada kumpulan(-kumpulan) Pembangkang. Dalam situasi ketidakpastian Ahli yang layak menjawat Ketua Pembangkang, Yang di-Pertua akan membuat keputusan, dan keputusannya adalah terakhir dan muktamad [PM 4A(3)-(4)].
<b>Majlis</b>	Dalam dokumen ini, Majlis merujuk kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen Malaysia, seperti yang termaktub dalam Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan.
<b>Meja Mesyuarat</b>	Meja yang terletak di antara bangku-bangku depan Dewan dan di hadapan Kerusi Yang di-Pertua. Biarpun sesetengah Peraturan Mesyuarat memerlukan dokumen diletakkan di atas Meja Mesyuarat, secara praktis, penyerahan dokumen kepada pejabat Setiausaha lazimnya bersamaan dengan meletakkannya di atas Meja Mesyuarat.

<b>Mesyuarat</b>	Setiap Penggal Parlimen dibahagi kepada Mesyuarat-mesyuarat. Setiap Mesyuarat mengandungi beberapa persidangan yang berlangsung selama beberapa minggu dalam takwim Penggal tersebut. Sebuah Mesyuarat bermula apabila Majlis pertama kalinya dipanggil untuk bermesyuarat, dan berakhir apabila Majlis ditangguhkan selama lebih dari 14 hari atau <i>sine die</i> , atau apabila Penggal Parlimen tersebut tamat [PM 98].
<b>Penggal</b>	Tempoh ini bermula dari tarikh Parlimen dipanggil untuk bersidang sehingga Parlimen diprorog atau dibubarkan (" <i>dissolved</i> ") [PM 98]. Biarpun tiada tempoh tetap bagi sesebuah Penggal, secara tradisinya, setiap Penggal tidak akan melebihi 12 bulan. Penggal Pertama sebuah Parlimen baharu mesti bermula dalam tempoh 120 hari dari tarikh Pilihan Raya Umum. Parlimen tidak boleh berehat lebih daripada enam bulan di antara setiap Penggal [Perlembagaan Persekutuan, Per. 55].
<b>Penghitung</b>	Individu-individu yang dilantik untuk mengesahkan pengiraan undi ketika Belahbahagian, lazimnya petugas Setiausaha.
<b>Penyata Rasmi</b>	Sebuah laporan rasmi prosiding-prosiding di dalam Majlis. Ia lazimnya dirujuk di dalam sistem parlimen sebagai <b>Hansard</b> . Untuk lebih perincian, rujuk bahagian Penyata Rasmi.



<b>Peraturan Mesyuarat (PM)</b>	Peraturan Mesyuarat (PM) merujuk kepada peraturan bertulis yang diterima pakai oleh Majlis untuk menguruskan perjalanan mesyuarat. Untuk lebih perincian, rujuk bahagian Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
<b>Perkenan Diraja</b>	Sebaik Parlimen meluluskan sebuah Rang Undang-undang, ia dipersembahkan kepada YDPA bagi mendapatkan cap Mohor Besar sebagai tanda perkenan YDPA. Jika YDPA tidak menurunkan perkenan dalam tempoh 30 hari, Rang Undang-undang tersebut akan menjadi undang-undang secara automatik [Perlembagaan Persekutuan, Per. 66(4)-(4A)].
<b>Persidangan</b>	Tempoh di mana Majlis bersidang tanpa penangguhan. Hari persidangan kebiasaannya merangkumi urusan harian Majlis, termasuk tempoh Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa. Waktu persidangan bermula dan berakhir adalah ditetapkan di dalam Peraturan Mesyuarat [PM 98]. Untuk perincian, sila rujuk bahagian Perjalanan Harian.
<b>Pindaan Berasas</b>	Situasi di mana seorang Ahli ingin secara rasmi merekodkan bantahannya ke atas sebuah usul, lazimnya berkaitan dengan kelulusan Rang Undang-undang.

<b>Rang Undang-undang (RUU)</b>	Cadangan atau draf kepada Akta Parlimen. Sebuah Rang Undang-undang (RUU) boleh dibawa sama ada oleh kementerian (dirujuk sebagai <b>Rang Undang-undang Kerajaan</b> ), atau oleh Ahli perseorangan (dirujuk sebagai <b>Rang Undang-undang Ahli Persendirian</b> ).
<b>Setiausaha</b>	Lazimnya dikenali sebagai “ <i>Clerk</i> ” dalam sistem parlimen Westminster. Perincian tentang peranan dan fungsi Setiausaha diterangkan dalam bahagian Setiausaha.
<b>Usul</b>	Usul adalah bentuk prosedur buat Ahli atau Kerajaan untuk membentangkan sebuah cadangan substantif atau berprosedur di hadapan Majlis. Untuk lebih perincian, rujuk bahagian Usul.
<b>Usul bersendirian</b>	Sebuah usul yang mengandungi cadangan lengkap berkenaan sesuatu masalah substantif (yang bukan perkara prosedur atau sampingan) yang dirangka untuk mengemukakan keputusan atau pendapat Majlis.
<b>Yang di-Pertua</b>	Pegawai pemutus Majlis. Untuk perincian tentang pemilihan, peranan, dan fungsi Yang di-Pertua, rujuk bahagian Yang di-Pertua.



# Pengenalan

---

## Parlimen dan demokrasi berperlembagaan

Sistem pemerintahan Malaysia adalah berasaskan Demokrasi Berperlembagaan, yang berdasarkan kepada sistem Westminster. Perlembagaan Persekutuan menetapkan struktur kerajaan dan pemisahan kuasa di antara cabang-cabang institusi pentadbiran ini. Institusi-institusi utama tersebut adalah:

- **Eksekutif**, yang diketuai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA) sebagai Raja Berperlembagaan dan dibarisi oleh Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, dan jabatan-jabatan kerajaan. Ia bertanggungjawab untuk menggubal dan melaksanakan dasar-dasar.
- **Parlimen**, yang dibarisi YDPA, Dewan Rakyat, dan Dewan Negara. Ia membentuk dasar, mengangkat undang-undang, menyalurkan peruntukan kewangan dengan meluluskan pembentangan perbelanjaan, dan mengawasi pelaksanaan undang-undang dan dasar.
- **Kehakiman**, yang dibarisi oleh hakim-hakim dan sistem mahkamah. Ia bertanggungjawab menyelesaikan pertikaian pelaksanaan undang-undang dan memastikan undang-undang ditegakkan dengan sempurna.

Pemisahan kuasa antara institusi-institusi ini bertujuan untuk memelihara beberapa doktrin penting demokrasi:

- **Pemisahan kuasa dan semak imbang**, yang memastikan kuasa tidak dipusatkan kepada satu-satu individu atau komponen kerajaan, dan mana-mana kuasa berlebihan oleh satu-satu institusi boleh ditampung atau dicegah oleh yang lain.

- **Kedaulatan undang-undang**, yang memastikan sistem perundangan adalah adil dan tidak sembarangan; setiap individu dan institusi wajib mematuhi undang-undang; dan setiap orang wajib diberi akses, serta kesaksamaan di bawah undang-undang.

Sebagai sebuah sistem Persekutuan, kuasa eksekutif dan legislatif di Malaysia dibahagikan di antara Persekutuan, Negeri-negeri Semenanjung, dan Sabah dan Sarawak. Perlembagaan Persekutuan memperincikan perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Parlimen, bidang kuasa Negeri-negeri, dan bidang kuasa bersama (rujuk Lampiran 1). Perlembagaan Persekutuan juga menerangkan keadaan-keadaan di mana Parlimen mempunyai kuasa melangkaui ke atas Negeri-negeri, dan contoh-contoh terperinci apabila persetujuan Negeri-negeri dan/atau Raja-raja diperlukan sebelum Kerajaan Persekutuan atau Parlimen boleh bertindak.



## Dewan Rakyat

Bersama-sama dengan Dewan Negara, fungsi utama Dewan Rakyat adalah untuk menggubal undang-undang, mengawasi pentadbiran kerajaan, serta meluluskan dan mengawasi peruntukan belanjawan dan dana awam kepada Eksekutif.

Sebagai satu-satunya badan yang dipilih (*elected*) di antara tiga cabang kuasa utama sistem pentadbiran, Dewan Rakyat juga berfungsi sebagai wakil rakyat Malaysia di dalam sistem tersebut. Kerajaan Persekutuan juga dibentuk daripada Dewan Rakyat – Perdana Menteri dipilih dari kalangan Ahli Dewan Rakyat dan mesti mendapat kepercayaan majoriti Ahli-ahli dewan, manakala Menteri Kabinet juga harus dipilih sama ada dari Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

## Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat

Peraturan bertulis tetap yang digunakan untuk menguruskan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipanggil “Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat” (secara singkat, “Peraturan Mesyuarat”). Sifat tetap peraturan yang terkandung di dalamnya bermaksud ia tidak terbatal di penghujung sesebuah Penggal, sebaliknya akan terus diguna pakai sehingga Majlis sendiri membuat keputusan untuk menggantung, mengubah, atau memansuhkannya. Pada masa kini, terdapat lebih daripada 100 peruntukan di dalam Peraturan Mesyuarat, di mana setiap satunya membentuk perintah berterusan bagi aturcara perjalanan Majlis. Tafsiran yang dibuat ke atas peraturan-peraturan lama telah disesuaikan dari masa ke semasa sebagai tindak balas kepada perubahan politik atau cerminan kepada konteks moden.

Sebagaimana undang-undang berkanun tidak boleh mengetepikan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Peraturan Mesyuarat tidak boleh mengetepikan undang-undang yang telah dikanunkan. Dewan boleh mengamalkan peraturannya sendiri selagi mana ia menghormati Perlembagaan dan undang-undang yang telah dikanunkan.

# Pegawai-pegawai Pemutus

---

## Yang di-Pertua

Yang di-Pertua adalah pegawai pemutus (*presiding officer*) dan kuasa tertinggi di dalam Majlis, dan beliau dipilih oleh Ahli-ahli Majlis. Yang di-Pertua bertugas menjaga ketertiban, mengendalikan perjalanan mesyuarat, dan menguatkuasakan peraturan Majlis. Yang di-Pertua juga mempunyai kuasa kawalan ke atas keseluruhan kawasan Parlimen.



## Peranan dan fungsi-fungsi Yang di-Pertua

Yang di-Pertua diberikan tanggungjawab untuk:

- Mempengerusikan persidangan
- Memanggil Ahli untuk berucap, membuat pertanyaan, membuat penerangan dan menyertai perbahasan
- Mengemukakan masalah untuk pengundian
- Mengumumkan keputusan pengundian
- Memelihara keteraturan dan adab

- Memutuskan semua pertikaian peraturan mesyuarat
- Membetulkan kesilapan dalam Penyata Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat
- Mempertahankan hak dan kebebasan Majlis
- Mewakili Majlis dalam upacara rasmi/istiadat dan dalam urusan rasmi dengan institusi kerajaan lain, tetamu kehormat dari luar negara dan delegasi lain.

## Pemilihan Yang di-Pertua

Pemilihan Yang di-Pertua adalah urusan pertama aturan mesyuarat dalam persidangan pertama Majlis selepas Pilihan Raya Umum (atau apabila ada kekosongan jawatan) [PM 1(a) & 3].

Yang di-Pertua boleh dilantik dari kalangan Ahli Majlis atau bukan Ahli yang layak untuk pemilihan sebagai Yang di-Pertua di bawah peruntukan Perkara 57 Perlembagaan Persekutuan.

Pemilihan Yang di-Pertua dijalankan oleh Setiausaha yang akan bertindak sebagai Pengerusi [PM 4].

- Mana-mana Ahli boleh mencalonkan Ahli lain atau seorang individu sebagai Yang di-Pertua, dengan memberitahu Setiausaha serta mengusulkan [PM 4(2)]:

***“Iaitu..... (sebutkan nama ahli itu) dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua”.***

- Pencalonan memerlukan penyokong [PM 4(2)].
- Perbahasan tidak dibenarkan [PM 4(2)].
- Sebelum pencalonan, Ahli itu perlulah memastikan calonnya sanggup untuk memikul tanggungjawab [PM 4(1)].



- Ahli itu juga perlu memberitahu Setiausaha secara bersurat berkenaan calonnya sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh pemilihan [PM 4(1)].

Setelah selesai pencalonan dan jika hanya seorang sahaja dicalonkan, Setiausaha akan mengumumkan individu tersebut sebagai Yang di-Pertua tanpa pengundian [PM 4(3)].

Jika terdapat lebih dari satu pencalonan, pengundian akan dijalankan [PM 4(3)]. Ahli-ahli akan menulis nama calon pilihan mereka di atas kertas undi, yang mesti ditandatangani [PM 4(4)].

Setiausaha (atau pegawai yang dilantik olehnya) akan mengumpul dan mengira kertas undi, serta mengumumkan keputusan [PM 4(5)]. Untuk memenangi pemilihan, seorang calon mestilah mendapat undi yang lebih banyak berbanding kesemua undi calon-calon lain yang digabungkan. Jika tiada calon yang berjaya dalam pusingan pertama, pengundian akan diulang semula tetapi calon dengan undi paling sedikit pada setiap pusingan akan disingkirkan sehinggalah seorang calon sama ada mendapat [PM 4(6)(a)-(b)]:

- Lebih banyak undi berbanding calon lain digabungkan; atau
- (Jika hanya dua calon yang tinggal) lebih banyak undi berbanding calon yang tinggal.

Dalam situasi terikat antara dua calon terakhir, satu lagi pengundian dijalankan, dan jika masih terikat, keputusan pemilihan akan ditentukan secara cabutan mengikut cara yang ditentukan oleh Setiausaha [PM 4(6)(c)].

Selepas Pemilihan Yang di-Pertua, kertas undi akan disimpan selama sebulan kemudian dibakar [PM 4(7)].

Sebaik Yang di-Pertua terpilih, beliau akan mengangkat Sumpah dan mengambil tempat di kerusi Yang di-Pertua. Majlis kemudian diteruskan dengan pemilihan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua.

### **Timbalan Yang di-Pertua**

Dua orang Timbalan Yang di-Pertua perlulah dilantik dari kalangan Ahli-ahli [Perlembagaan Persekutuan, Per. 57(1)]. Timbalan-timbalan Yang di-Pertua membantu Yang di-Pertua dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Mereka boleh mempengerusikan persidangan Majlis pada bila-bila masa yang diminta oleh Yang di-Pertua [PM 7(1)], termasuklah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Majlis dan Jawatankuasa Perbekalan [PM 7(4)].

### **Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua**

Proses pemilihan Timbalan Yang di-Pertua adalah sama seperti pemilihan Yang di-Pertua, kecuali ianya dikendalikan oleh Yang di-Pertua [PM 6].

### **Ahli sebagai Pemangku Yang di-Pertua**

Jika sewaktu persidangan Dewan, Yang di-Pertua tidak hadir dan tiada Timbalan yang dipilih, seorang Ahli boleh dipanggil untuk mempengerusikan Majlis. Setiausaha akan memaklumkan ketidakhadiran kepada Majlis dan Menteri perlu membentangkan usul untuk Majlis memanggil mana-mana ahli yang hadir untuk menjadi pengerusi. Usul tersebut mesti dibentang dan disokong kemudian diundi namun tidak dibenarkan untuk dibahas [PM 7(1)].

Ahli yang dilantik diberi kuasa Yang di-Pertua sehinggalah Yang di-Pertua atau Timbalan hadir [PM 7(2)]. Yang di-Pertua juga boleh meminta seorang Ahli untuk mengambil tempat Pengerusi semasa

persidangan bagi tempoh yang ditetapkan, tanpa pemberitahuan kepada Majlis, dan Ahli tersebut diberi kuasa Yang di-Pertua [PM 7(3)]. Peraturan yang sama diguna pakai ke atas Pengerusi Jawatankuasa Majlis dan Jawatankuasa Perbekalan [PM 7(4)]. Ia juga boleh diguna pakai di dalam Kamar Khas [PM 16(5)].

## Setiausaha

Setiausaha Dewan adalah penasihat utama kepada Yang di-Pertua dan Ahli-ahli berhubung dengan amalan dan prosedur di dalam parlimen. Beliau bertanggungjawab membantu Yang di-Pertua dalam hal-hal berkaitan perjalanan mesyuarat di dalam Majlis.

### Peranan dan Fungsi Setiausaha

Tanggungjawab Setiausaha termasuklah:

- Menyedia dan mengedarkan kesemua surat dan pemberitahu mesyuarat yang diperlukan oleh Majlis dan Yang di-Pertua serta menjalankan perintah Yang di-Pertua [PM 9(1)]
- Menyedia dan membekal Ahli dengan Aturan Urusan Mesyuarat sesegera mungkin sebelum setiap persidangan [PM 9(2)(b)]
- Merakam dan menyimpan minit prosiding-prosiding di dalam Majlis (Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat) dan mengedarkan salinan sehari selepas persidangan atau sesegera mungkin [PM 9(3)]
- Penjaga kepada Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, rekod, Rang Undang-undang, dan dokumen-dokumen lain yang dibentangkan kepada Majlis [PM 9(6)]
- Menyelia penyediaan Penyata Rasmi [PM 10(1)].

Setiausaha menyimpan minit-minit mesyuarat dan untuk tujuan praktikal, turut menyimpan rekod-rekod persidangan Majlis dan jawatankuasa-jawatankuasa. Setiausaha juga bertanggungjawab dalam penerbitan

kesemua dokumen parlimen, dan merakam kesemua keputusan yang dibuat oleh Majlis.

Adalah menjadi tugas Setiausaha untuk memaklumkan Ahli-ahli secara bertulis, tarikh-tarikh Mesyuarat untuk setiap Penggal sekurang-kurangnya 28 hari sebelum pembukaan Penggal tersebut (kecuali jika Yang di-Pertua menetapkan sebaliknya) [PM 9(2)(a)].

## **Bentara Mesyuarat**

Bentara Mesyuarat bertugas membantu Yang di-Pertua atau Pengerusi Jawatankuasa mengekalkan ketenteraman Majlis dalam kalangan Ahli dan di dalam galeri [PM 44(7)].

Dalam mana-mana mesyuarat Majlis atau Jawatankuasa, Bentara Mesyuarat diberi kuasa untuk menahan mana-mana orang luar yang tiada kebenaran, melakukan kesalahan, atau enggan beredar dari Kamar atau galeri [PM 93].

Bentara Mesyuarat juga bertanggungjawab membawa cokmar sewaktu perarakan masuk Yang di-Pertua ketika Majlis bermula setiap hari serta mengumumkan ketibaan Yang di-Pertua.

# Urusan-urusan Majlis Mesyuarat

---

## Kedudukan kerusi dalam Dewan

Kerusi di dalam Dewan dibahagikan kepada Ahli Kerajaan dan Ahli Pembangkang. Dewan Majlis yang berbentuk U tersebut menempatkan ahli Kerajaan dan Menteri Kabinet di sebelah kanan Yang di-Pertua, manakala Pembangkang di sebelah kiri. Menteri Kabinet duduk di kerusi hadapan dengan kerusi Perdana Menteri berkedudukan paling hampir dengan Yang di-Pertua. Sebaik dilantik, Yang di-Pertua akan mengagihkan kerusi kepada semua Ahli [PM 2(1)-(3)].



## Bahasa

Bahasa rasmi di dalam Majlis Mesyuarat adalah Bahasa Malaysia namun Yang di-Pertua boleh memberi izin untuk penggunaan Bahasa Inggeris [PM 8].

## Mengangkat Sumpah

Sebelum Ahli yang terpilih mengambil kerusi di dalam Dewan Majlis, beliau perlulah Mengangkat Sumpah Jawatan atau membuat pengesahan, sesuai dengan Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan. Sumpah diuruskan oleh Setiausaha [PM 5]. Selepas mengangkat Sumpah, setiap Ahli akan menurunkan tandatangan di dalam buku di atas Meja Mesyuarat, yang disimpan untuk tujuan demikian oleh Setiausaha.

Jika Ahli yang telah dipilih tidak mengangkat Sumpah pada hari pertama Mesyuarat selepas Pilihan Raya Umum, atau dalam keadaan di mana Ahli dipilih ke Majlis melalui satu Pilihan Raya Kecil, Ahli tersebut boleh menghadirkan dirinya ke Meja Mesyuarat untuk mengangkat Sumpah pada permulaan persidangan seterusnya selepas bacaan Doa [PM 14(1) & 5(2)].

Jika Majlis ditangguh, Ahli boleh mengangkat Sumpah di hadapan Yang di-Pertua pada bila-bila masa. Yang di-Pertua akan melaporkan upacara Sumpah tersebut pada persidangan seterusnya [PM 5(3)].

### ***Sumpah sebagai Ahli Parlimen dan Sumpah Setia***

*Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan*

***“Saya,..... setelah dipilih (atau dilantik) sebagai seorang ahli Dewan Rakyat (atau Dewan Negara) dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.”***

## Cukupbilang

Pada bila-bila masa dalam persidangan Majlis, 26 orang Ahli perlu berada di dalam Dewan, tidak termasuk Pengerusi [PM 13(1)].

Perjalanan Mesyuarat di dalam Majlis lazimnya akan diteruskan dengan bilangan Ahli yang kurang daripada sepatutnya diperlukan untuk berada di dalam Dewan. Mana-mana Ahli boleh bangun ketika Perjalanan Mesyuarat untuk memohon panggilan Cukupbilang daripada Yang di-Pertua.

Ahli boleh memaklumkan kepada Yang di-Pertua bahawa kehadiran Ahli adalah kurang daripada 26 orang dan Ahli-ahli akan dipanggil masuk ke Dewan dengan menggunakan loceng bagi tujuan mengundi.

Selepas loceng dibunyikan selama dua minit, Yang di-Pertua akan membilang jumlah Ahli yang berada di dalam Dewan. Jika Cukupbilang tidak mencukupi, Majlis akan ditangguhkan tanpa pengundian sehingga hari berikutnya [PM 13(3)].

Proses yang sama juga berlaku sewaktu persidangan di peringkat Jawatankuasa Majlis dan jika cukupbilang tidak mencukupi, Pengerusi Jawatankuasa akan meninggalkan kerusi Pengerusi. Yang di-Pertua akan menyambung persidangan, dan jika cukupbilang mencukupi, Jawatankuasa Majlis boleh dipanggil, namun jika cukupbilang tidak mencukupi, Yang di-Pertua mesti menangguhkan Majlis tanpa pengundian sehingga hari persidangan berikutnya [PM 13(4)].

Jika Belahbahagian dipanggil ketika pengundian dan Yang di-Pertua mendapati ketiadaan cukupbilang, belahbahagian akan menjadi tidak sah dan beliau mesti menangguhkan perjalanan mesyuarat tersebut sehingga persidangan seterusnya [PM 13(5)].

## Menetapkan Takwim

Takwim Majlis ditetapkan oleh Kerajaan. Ketua atau Timbalan Ketua Majlis, melalui perbincangan dengan Yang di-Pertua, menetapkan tarikh persidangan Majlis sekurang-kurangnya 28 hari sebelum pembukaan Penggal, dan diboleh mengubah tarikh tersebut [PM 11(2)].

YDPA akan menitahkan Perisytiharan bagi memanggil Parlimen dan mengumumkan tarikh serta masa persidangan pertama Majlis pada setiap Penggal [PM 11(1)].

Perdana Menteri boleh membangkitkan kepentingan awam dan menasihatkan Yang di-Pertua bahawa Majlis perlu bersidang lebih awal dari tarikh ia ditangguhkan. Yang di-Pertua kemudiannya akan memaklumkan tarikh baharu kepada Majlis melalui satu pemberitahu. Perdana Menteri akan menetapkan urusan bagi hari tersebut [PM 11(3)].

## Perjalanan Harian

Jadual harian Majlis ditetapkan oleh Setiausaha menurut arahan Yang di-Pertua. Bagaimana pun, pada setiap hari persidangan, urusan Kerajaan mendapat keutamaan berbanding urusan Ahli Persendirian. Kerajaan menentukan agenda urusan Kerajaan dan memaklumpkannya kepada Setiausaha [PM 15(1) & (2)].

Pemberitahu usul Ahli Persendirian akan ditetapkan sebelum RUU Ahli Persendirian, dan ini diaturkan mengikut susunannya dalam Buku Mesyuarat. Usul Ahli Persendirian yang telah dicadangkan tetapi tidak diputuskan dalam satu mesyuarat Majlis, akan mendapat keutamaan di mesyuarat seterusnya berbanding usul Ahli Persendirian yang lain, tetapi hanya jika pencadang usul tersebut menyatakan niatnya untuk menyambung dengan usul tersebut [PM 15(3)-(5)].



Dewan bersidang dari hari Isnin ke Khamis dari jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang dan 2.30 petang hingga 5.30 petang melainkan ditangguhkan lebih awal atas sebab urusan telah selesai atau ditangguhkan [PM 12(1)].

Menteri boleh pada bila-bila masa dan tanpa pemberitahuan mencadangkan sebuah usul untuk mengubah waktu persidangan, dan usul tersebut mesti diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan [PM 12(1)].

Pada bila-bila masa, Yang di-Pertua boleh menunda persidangan untuk satu tempoh yang ditetapkan [PM 12(2)], atau melanjutkan masa persidangan selepas jam 5.30 petang (atau selepas apa-apa masa yang ditetapkan oleh Majlis) untuk tempoh yang tidak lebih dari 15 minit untuk menyelesaikan sesebuah perkara [PM 12(3)].

Kerajaan boleh menjemput tetamu kehormat dari luar negara untuk berucap di Majlis atau bersesama dengan Dewan Negara pada bila-bila masa sewaktu persidangan Majlis [PM 14(3)].

Berikut adalah Aturan Urusan Majlis Mesyuarat lazim [PM 14(1)]:

- (a) *Yang di-Pertua masuk ke dalam Dewan secara rasmi*
- (b) *Doa sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis*
- (c) *Angkat Sumpah bagi mana-mana Ahli baharu*
- (d) *Titah daripada YDPA (jika ada)*
- (e) *Pemasyhuran (perisytiharan) daripada Yang di-Pertua*
- (f) *Rayuan-rayuan*
- (g) *Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri*
- (h) *Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan oleh Menteri*

- (i) *Usul berkepentingan awam yang perlu disegerakan*
- (j) *Penerangan daripada Menteri-menteri*
- (k) *Ucapan pujian*
- (l) *Ucapan takziah*
- (m) *Penerangan sendiri*
- (n) *Pengemukaan Rang Undang-undang Kerajaan (Bacaan Kali Pertama)*
- (o) *Usul-usul berkaitan Aturan Urusan Mesyuarat*
- (p) *Urusan-urusan Am*
- (q) *Usul-usul untuk mengemukakan Rang Undang-Undang bukan Kerajaan*
- (r) *Lain-lain urusan*

## Penyata Rasmi

Perakam Penyata Rasmi merakam kesemua perjalanan Majlis menggunakan perakam audio digital. Mereka merakam secara bertulis sebarang celahan yang mungkin tidak dapat dirakam secara audio sebagai sokongan kepada rakaman digital.

Kesemua ucapan di dalam Majlis dan Jawatankuasa Majlis yang direkodkan di dalam Penyata Rasmi disediakan di bawah penyeliaan Setiausaha [PM 10(1)]. Penyata-penyata ini kemudian disediakan dan diserahkan kepada Ahli-ahli untuk pembetulan sebelum ia diterbitkan [PM 10(3)]. Ahli-ahli hanya boleh membuat pembetulan kecil ke atas apa yang mereka sebut seperti yang dilaporkan dan tidak boleh mengubah makna atau isi ucapan mereka. Jika mereka mahu membuat perubahan besar, mereka perlu mendapatkan keputusan Yang di-Pertua [PM 10(4)].

## Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat

Nama Ahli yang hadir, kesemua keputusan Majlis dan keputusan pengundian, termasuk nama mereka yang menyokong dan membantah serta yang berkecuali, dirakam dan disimpan berasingan sebagai Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat. Yang di-Pertua akan menandatangani dokumen tersebut dan boleh membuat pembetulan [PM 9(4)].

Setiausaha bertanggungjawab ke atas Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, rakaman, RUU dan dokumen lain yang dikemukakan kepada Majlis [PM 9(6)]. Dokumen-dokumen ini adalah terbuka untuk diperiksa oleh Ahli dan orang lain yang dibenarkan oleh Yang di-Pertua [PM 9(6)].

# Pertanyaan-pertanyaan Parlimen

Ahli-ahli boleh mengemukakan dua jenis pertanyaan: Pertanyaan untuk Jawapan Lisan (“Pertanyaan Lisan”) dan Pertanyaan untuk Jawapan Bertulis (“Pertanyaan Bertulis”)



Pertanyaan boleh diarahkan kepada Menteri dan Ahli-ahli selain daripada Menteri [PM 21].

Pertanyaan kepada Menteri haruslah berkenaan dengan [PM 21(1)]:

- Hal-hal berkaitan urusan jawatan mereka; atau
- RUU, usul, atau perkara awam berkaitan urusan Majlis yang dipertanggungjawabkan ke atas Menteri tersebut.

Pertanyaan kepada Ahli selain daripada Menteri mestilah berkaitan RUU, usul, atau perkara awam berkaitan urusan Majlis yang dipertanggungjawabkan ke atas Ahli tersebut.

Tujuan pertanyaan adalah untuk mendapatkan fakta yang berada dalam pengetahuan khusus Ahli yang disoal.

Setiap Ahli tidak boleh mengemukakan lebih dari sepuluh pertanyaan untuk Jawapan Lisan dan lebih dari lima pertanyaan untuk Jawapan Bertulis dalam satu mesyuarat Majlis [PM 22(4)].

## Pemberitahu Pertanyaan

Pemberitahu bagi pertanyaan-pertanyaan perlu diserahkan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya sepuluh hari bekerja sebelum mesyuarat bermula [PM 22(2)].

Bagaimana pun, Ahli boleh menyerahkan tiga Pertanyaan Lisan kepada Setiausaha semasa persidangan Majlis, selagi pemberitahu bertulis diberikan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh hari bekerja sebelum tarikh persidangan bagi pertanyaan yang dijadualkan tersebut [PM 22(5)].

Ahli mesti menandakan Pertanyaan Lisan dengan perkataan “**Jawab Lisan**”. Seorang Ahli tidak boleh mempunyai lebih dari tiga Pertanyaan Lisan dalam hari yang sama. Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk mengarahkan Pertanyaan Lisan dijawab secara bertulis [PM 22(3)].

### **Pertanyaan tanpa Pemberitahu**

Pertanyaan boleh dikemukakan tanpa pemberitahu jika Yang di-Pertua memberi izin dan menganggap ianya perlu disegerakan serta berkaitan dengan [PM 22(1)]:

- Perkara berkepentingan awam; atau
- Aturan Urusan Mesyuarat.

### **Format Pertanyaan**

Pertanyaan untuk Jawapan Lisan perlu dikemukakan dalam format berikut [PM 23(1)(r)]:

- Tidak melebihi 40 perkataan (tidak termasuk nama dan kawasan parlimen Ahli bertanya dan Menteri bertanggungjawab);
- Tidak boleh mengandungi lebih dari dua pertanyaan berlainan atau gabungan lebih dari dua pertanyaan.

### **Peraturan-peraturan Pertanyaan**

Setiap pertanyaan perlulah [PM 23(1)]:

- Tidak mengandungi nama individu;

- Tidak mengandungi kenyataan tidak mustahak;
- Mengandungi kenyataan yang tepat;
- Tidak mengandungi apa-apa hujah, sangkaan, fikiran, tohmahan, puji atau keji atau pernyataan yang mengelirukan, menyindir dan menyakitkan hati;
- Tidak dangkal atau ditanya hanya untuk meminta penerangan mengenai perkara yang remeh;
- Tidak merujuk kepada perbahasan atau jawapan kepada pertanyaan dalam penggal semasa;
- Tidak merujuk kepada prosiding Jawatankuasa yang belum dilaporkan kepada Majlis;
- Bukan untuk meminta keterangan tentang perkara yang diketahui sebagai rahsia;
- Tidak dikarang untuk menggelengcungkan kes yang sedang dibicarakan di Mahkamah atau bertanyakan perkara yang sedang di dalam pertimbangan Mahkamah;
- Tidak dikemukakan untuk tujuan mendapatkan:
  - ▶ Kenyataan berbentuk pendapat
  - ▶ Penyelesaian kepada kes undang-undang yang belum jelas
  - ▶ Jawapan kepada perkara bersifat agak-agakkan;
- Tidak ditanya untuk menentukan sama ada penerangan dalam media oleh seseorang individu atau badan kewangan, adalah tepat;
- Tidak ditanya berkenaan sifat atau kelakuan peribadi seseorang kecuali dalam kapasiti rasmi;
- Tidak mengandungi pernyataan yang tidak beradab ke atas negara asing yang baik hubungannya dengan Malaysia;

- Bukan untuk mendapatkan maklumat hal ehwal dalaman negara asing;
- Tidak membayangkan sifat atau kelakuan seseorang yang jika kelakuannya itu hanya boleh disoal melalui usul tersendiri;
- Tidak ditanya untuk mendapatkan maklumat yang boleh didapati dari dokumen atau rujukan biasa;
- Tidak ditanya jika pertanyaan sudah dijawab penuh dalam penggal yang sama;
- Tidak ditanya berkaitan dengan perkara:
  - ▶ Yang terkandung dalam Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan (rujuk Lampiran 1), yang menyenaraikan perkara terhadap kepada kuasa perundangan negeri.
  - ▶ Kelakuan dan sifat [PM 36(8)]:
    - (i) YDPA, Raja-Raja Melayu, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri,
    - (ii) Hakim atau sesiapa yang terlibat dalam pentadbiran kehakiman,
    - (iii) Anggota Majlis Angkatan Tentera,
    - (iv) Ahli kepada mana-mana Suruhanjaya Perkhidmatan di bawah Bahagian X Perlembagaan Persekutuan,
    - (v) Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya,
    - (vi) Ketua negara yang bersahabat baik dengan Malaysia.
- Tidak ditanya berkaitan perkara yang tidak tertentu atau terlalu umum.

Pertanyaan yang menuduh atau membayangkan tuduhan ke atas sifat diri seorang tidak akan dibenarkan.

## Menolak, Meminda atau Menyunting Pertanyaan

Yang di-Pertua boleh menolak atau mengarahkan sesuatu pertanyaan dipinda jika beliau mendapati bahawa pertanyaan tersebut [PM 23(2)]:

- Adalah salah guna hak pertanyaan;
- Dipertimbangkan sebagai sengaja untuk menghalang atau merosakkan perjalanan Mesyuarat;
- Bertujuan menaikkan perasaan sakit hati atau permusuhan antara kaum di Malaysia; atau
- Melanggar apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan atau Akta Hasutan 1948 atau PM 23.

Yang di-Pertua boleh mengarahkan untuk pertanyaan diubahsuai menurut arahannya atau dikeluarkan (ditolak) [PM 23(2)(a)-(b)].

Pengeluaran akan dilaporkan kepada Ahli secara bertulis berserta sebab ia tidak dibenarkan [PM 23(3)].

Setiausaha diberi kuasa untuk menyunting pertanyaan [PM 23(5)].

## Keengganan Menjawab Pertanyaan oleh Menteri

Seorang Menteri yang diajukan pertanyaan boleh, dengan izin Yang di-Pertua, enggan menjawab atas sebab kepentingan awam [PM 23(4)].

Keengganan tersebut tidak boleh dibahas atau dipersoalkan [PM 23(4)].

## Prosedur Pertanyaan Lisan

Apabila sampai kepada pertanyaan seorang Ahli di dalam Aturan Mesyuarat, Yang di-Pertua akan memanggil Ahli tersebut [PM 24(1)].

Ahli yang dipanggil akan bangun dari tempat duduknya dan mengemukakan pertanyaan dengan merujuk kepada angka bilangannya di dalam Aturan Mesyuarat [PM 24(1)]. Ahli tersebut diberi 30 saat untuk



bertanya di dalam Majlis. Secara praktis, Ahli hanya akan menyebut angka bilangan pertanyaan seperti dalam Aturan Mesyuarat.

Jika Ahli tersebut gagal untuk bangun dan bertanya, Ahli lain boleh mengemukakan pertanyaan tersebut selepas pertanyaan-pertanyaan lain telah diselesaikan pada hari tersebut [PM 24(2)].

Seorang Ahli boleh memohon untuk pertanyaannya ditangguhkan kepada persidangan terkemudian atau menarik balik pertanyaan pada bila-bila masa sebelum ia dipanggil [PM 24(2)].

Jika tiada sesiapa yang bangun untuk mengemukakan Pertanyaan dari Aturan Mesyuarat, Menteri yang dikemukakan pertanyaan akan menghantar salinan jawapan kepada Setiausaha yang akan memastikan jawapan tersebut dicetak di dalam Penyata Rasmi [PM 24(2)].

Jika Ahli yang pertanyaannya dipanggil bangun dan bertanya, Menteri atau Timbalan Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkara berkaitan, sebagai amalan pentadbiran, diberi tiga minit untuk menjawab.

Menteri juga boleh menjawab pertanyaan-pertanyaan yang serupa yang ditetapkan dalam Aturan Mesyuarat pada hari lain jika dibenarkan oleh Yang di-Pertua. Pertanyaan-pertanyaan tersebut kemudiannya akan dikeluarkan dari Aturan Mesyuarat yang akan datang [PM 24(1A)].

Jika jawapan lisan tidak diperlukan, atau jawapan bertulis diarahkan di bawah PM 22(3) oleh Yang di-Pertua, Menteri yang bertanggungjawab akan menghantar salinan jawapan kepada Setiausaha untuk dimasukkan ke dalam Penyata Rasmi [PM 24(6)].

## **Pertanyaan-pertanyaan Tambahan**

Selepas pertanyaan asal ditanya, seorang Ahli boleh mengemukakan pertanyaan tambahan.

Ahli lain juga boleh mengemukakan pertanyaan tambahan. Ia tidak semestinya perlu datang dari Ahli yang mengemukakan pertanyaan asal.

Menteri-menteri tidak semestinya bersedia untuk pertanyaan tambahan.

Setiap pihak dibenarkan untuk mengemukakan pertanyaan.

Yang di-Pertua boleh membenarkan tidak lebih dari tiga pertanyaan tambahan dengan tujuan “menerangkan apa-apa butir perkara yang telah diberi jawab lisan” [PM 24(3)].

Yang di-Pertua boleh menolak pertanyaan tambahan yang:

- memperkenalkan “perkara yang tidak berkait dengan pertanyaan asal” [PM 24(3)];
- melanggar peruntukan dalam PM 23 (Bentuk Pertanyaan) [PM 24(3)];
- dibuat sebagai helah untuk perbahasan [PM 24(4)];
- Menteri menyatakan telah dijawab dalam persidangan sebelumnya bagi penggal Parlimen tersebut [PM 24(3)(i)];
- mengandungi beberapa pertanyaan atau gabungan beberapa pertanyaan [PM 24(3)(ii)].

Hanya Pertanyaan Tambahan yang berasal dari pertanyaan yang telah ditanya boleh dikemukakan selepas 1 jam 30 minit Waktu Pertanyaan [PM 24(5)].

## Jawapan kepada Pertanyaan Bertulis

Walaupun Peraturan Mesyuarat tidak menyatakan secara khusus tempoh masa buat Menteri-menteri menjawab Pertanyaan Bertulis, amalan lazimnya adalah jawapan bertulis akan disediakan atau dihantar kepada Ahli yang berkenaan pada penghujung mesyuarat di mana pertanyaan bertulis tersebut dikemukakan.

Jawapan kepada kedua-dua Pertanyaan Lisan dan Bertulis turut dimuat naik ke dalam laman web Parlimen iaitu [parlimen.gov.my](http://parlimen.gov.my).

## **Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri**

Waktu Pertanyaan Menteri diadakan selama 30 minit pada setiap hari Selasa dan Khamis ketika Majlis sedang bersidang, sebelum permulaan Waktu Pertanyaan-pertanyaan [PM 24(5A)].

Untuk mengemukakan pertanyaan pada Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri, seorang Ahli perlu menyerahkan pemberitahu bertulis kepada Setiausaha satu hari terlebih dahulu dalam waktu pejabat biasa [PM 24A(1)].

Seorang Ahli boleh mengemukakan pertanyaan berkaitan dengan perkara dasar yang dalam tanggungan Menteri itu.

## **Proses Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri**

Yang di-Pertua akan memanggil Ahli yang telah menyenaraikan pertanyaan mereka [PM 24A(3)].

Ahli tersebut akan bangun untuk mengemukakan pertanyaan [PM 24A(4)]. Amalan lazim adalah untuk Ahli hanya membaca pertanyaan seperti di dalam Aturan Mesyuarat.

Pertanyaan dan jawapan dari Menteri tidak boleh melebihi sepuluh minit [PM 24A(5)].

Pertanyaan tersebut tidak akan dibahaskan [PM 24A(6)].

Pertanyaan tambahan boleh ditanya dalam tempoh sepuluh minit tersebut [PM 24A(7)] dan boleh dikemukakan oleh Ahli lain.

Kesemua peraturan seperti di dalam PM 23 adalah diguna pakai.

# Usul-usul

---

## Keperluan untuk Pemberitahu (Notis) Usul

Kebanyakan usul di dalam Majlis memerlukan pemberitahu usul.

Usul-usul yang berikut **tidak** memerlukan Pemberitahu Usul [SO 26(1)]:

- Usul untuk meminda masalah yang telah pun dicadangkan
- Usul yang dibawa ke dalam Jawatankuasa Majlis
- Usul untuk menangguhkan Majlis
- Usul untuk menangguhkan perbahasan
- Usul untuk mendahulukan perkara lain di luar aturan biasa
- Usul Menteri untuk seorang Ahli mengambil tempat sebagai Yang di-Pertua di bawah PM 7(1)
- Usul untuk perjalanan mesyuarat bagi suatu perkara khusus dikecualikan dari peruntukan PM 12 (waktu dipanjangkan)
- Usul menangguhkan Majlis ke hari berikutnya [PM 12(2)]



- Usul untuk pelantikan Jawatankuasa Pilihan di bawah PM 19(4)
- Usul untuk menggantung seseorang Ahli
- Usul untuk membatalkan undi seseorang Ahli di bawah PM 47(5)
- Usul untuk merujuk RUU kepada Jawatankuasa Pilihan di bawah PM 54
- Usul untuk memulangkan semula RUU yang telah dilaporkan kepada Majlis oleh Jawatankuasa Majlis
- Usul untuk menarik balik RUU di bawah PM 62
- Usul untuk menggantung sesuatu Peraturan Mesyuarat di bawah PM 90 dengan keizinan dari Yang di-Pertua
- Usul untuk mengeluarkan Orang-orang Luar
- Usul untuk menutup perbahasan di bawah PM 40
- Usul berkaitan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku
- Usul untuk sesebuah rayuan dibaca, dicetak, atau dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan
- Usul untuk penyata (laporan) Jawatankuasa Pilihan dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis
- Usul untuk melanjutkan tempoh bagi pengesahan perintah kementerian dalam menetapkan duti kastam di bawah Seksyen 11(1) Akta Kastam 1967.

### **Usul Melibatkan Rang Undang-undang Wang**

Usul yang melibatkan permohonan berikut tidak akan diteruskan sehingga Menteri Kewangan mengesahkan sokongan Kerajaan [PM 26(2)], atau bahawa ianya tidak melebihi perkara kecil dan bukan perkara yang besar [PM 26(3)]:

- Pemberian, sanggup, atau perbelanjaan wang negara
- Membatalkan hutang kepada Kerajaan
- Pembebasan cukai-cukai yang kena bayar oleh mana-mana individu
- Pembebasan ganti rugi atas kehilangan wang hasil negeri
- Pembatalan, pengubahan, atau pemansuhan apa-apa cukai.

## Cara Menyerahkan Pemberitahu Usul

Pemberitahu usul akan dihantar kepada Setiausaha secara bertulis dalam waktu pejabat biasa [PM 27(1)]. Pemberitahu usul tersebut:

- Perlu ditandatangani [PM 27(2)]
- Perlu dikeluarkan tidak kurang daripada 14 hari terlebih dahulu jika diserahkan oleh Ahli [PM 27(3)]
- Perlu dikeluarkan tidak kurang daripada tujuh hari terlebih dahulu jika diserahkan oleh Menteri [PM 27(3)]
- Perlu dikeluarkan satu hari terlebih dahulu jika diserahkan oleh Menteri dan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa bagi faedah orang ramai, usul tersebut mustahak dibahaskan sesegera mungkin [PM 27(3)]
- Perlu dikeluarkan tidak kurang daripada dua hari terlebih dahulu jika melibatkan rayuan ke atas perintah Yang di-Pertua berkaitan Peraturan Mesyuarat [PM 43]
- Perlu dikeluarkan tidak kurang daripada dua hari terlebih dahulu bagi usul untuk Majlis menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan [PM 86(5)]
- Harus dicetak dan dihantar kepada Ahli-ahli tidak kurang dari sehari sebelum persidangan yang melibatkan usul tersebut [PM 27(4)]

- Boleh diubah suai oleh Yang di-Pertua jika beliau berpendapat yang ianya bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat atau tidak mengikut aturan [PM 27(5)]
- Boleh dihantar semula oleh Yang di-Pertua kepada pencadang jika tidak mengikut aturan [PM 27(5)]

Jika sesuai dengan aturan, pemberitahu akan dicetak dan diedarkan oleh Setiausaha, dengan usul-usul untuk meminda RUU diatur mengikut susunan pindaan-pindaan tersebut hendak dicadangkan [PM 27(6)].

## **Meminda atau Menarik Balik Pemberitahu Usul**

Jika seorang Ahli ingin mengubah perkataan di dalam usul mereka, Ahli harus menyerahkan pemberitahu usul yang telah dipinda kepada Setiausaha dengan syarat Yang di-Pertua berpendapat perkara yang diubah tidak mengubah asas atau tujuan yang dinyatakan dalam pemberitahu usul yang asal [PM 28].

Pemberitahu usul yang dipinda akan berjalan dari masa penyerahan pemberitahu usul yang asal [PM 28].

Ahli boleh melalui pemberitahu bersurat kepada Yang di-Pertua, menarik balik mana-mana pemberitahu usul yang telah dikeluarkannya terlebih dahulu. Jika ditarik selepas ia dimasukkan ke dalam Aturan Mesyuarat, Yang di-Pertua akan mengumumkan yang ia telah ditarik balik dan perkara tersebut akan dimasukkan ke dalam Penyata Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat [PM 29(1) & (2)].

## **Meminda Usul**

Semasa sebuah usul sedang dalam pertimbangan Majlis atau jawatankuasa, pindaan boleh dicadangkan jika dianggap relevan [PM 30(1)]. Pindaan juga boleh dicadangkan ke atas mana-mana pindaan yang relevant jika dianggap relevan [PM 30(2)].

Pindaan tidak boleh membangkitkan masalah yang hanya boleh dibangkitkan melalui usul tersendiri berserta pemberitahu [PM 30(3)].

Sesuatu masalah yang dikemukakan oleh Yang di-Pertua atau Pengerusi Jawatankuasa boleh dipinda [PM 30(4)]:

- dengan dipotong apa-apa perkataan untuk dimasukkan perkataan lain; atau
- dengan dipotong apa-apa perkataan; atau
- dengan dimasukkan atau ditambah perkataan lain.

Mana-mana pindaan ke atas usul di Majlis atau Jawatankuasa Majlis mesti diserahkan secara bersurat oleh pencadang (kecuali Pengerusi membuat pengecualian) dan diserahkan kepada Setiausaha [PM 32].

Yang di-Pertua tidak akan memanggil masalah ke atas usul atau pindaan kecuali jika usul atau pindaan tersebut disokong [PM 31(1)]. Penyokong tidak diperlukan di dalam Jawatankuasa [PM 31(2)].

## Perbahasan Usul dan Pindaan

Apabila usul telah dicadangkan (dan jika perlu, disokong), Pengerusi akan mengemukakan masalah kepada Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa mengikut susunan cakap dalam usul tersebut. Masalah tersebut kemudiannya dibahaskan dan (kecuali dihadkan oleh Peraturan Mesyuarat lain) boleh berterusan selama mana yang diperlukan selagi ada ahli-ahli yang berhak yang ingin bercakap [PM 33(1)].

- Apabila tiada lagi Ahli yang ingin berucap, Pengerusi akan meminta keputusan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa atas masalah tersebut, dan mereka akan mengundi mengikut peraturan **Undian dalam Majlis** [PM 33(2) & 45].



Pindaan ke atas usul (seperti yang diterangkan dalam **Meminda Usul**) boleh dicadangkan, dan jika perlu, disokong, pada bila-bila masa selepas Pengerusi mengemukakan masalah dan sebelum Pengerusi meminta keputusan selepas habis perbahasan [PM 33(3)].

- Setelah semua pindaan ke atas usul diputuskan, Pengerusi akan mengemukakan masalah sama ada ke atas usul tersebut atau usul seperti dipinda, dan selepas apa-apa perbahasan lanjut, Pengerusi akan kemukakan masalah itu kepada Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa bagi diputuskan [PM 33(3)].

- Masalah berikut akan dicadangkan dalam keadaan yang bersesuaian [PM 33(4)]:

- ▶ Untuk pindaan bagi memotong perkataan dalam usul [PM 33(4)(a)]:

***“Iaitu perkataan-perkataan yang dicadangkan hendak dipotong itu hendaklah dipotong daripada masalah itu”.***

- ▶ Untuk pindaan bagi memasukkan mana-mana perkataan atau menambah perkataan di bahagian hujung sebuah usul [PM 33(4)(b)]:

***“Iaitu perkataan-perkataan itu dimasukkan di situ”***  
atau ***“ditambah”.***

- ▶ Untuk pindaan bagi memotong dan menambah atau memasukkan perkataan lain [PM 34(4)(c)]:

***“Iaitu perkataan-perkataan yang dicadang hendak dipotong itu hendaklah dipotong daripada masalah itu”.***

jika dipersetujui, kemudian:

***“Iaitu perkataan-perkataan itu dimasukkan di situ”***  
atau ***“ditambah”.***

Jika masalah pertama tidak berjaya, tiada lagi pindaan boleh dibuat ke atas perkataan yang diputuskan untuk dikekalkan oleh Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa.

- Jika terdapat cadangan pindaan bagi memotong perkataan tertentu (pindaan asal), dan Ahli yang lain memaklumkan Pengerusi bahawa beliau ingin mencadangkan sebuah lagi pindaan untuk memotong sebahagian sahaja dari perkataan yang berkenaan (pindaan kedua), dan jika Pengerusi berpendapat bahawa pindaan kedua adalah sebuah pindaan baru, beliau akan, jika boleh, meminta keputusan Majlis atau Jawatankuasa untuk memotong hanya bahagian dari pindaan asal yang tidak termasuk di dalam pindaan kedua. Jika Majlis atau Jawatankuasa bersetuju dengan masalah Pengerusi yang dikemukakan tersebut, keseluruhan perkataan yang dicadangkan untuk dipotong dalam pindaan asal disifatkan sebagai diperintahkan untuk dipotong [PM 34(4)(d)].
- Jika terdapat lebih dari satu pindaan dicadangkan ke atas sesebuah usul, Pengerusi akan memanggil pencadang mengikut aturan pindaan usul yang berkenaan, tetapi dalam situasi yang meragukan, Pengerusi boleh memutuskan sendiri aturannya. Bagaimana pun, jika pindaan adalah berkaitan dengan apa-apa perkataan yang telah pun diputuskan oleh Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa untuk dikekalkan, pindaan tersebut tidak boleh dicadangkan [PM 34(4)(e)].

Seorang Ahli yang ingin mencadangkan pindaan ke atas pindaan boleh mencadangkannya (dan jika perlu, hendaklah disokong) pada bila-bila masa selepas masalah ke atas pindaan asal dikemukakan, tetapi sebelum diminta keputusan Majlis setelah habis perbahasan berkenaan pindaan asal [PM 33(5)(a)].

- Format cadangan masalah yang dinyatakan dalam PM 33(4) (seperti dibutirkan di atas) terguna pakai dalam mencadangkan pindaan ke atas pindaan, tetapi perkataan “masalah” digantikan dengan “pindaan asal” [PM 33(5)(b)].
- Selepas kesemua pindaan ke atas pindaan telah diputuskan, Pengerusi akan mengemukakan sama ada masalah ke atas pindaan asal, atau ke atas pindaan asal yang dipinda, mengikut yang dikehendaki [PM 33(5)(c)].

## **Menarik Balik Usul atau Pindaan Ketika Perbahasan**

Seorang pencadang usul atau pindaan boleh memohon untuk menarik balik sebelum masalah berkenaan selesai dikemukakan oleh Pengerusi bagi diputuskan oleh Majlis [PM 34(1)]. Bagaimana pun, jika masalah telah dikemukakan untuk meminda usul atau meminda pindaan, usul atau pindaan asal tidak boleh ditarik balik sehingga pindaan yang dicadangkan tersebut telah diputuskan [PM 34(2)].

Usul atau pindaan yang sama boleh dicadangkan semula, dengan syarat bahawa sesuatu pemberitahu dikeluarkan bagi usul tersebut jika ianya diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat [PM 34(1)].

# Kamar Khas

---

Semua Ahli-ahli adalah Ahli kepada Kamar Khas [PM 16(2)].

Kamar Khas boleh bermesyuarat pada masa yang ditentukan oleh Yang di-Pertua sewaktu persidangan. Kamar Khas bersidang dari jam 2.30 petang hingga urusan Kamar tersebut selesai [PM 16(6)]. Bagaimana pun, Yang di-Pertua boleh menempohkan persidangan untuk tempoh tertentu [PM 16(7)].

Kamar Khas diwujudkan untuk meneliti perkara-perkara berikut:

- Usul tentang perkara-perkara pentadbiran yang dipertanggungjawabkan ke atas Kerajaan di bawah PM 17:
  - ▶ Ahli, selain dari Menteri, boleh berucap dalam Kamar Khas tentang perkara pentadbiran yang dipertanggungjawabkan ke atas Kerajaan. Ahli tersebut, pertama sekali mesti menyerahkan pemberitahu bersurat kepada Yang di-Pertua dan mendapatkan keizinannya. Pemberitahu kepada Yang di-Pertua mesti diserahkan tidak kurang dari tujuh hari terlebih dahulu dan disertakan dengan teks ucapan yang tidak melebihi 400 patah perkataan.
  - ▶ Yang di-Pertua boleh menyunting kandungan ucapan dan Ahli perlu membaca teks yang telah diluluskan tersebut.
  - ▶ Tidak lebih daripada dua orang Ahli dibenarkan untuk mengemukakan usul PM 17 dalam satu mesyuarat Kamar Khas, dan setiap seorang Ahli tersebut boleh mengemukakan sebanyak dua usul dalam mesyuarat itu.
  - ▶ Menteri yang bertanggungjawab atas perkara tersebut boleh menjawabnya.

- ▶ Seorang Ahli dibenarkan untuk mengemukakan satu pertanyaan tambahan bagi setiap usulnya bagi maksud mendapatkan penerangan terhadap jawapan Menteri.
- ▶ Ahli-ahli lain tidak dibenarkan meminta penjelasan atau mengganggu Ahli yang sedang berucap.
- ▶ Dalam pemilihan dan pengaturan usul-usul di bawah PM 17, keutamaan akan diberikan kepada Ahli-ahli yang belum mengemukakan apa-apa usul di bawah PM 17.



- Perkara tertentu yang berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan seperti yang diperuntukkan dalam PM 18:
  - ▶ Mana-mana Ahli, selain dari Menteri, boleh bangun dan meminta keizinan untuk membincangkan perkara tertentu yang mustahak serta berkepentingan awam dengan membaca teks usul yang telah diluluskan Yang di-Pertua.
  - ▶ Ahli perlu meminta keizinan dari Yang di-Pertua sekurang-kurangnya 24 jam lebih awal melalui pemberitahu bersurat yang tidak melebihi 300 patah perkataan.
  - ▶ Ahli tersebut juga perlu menyerahkan usul yang dicadangkan untuk dimasukkan.
  - ▶ Ahli tersebut perlu menyerahkan penjelasan bertulis yang menerangkan mengapa perkara tersebut adalah tertentu,

perlu disegerakan dan berkepentingan orang ramai.

- ▶ Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk menentukan perkara tersebut adalah tertentu, perlu disegerakan dan berkepentingan orang ramai.
  - ▶ Tidak lebih daripada satu usul di bawah PM 18 boleh dibawa dalam satu hari persidangan mesyuarat.
  - ▶ Ahli tidak boleh mengemukakan semula perkara yang sama dalam mesyuarat yang sama setelah ia ditolak oleh Yang di-Pertua.
  - ▶ Yang di-Pertua boleh menolak sesuatu usul di dalam kamar.
- Apa-apa perkara yang disebut dalam sebuah penerangan daripada Menteri yang telah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat di bawah PM 14(1)(i) [PM 16(1)(c)].

**Cukupbilang** untuk Kamar Khas adalah tiga orang Ahli termasuk Pengerusi [PM 13(1A)], dan harus disertai oleh Yang di-Pertua, Ahli yang mencadangkan usul, dan seorang Ahli dari Kerajaan [PM 16(3)].

Yang di-Pertua akan menentukan urusan dalam setiap persidangan Kamar Khas [PM 14A].

Yang di-Pertua boleh menolak sesuatu usul di dalam kamar jika beliau berpuas hati bahawa [PM 18(7)]:

- pencadangnya hanya berniat untuk mengambil peluang berucap di dalam Majlis;
- perkara tersebut telah pun dibincangkan dalam persidangan yang sedang berlangsung; atau
- apa-apa usul itu bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat.

Jika sebuah usul telah ditolak di dalam Kamar Khas, ia tidak boleh dicadang atau dibaca di dalam Majlis [PM 18(8)].

# Rayuan-rayuan

---

Setiap permintaan kepada Majlis Mesyuarat haruslah dalam bentuk rayuan (petition) dan hanya Ahli sahaja yang boleh membuat rayuan. Ahli tersebut bertanggungjawab memastikan adab bahasa rayuan tersebut [PM 19(1)].



## Rayuan berkaitan Kewangan

Majlis tidak akan menerima rayuan yang memohon perkara-perkara berikut kecuali jika mendapat sokongan Kerajaan melalui Menteri Kewangan [PM 19(1)]:

- pemberian atau sanggupuan
- perbelanjaan wang negeri
- pembatalan hutang kepada Kerajaan
- membebaskan cukai yang kena dibayar oleh sesiapa
- membebaskan ganti rugi kerana hilang wang hasil negara
- pembatalan, pengubahan, atau pemansuhan sebarang cukai.

## Bentuk dan Proses Rayuan

Permohonan rayuan perlu ditulis di setiap mukasurat jika terdapat tandatangan padanya. Seseorang yang tidak boleh menulis boleh menurunkan cap jarinya di hadapan dua orang saksi [PM 19(2)(a)].

Rayuan tidak boleh menyebut tentang sebarang perbahasan dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negara atau mana-mana cadangan usul

kecuali pemberitahu usul tersebut telah dimasukkan ke dalam Buku Mesyuarat [PM 19(2)(b)].

Ahli tidak boleh membawa rayuan daripada dirinya sendiri, atau yang disertainya; tetapi ia boleh dibawa oleh Ahli lain [PM 19(2)(c)].

Bagaimana pun, Ahli yang bertanggungjawab ke atas rayuan mesti menandatangani permulaan rayuan sebelum ia diserahkan kepada Setiausaha. Rayuan mesti diserahkan sekurang-kurangnya satu hari genap sebelum dikemukakan [PM 2(d)].

Setiausaha akan menyemak rayuan dan menyerahkannya kepada Yang di-Pertua untuk diperkenankan. Tiada rayuan boleh dikemukakan sehingga telah ditanda “***Telah Diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua***” [PM 19(2)(d)].

Seseorang Ahli sebelum mengemukakan sebuah rayuan perlu menulis jumlah bilangan tandatangan di kepala surat rayuan dan memastikan rayuan itu tidak mengandungi bahasa yang kurang adab terhadap Dewan Rakyat atau Dewan Negara [PM 19(2)(e)].

Ketika mengemukakan rayuan, seorang Ahli boleh secara ringkas menerangkan tujuannya [PM 19(3)].

## **Membaca Rayuan**

Ahli boleh membawa usul untuk membaca sebarang rayuan. Usul itu perlu disokong [PM 19(4)(c)]. Dalam membawa usul tersebut, Ahli mesti menyatakan secara ringkas dan tepat sebab-sebab ia meminta rayuan itu dibaca [PM 19(4)(a)].

Tiada perbahasan ke atas usul tersebut. Tiada Ahli lain boleh berucap kecuali untuk menyokong usul tersebut [PM 19(4)(b)].

Selepas itu, pengundian akan dibuat bagi menentukan sama ada rayuan boleh dibaca [PM 19(4)(c)].



# Peraturan Perbahasan

---

## Adab dan Pemakaian

### Adab

Ketika persidangan:

- Ahli-ahli harus masuk, keluar and membawa diri, dengan penuh adab di Dewan [PM 41(a)].
- Ahli-ahli tidak boleh melintasi ruang tengah Dewan tanpa tujuan [PM 41(b)].
- Ahli-ahli tidak boleh membaca akhbar, buku, surat, atau lain-lain dokumen kecuali yang berkaitan langsung dengan urusan yang sedang dibahaskan [PM 41(c)].
- Ahli-ahli tidak boleh merokok di dalam Dewan [PM 41(d)].
- Ketika seorang Ahli sedang berucap, Ahli yang lain harus senyap dan tidak membuat gangguan yang kurang adab [PM 41(e)].



- Jika Pengerusi mencelah atau menegur seorang Ahli untuk mengikut aturan, Ahli yang sedang atau mahu mula berucap haruslah senyap dan duduk serta Ahli-ahli lain harus senyap agar Yang di-Pertua/ Pengerusi boleh didengari [PM 42].

## Pakaian

Ketika persidangan [PM 41(f)]:

- Pakaian untuk Ahli lelaki adalah terhad kepada sama ada baju kebangsaan, lounge suit (sut sepasang), atau pakaian istiadat
- Pakaian untuk Ahli wanita adalah terhad kepada sama ada:
  - ▶ Pakaian kebangsaan; atau
  - ▶ Blaus berlengan panjang dan kain sarung; atau
  - ▶ Blaus berlengan panjang dan skirt sekurang-kurangnya paras lutut; atau
  - ▶ Pakaian istiadat,

melainkan dibenarkan bentuk pakaian lain oleh Yang di-Pertua.

## Skop Perbahasan

Skop perbahasan di dalam Majlis Mesyuarat adalah terhad seperti berikut:

- Perbahasan mana-mana usul, RUU atau pindaan (kecuali usul menangguhkan Majlis Mesyuarat) mestilah relevan dengan usul, RUU atau pindaan yang sedang dibahaskan [PM 38(1)].
- Usul untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat hanya boleh dibahaskan jika Ahli menimbulkan perkara yang relevan dengan:
  - ▶ Usul tentang perkara tadbir Kerajaan di bawah PM 17; atau

- ▶ Usul untuk membincang perkara tertentu yang melibatkan kepentingan orang ramai yang perlu disegarkan di bawah PM 18.
- Perbahasan tentang RUU untuk meminda Akta sedia ada adalah terhad kepada RUU untuk meminda dan bukan isi keseluruhan Akta induk [PM 36(1)].
- Perbahasan untuk sebuah pindaan bagi mencadangkan pemotongan perkataan dan kemasukan perkataan lain boleh mengandungi kedua-dua cadangan perkataan yang ingin dipotong dan yang ingin dimasukkan atau ditambah tersebut [PM 38(3)]. Namun jika perbahasan hanyalah untuk pindaan bagi mencadangkan pemotongan perkataan, atau untuk menambah atau memasukkan perkataan, perbahasan masing-masing adalah tertakluk kepada hanya memotong, memasukkan, atau menambah perkataan sahaja [PM 38(4)].
- Perbahasan tentang usul penangguhan, atau dalam jawatankuasa tentang usul yang Pengerusi “hendaklah memaklumkan sebanyak mana telah dijalankan perbahasan, dan meminta izin hendak bersidang sekali lagi”, adalah terhad kepada perkara di dalam usul tersebut, dan Ahli yang telah mencadang atau menyokong usul tersebut tidak boleh mencadang atau menyokong usul yang sama ketika di dalam perbahasan yang sama [PM 38(5)].
- Ahli-ahli tidak boleh mengucapkan perkara yang sedang diadili Mahkamah (subjudis) dengan cara yang mungkin pada hemat Pengerusi merosakkan kepentingan pihak-pihak di dalam kes tersebut [PM 36(2)].

## Berucap Ketika Perbahasan

- Ahli yang ingin berucap ketika perbahasan harus bangun dari tempat duduknya. Jika dipanggil untuk berucap oleh Yang di-Pertua, Ahli harus berucap kepada Yang di-Pertua (atau Pengerusi jika di dalam Jawatankuasa).
- Tiada Ahli boleh berucap kecuali jika dipanggil oleh Yang di-Pertua/Pengerusi [PM 35(1)].
- Yang di-Pertua/Pengerusi akan memanggil Ahli pertama yang dipandanginya, jika dua atau lebih bangun pada masa yang sama [PM 35(2)].
- Ahli hanya boleh berucap sekali tentang satu perkara, kecuali:
  - ▶ Dalam Jawatankuasa [PM 35(3)(a)]
  - ▶ Untuk memperjelaskan perkara penting dalam ucapannya yang telah disalah erti [PM 35(3)(b) & (4)]
  - ▶ Jika beliau adalah pencadang bagi sebuah usul tersendiri, beliau boleh berucap untuk menjawab sekiranya Ahli-ahli lain selain daripada penyokongnya turut mengambil bahagian dalam perbahasan [PM 35(3)(c)].
- Ahli boleh menyokong usul atau pindaan tanpa kehilangan hak untuk berucap semula ketika perbahasan [PM 35(3)].
- Ahli boleh berucap semula ketika perbahasan jika Yang di-Pertua/Pengerusi mencadangkan masalah baru – seperti cadangan pindaan atau usul penangguhan perbahasan [PM 35(5)].
- Jika Ahli ingin berucap tentang perkara yang mempunyai faedah kewangan secara langsung ke atas dirinya (selain daripada

perkara gaji seperti diperuntukkan Perlembagaan Persekutuan), Ahli tersebut harus terlebih dahulu menerangkan apakah faedah bagi dirinya dalam perkara itu [PM 35(6)].

- Yang di-Pertua/Pengerusi mempunyai kuasa untuk menghadkan masa berucap [PM 35(7)].

## Mengganggu

Tiada ahli yang dibenarkan bangun mengganggu Ahli lain berucap kecuali untuk:

- Menimbulkan perkara aturan mesyuarat, dengan menarik perhatian ke atas perkara yang ingin disampaikan dan menyerahkannya kepada Yang di-Pertua/Pengerusi untuk diputuskan [PM 37(1)(a)];
- Meminta penjelasan atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli yang sedang berucap, dengan syarat Ahli yang sedang berucap memberi laluan dan duduk, dan Yang di-Pertua/Pengerusi memanggil Ahli yang hendak mengganggu [PM 37(1)(b)].

Dalam kedua-dua situasi, Ahli yang berucap perlu duduk jika Ahli yang ingin mengganggu dipanggil oleh Yang di-Pertua/Pengerusi [PM 37(1)].

Yang di-Pertua boleh menolak permintaan untuk penjelasan jika [PM 37(2)]:

- Majlis Mesyuarat tidak cukup masa untuk menyelesaikan urusannya, atau
- Yang di-Pertua percaya niat meminta penjelasan tersebut hanyalah untuk mengganggu Ahli yang sedang berucap.

## Menutup Perbahasan

Pada bila-bila masa setelah masalah dikemukakan untuk perbahasan, Ahli boleh bangun di tempat duduknya untuk mencadangkan penutupan perbahasan dengan mengajukan “*laitu masalah ini diputuskan sekarang*” [PM 40(1)].

Masalah: “*laitu masalah ini diputuskan sekarang*” akan diundi tanpa pindaan atau perbahasan walaupun pencadang usul asal atau pencadang pindaan tidak ada peluang untuk menjawab [PM 40(1)].

Masalah itu **TIDAK** akan diputuskan jika Yang di-Pertua berpendapat [PM 40(1)]:

- Usul tersebut adalah salah guna peraturan Majlis Mesyuarat; atau
- Usul tersebut adalah pelanggaran hak-hak kumpulan minoriti.

Untuk masalah tersebut diluluskan, sekurang-kurangnya 20 orang lebih Ahli yang bersetuju daripada yang tidak bersetuju [PM 40(3)].

Jika masalah tersebut diluluskan, mana-mana Ahli boleh menuntut untuk masalah-masalah lain yang telah dikemukakan oleh Pengerusi untuk diundi, dan jika dipersetujui Yang di-Pertua/Pengerusi, masalah tersebut akan diundi tanpa pindaan lain, atau perbahasan [PM 40(2)].

## Tatacara Peraturan

Ahli akan dianggap sebagai melanggar ‘peraturan mesyuarat jika beliau:

- Cuba untuk menimbang semula masalah yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat sewaktu penggal semasa, kecuali jika beliau berucap ke atas usul tersendiri untuk pembatalan keputusan Majlis yang berkenaan [PM 36(3)].

- Menggunakan bahasa yang biadap atau kenyataan yang seksis [PM 36(4)].
- Merujuk kepada Ahli lain dengan menyebut nama mereka [PM 36(5)].
- Membuat sangkaan jahat ke atas Ahli lain [PM 36(6)].
- Merujuk kepada kelakuan atau sifat Ahli lain atau penjawat awam kecuali berkenaan kapasiti rasmi mereka sebagai Ahli atau penjawat awam [PM 36(9)].
- Mengguna perkataan yang bersifat derhaka atau menghasut [PM 36(10)(a) & (b)].
- Menggunakan perkataan yang cenderung menimbulkan keresahan atau permusuhan antara kaum di Malaysia atau bercanggah dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan atau Akta Hasutan 1948 [PM 36(10)(c)].
- Ahli tidak boleh menggunakan nama YDPA, atau mana-mana Raja-Raja Melayu atau Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri untuk mempengaruhi Majlis Mesyuarat [PM 36(7)].
- Kecuali dalam usul tersendiri untuk tujuan berkenaan, Ahli tidak boleh membangkitkan tentang kelakuan atau sifat [PM 36(8)]:
  - ▶ YDPA, Raja-Raja Melayu, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri;
  - ▶ hakim atau sesiapa yang terlibat dalam pentadbiran kehakiman;
  - ▶ anggota Majlis Angkatan Tentera;

- ▶ ahli kepada mana-mana Suruhanjaya Perkhidmatan di bawah Bahagian X Perlembagaan Persekutuan;
- ▶ ahli Suruhanjaya Pilihan Raya; atau
- ▶ ketua Negara lain yang bersahabat baik dengan Malaysia.

Ahli juga akan dianggap sebagai melanggar peraturan mesyuarat jika beliau:

- Mendahului (preemptif) perbincangan RUU yang masih menunggu giliran dalam Aturan Urusan Mesyuarat dengan:
  - ▶ Membincangkan RUU sewaktu perbincangan usul tersendiri atau pindaan yang berkaitan perkara yang sama dengan RUU tersebut; atau
  - ▶ Membangkitkan perkara berkaitan RUU tersebut sewaktu usul menengguhkan Majlis Mesyuarat [PM 39(1)].
- Mendahului perbincangan tentang usul yang telah diserahkan pemberitahunya, dengan:
  - ▶ Membincangkannya semasa perbahasan sebuah pindaan; atau
  - ▶ Membangkitkan perkara berkaitan usul tersebut sewaktu usul menengguhkan Majlis Mesyuarat [PM 39(2)].

Dalam menentukan “Mendahului”, Yang di-Pertua akan mempertimbangkan kebarangkalian perkara yang dibahas itu akan dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat dalam tempoh masa yang munasabah [PM 39(3)].

## **Tanggungjawab Menjaga Peraturan oleh Yang di-Pertua**

Yang di-Pertua atau Pengerusi bertanggungjawab untuk menjaga peraturan dalam Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa. Keputusan oleh Yang di-Pertua atau Pengerusi pada mana-mana peraturan



tidak boleh diminta ditimbang semula atau diulang-kaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan satu usul tersendiri yang dicadangkan untuk tujuan demikian. Pemberitahu usul tersendiri sedemikian tidak perlu dikeluarkan lebih daripada dua hari terdahulu [PM 43].

## **Cubaan Melanggar Peraturan**

Jika Yang di-Pertua berpendapat bahawa mana-mana usul, pindaan atau sambungan perbahasan bertujuan untuk melanggar Peraturan-peraturan seperti yang dinyatakan di atas, Yang di-Pertua boleh:

- Menolak usul atau pindaan tersebut;
- Menamatkan perbahasan; atau
- Mengarahkan supaya usul atau pindaan tersebut tidak dibahaskan lagi [PM 36(11)].

Mana-mana Ahli yang “mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan” dianggap menghina Majlis dan Ahli tersebut boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas kesalahan tersebut [PM 36(12)].

## **Kelakuan Tidak Tertib**

Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh mengarahkan Ahli untuk tidak menyambung ucapannya jika, selepas menarik perhatian Majlis ke atas kelakuannya, Ahli tersebut masih meneruskan dalam menyebut perkara yang tidak relevan atau berulang-ulang menyebut hujahnya sendiri atau hujahan Ahli-ahli lain yang berbahas [PM 44(1)].

Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menangguhkan Majlis pada bila-bila masa untuk menguruskan kelakuan tidak senonoh di dalam Majlis [PM 44(6)]. Sebaik Majlis diteruskan semula, Pengerusi boleh membuat keputusan ke atas perkara tersebut atau mengambil tindakan ke atas

sesiapa yang didapati telah melanggar Peraturan Mesyuarat melalui perlakuan tidak senonoh [PM 44(6)].

Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh memerintahkan mana-mana orang termasuk pegawai Parlimen atau polis untuk menguatkuasakan keputusan atau perintah di bawah Aturan ini [PM 44(7)].

## Orang-orang Luar

Orang-orang Luar dibenarkan masuk memerhatikan perbahasan di dalam Dewan Majlis mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua [PM 93(1)].

Jika mana-mana Ahli mendapati terdapat orang-orang luar di dalam Dewan, Pengerusi akan mengemukakan masalah “***laitu orang-orang luar hendaklah keluar***” untuk diundi tanpa perbahasan atau pindaan.

Pengerusi juga boleh, mengikut pertimbangannya, mengarahkan orang luar dikeluarkan dari seluruh atau mana-mana bahagian Dewan.

Sewaktu Majlis atau Jawatankuasa Majlis sedang bersidang, Bentara akan menahan mana-mana orang luar yang diperhatikan olehnya atau dilaporkan kepadanya tidak mempunyai kebenaran untuk berada di dalam Dewan atau Galeri. Bentara juga akan menahan mana-mana orang luar yang telah dibenarkan masuk namun didapati berkelakuan tidak baik atau enggan keluar setelah diarahkan untuk keluar [PM 93(4)].

## Media

Yang di-Pertua boleh memberi keizinan kepada wakil-wakil media untuk menghadiri persidangan Majlis di bawah peraturan yang diwujudkan oleh Yang di-Pertua bagi tujuan demikian. Jika peraturan dilanggar, keizinan untuk hadir boleh ditarik balik [PM 94].

## Aturan Mengeluarkan Ahli

Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh mengarahkan Ahli untuk keluar dari Dewan untuk tempoh tidak melebihi sepuluh hari persidangan, jika [PM 44(2)]:

- Ahli berkelakuan tidak senonoh;
- Perbuatan ahli menghina Majlis; atau
- Ahli terus tidak mengendahkan kuasa Yang di-Pertua atau Pengerusi.

Jika Yang di-Pertua atau Pengerusi tidak menetapkan tempoh keluar Dewan, ia dianggap sebagai dua hari persidangan termasuk hari kejadian [PM 44(2)].

Sebaik diarahkan untuk keluar, Ahli harus segera keluar dari Dewan [PM 44(2)].

Jika mesyuarat ditangguhkan sebelum tempoh penggantungan Ahli tamat, baki hari penggantungan dibawa ke hadapan pada mesyuarat seterusnya kecuali jika Parlimen dibubarkan terlebih dahulu [PM 44(2)].

## Aturan Menggantungi Ahli

Jika Yang di-Pertua atau Pengerusi merasakan pengeluaran dari Dewan adalah tidak mencukupi, beliau boleh memulakan prosedur menggantung Ahli tersebut [PM 44(3)]:

- Yang di-Pertua atau Pengerusi pertama sekali akan menamakan Ahli:

***“Saya dengan ini menamakan Ahli Yang Berhormat Tuan/  
Puan...”***

- Seorang Menteri mesti bangun dan mencadangkan, dengan disokong seorang lagi Menteri, usul seperti berikut:

***“Bahawa Majlis Mesyuarat dengan ini memutuskan bahawa Tuan/Puan..... digantung daripada perkhidmatan Majlis Mesyuarat ini sehingga (tarikh)”***

Yang di-Pertua atau Pengerusi akan mengemukakan usul itu bagi diputuskan oleh Majlis Mesyuarat, tanpa sebarang pindaan, penangguhan, atau perbahasan [PM 44(3)].

Seorang Ahli yang telah digantung akan diperintahkan untuk keluar daripada mesyuarat dan tidak boleh mengambil bahagian dalam mesyuarat sehingga tempoh penggantungan itu tamat. Jika mesyuarat berakhir sebelum tempoh penggantungan berakhir, baki tempoh penggantungan akan dibawa ke mesyuarat seterusnya kecuali jika Parlimen diprorog atau dibubarkan terlebih dahulu [PM 44(5)].

Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh mengarahkan mana-mana individu, termasuk pegawai Parlimen atau pegawai polis untuk menguatkuasakan keputusan atau perintah yang dibuat di bawah PM 44.

# Undian dalam Majlis

---

## Pungutan Suara dan Majoriti

Keputusan pengundian di dalam Majlis ditentukan melalui majoriti mudah dalam kalangan Ahli yang mengundi, kecuali dalam keadaan-keadaan berikut:

- Mana-mana enakmen negeri yang ingin mengubah/menukar hak milik tanah rizab Melayu memerlukan kelulusan melalui resolusi Majlis yang dicapai oleh angka majoriti keseluruhan Ahli-ahli dan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada undian Ahli yang mengundi [Perlembagaan Persekutuan, Per. 89(1)]:
- Pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan, kecuali beberapa pengecualian, memerlukan sokongan undi tidak kurang dari dua pertiga jumlah keseluruhan Ahli-ahli pada kedua-dua Bacaan Kedua dan Ketiga RUU pindaan [rujuk Perlembagaan Persekutuan, Per. 159 (Lampiran 2)].



Dalam situasi undi tanpa pemenang, Yang di-Pertua atau mana-mana individu pemutus akan mengundi.

- Yang di-Pertua tidak boleh mengundi dalam keadaan lain.
- Yang di-Pertua tidak akan mempunyai undi di dalam Majlis atau mana-mana Jawatankuasa jika beliau hanyalah ahli kepada Majlis melalui jawatannya sebagai Yang di-Pertua dan bukan seorang wakil terpilih (*elected Representative*) dalam Dewan Rakyat [PM 45(1); Perlembagaan Persekutuan Per. 57(1A)].

Ahli yang tidak berada di dalam Dewan tidak dibenarkan untuk mengundi [PM 45(2)].

Ahli-ahli tidak boleh berucap ke atas sebuah masalah setelah masalah itu selesai dikemukakan oleh Pengerusi [PM 46(1)]. Selesai dikemukakan bererti Yang di-Pertua/ Pengerusi telah mengambil undi-undi Ya atau Tidak [PM 46(2)].

Undi dipungut melalui suara kecuali Ahli memohon untuk belahbahagian [PM 46(3)]. Jika tiada permohonan sedemikian, Pengerusi akan mengumumkan keputusan berdasarkan undian.

## Belahbahagian

### Memohon Belahbahagian

Jika ada Ahli melawan keputusan oleh Yang di-Pertua / Pengerusi dengan memohon belahbahagian [PM 46(4)]:

- Yang di-Pertua akan meminta Ahli-ahli yang memohon belahbahagian tersebut untuk bangun di tempat duduk mereka;
- Jika kurang dari 15 Ahli yang bangun, Yang di-Pertua/ Pengerusi akan mengumumkan keputusan serta-merta atau mengarahkan belahbahagian;

- Jika 15 atau lebih yang bangun, Yang di-Pertua/ Pengerusi akan mengarahkan belahbahagian; dan
- Selepas peringatan yang dianggap perlu (loceng dua minit), beliau akan melantik Penghitung.

## **Undi Belahbahagian**

Setiap Ahli ditanyakan undian mereka secara berasingan:

- Setiap Ahli mesti dengan jelas menyatakan Ya, Tidak, atau dengan jelas menyatakan tidak hendak mengundi [PM 47(2)].
- Jawapan Ahli mestilah konsisten dengan pungutan suara yang diambil [PM 47(2)].
- Setiausaha akan memasukkan undi setiap Ahli dan mengenalpasti mereka yang tidak mengundi ke dalam Penyata Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat [PM 47(1)].
- Setelah setiap Ahli yang hadir selesai mengundi, Yang di-Pertua akan menyatakan jumlah bilangan Ya, Tidak, dan keputusan undi, atau memberikan undi pemutus jika diperlukan [PM 47(3)].
- Jika ada Ahli yang mendakwa telah silap mengundi, atau undinya telah disalah kira, beliau boleh meminta untuk undinya diubah sebelum pengumuman keputusan [PM 47(4)].

## **Pembatalan Undi**

Seorang Ahli tidak boleh mengundi dalam perkara yang mana dirinya mempunyai faedah kewangan secara langsung [PM 47(5)].

- Usul untuk membatalkan undi Ahli atas sebab di atas hanya boleh dibuat serta-merta sebaik sahaja selepas bilangan Ahli yang mengundi dimaklumkan dan sebelum keputusan diumumkan.
- Jika usul untuk membatalkan undi Ahli dipersetujui, Setiausaha akan membetulkan jumlah pengundian belahbahagian.

### **Belahbahagian Mandatori**

Yang di-Pertua/Pengerusi akan selalu memanggil belahbahagian dalam perkara berikut [PM 46(5)]:

- Prosiding melibatkan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan;
- Prosiding melibatkan persempadanan semula kawasan pilihan raya; atau
- Dalam setiap perkara di mana jumlah undian yang tetap diperlukan.



# Rang Undang-undang

---

## Bacaan Kali Pertama

### Rang Undang-undang Kerajaan

Menteri boleh membentangkan RUU di Majlis dengan mengeluarkan pemberitahu sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu [PM 48].

- Apabila RUU dikemukakan, Setiausaha akan membaca tajuk RUU di Meja Majlis.
- RUU itu kemudian dianggap telah dibaca buat kali pertama dan akan ditentukan untuk Bacaan Kali Kedua pada persidangan seterusnya atau terkemudian.

### Rang Undang-undang Ahli Persendirian

Ahli persendirian boleh membawa usul ke Majlis untuk meminta keizinan untuk mengemukakan RUU [PM 49], tertakluk kepada Perkara 67 Perlembagaan Persekutuan [rujuk bahagian RUU atau Pindaan Melibatkan Percukaian atau Perbelanjaan]. Salinan usul mesti diserahkan kepada Setiausaha dan mesti mengandungi:

- Sesalinan RUU tersebut berserta dengan penjelasan tujuan dan sebab untuk RUU tersebut (tetapi tanpa sebarang penghujahan) [PM 49(1)]; dan
- Tajuk RUU yang dicadangkan tersebut [PM 49(2)].

Setiausaha tidak akan menerima permohonan tersebut jika ia tidak menepati kehendak di dalam PM atau mana-mana undang-undang Persekutuan [PM 49(2)].

Jika keizinan untuk membenteng RUU diluluskan oleh Majlis (dengan mengemukakan masalah atas sebuah usul keizinan), RUU tersebut akan dianggap telah dibaca untuk kali pertama dan diarahkan untuk dicetak. Salinan RUU hendaklah diserahkan kepada Setiausaha [PM 49(3)].

Sebaik sahaja Setiausaha berpuas hati bahawa peruntukan dalam PM 51 telah dipenuhi, RUU akan dicetak dan diedarkan kepada Ahli [rujuk bahagian Susunan isi **RUU**], dan dirujuk kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkara yang berkaitan dengan RUU tersebut (atau Menteri atau Ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertua). Tiada prosiding akan diambil ke atas RUU sehinggalah Menteri atau Ahli yang dilantik itu telah melaporkannya kembali kepada Majlis Mesyuarat [PM 49(4)].

Setelah Menteri atau Ahli yang dilantik melaporkannya kembali kepada Majlis Mesyuarat, RUU itu akan ditetapkan untuk Bacaan Kali Kedua pada hari yang dipilih oleh Ahli yang menjaga RUU itu [PM 49(5)].



## Rang Undang-undang *Private* dan Campuran

**Rang Undang-undang Private** adalah RUU yang bertujuan untuk menyentuh atau menguntungkan seseorang, sesuatu persekutuan atau perbadanan [PM 50].

Sebelum RUU sebegini dikemukakan, Pemberitahu perlu diberikan [PM 50].

- Pemberitahu RUU dikemukakan dengan mengiklankan kenyataan tentang ciri-ciri umum dan tujuan RUU di dalam *Warta* Kerajaan dan sekurang-kurangnya satu akhbar tempatan.
- Iklan ini mestilah diterbitkan sekurang-kurangnya sebulan sebelum hari usul meminta izin untuk mengemukakan RUU tersebut akan dicadangkan.

Seperti RUU Ahli Persendirian, seorang Ahli perlu meminta izin untuk memperkenalkan RUU *Private*.

Setelah usul keizinan diluluskan melalui undian dalam Majlis, RUU *Private* akan dianggap telah dibaca buat kali pertama dan diarahkan untuk dicetak, dan salinannya diserahkan kepada Setiausaha [PM 50(1)].

Sebaik sahaja Setiausaha berpuas hati bahawa peruntukan dalam PM 51 telah dipenuhi, RUU tersebut akan dicetak dan diedarkan kepada Ahli-Ahli [rujuk bahagian Susunan isi RUU].

Setiap RUU *Private* perlu mengandungi satu bahagian yang memelihara hak-hak YDPA, Raja-Raja Melayu, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, badan-badan politik dan korporat, dan pihak lain yang tidak disebut di dalam RUU tersebut [PM 50(2)].

**Rang Undang-undang Campuran** adalah sebarang RUU yang pada pendapat Yang di-Pertua memberi kesan secara prejudis ke atas hak atau kepentingan individu [PM 50(3)].

Selepas dibaca buat kali kedua, setiap RUU *Private* dan RUU Campuran akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan. Mana-mana pihak terjejas yang pernah mengemukakan rayuan (petition) kepada Majlis mengikut PM 19 boleh didengar di hadapan Jawatankuasa Pilihan, sama ada dengan sendiri atau diwakili penasihat [PM 50(3)].

Untuk menduduki Jawatankuasa Pilihan, seorang Ahli mesti menandatangani sebuah perakuan bahawa beliau [PM 50(4)]:

- Tidak mempunyai kepentingan kewangan peribadi berkenaan dengan RUU tersebut; dan
- Tidak akan mengundi atas mana-mana masalah yang mungkin timbul tanpa mendengar dan meneliti keterangan yang diberikan berkenaan dengan masalah tersebut.

Mana-mana Jawatankuasa Pilihan yang menimbang RUU *Private* atau Campuran mesti mengkehendaki keterangan tentang fakta-fakta dan hujahan lain yang disebutkan di dalam RUU tersebut untuk menunjukkan apakah kebaikan RUU tersebut diluluskan. Dalam usaha mengumpulkan keterangan, Jawatankuasa Pilihan boleh menerima keterangan lisan atau selainnya yang difikirkan perlu. Jika Jawatankuasa mendapati bahawa fakta dan hujahan tersebut tidak terbukti, mereka akan melaporkannya kepada Majlis [PM 50(5)].

Jika Jawatankuasa mendapati bahawa fakta dan hujahan yang menjadi asas kepada RUU *Private* tersebut dapat dibuktikan, Jawatankuasa akan meneruskan dengan penimbangan fasal demi fasal seperti di dalam PM 58 (rujuk bahagian Semakan RUU dalam Jawatankuasa Pilihan).

Setiap pindaan yang dibuat oleh Jawatankuasa mestilah diterangkan di dalam sebuah penyata khas kepada Majlis [PM 50(6)].

Jawatankuasa tidak akan membenarkan mana-mana fasal baru dimasukkan ke dalam RUU *Private* di luar kenyataan yang dikeluarkan di dalam *Warta Kerajaan* [PM 50(7)].

Ahli yang menaja RUU Ahli Persendirian perlu bertanggungjawab ke atas kesemua perbelanjaan dalam menyerahkan Pemberitahu RUU itu [PM 50(8)].

## Susunan isi RUU

Sebelum mana-mana RUU dicetak, Setiausaha akan memastikan yang [PM 51(1)]:

- RUU dibahagikan kepada fasal-fasal yang bernombor turutan;
- Ringkasan isi setiap fasal telah dicatatkan di bahagian tepi atau di atas fasal yang berkenaan;
- RUU tidak mengandungi perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan tajuk; dan
- RUU menepati peruntukan di dalam Peraturan Mesyuarat.

Setiausaha akan melaporkan kepada Yang di-Pertua jika mana-mana syarat di atas tidak dipenuhi. Jika Yang di-Pertua bersetuju, beliau akan meminta Setiausaha untuk memaklumkan kepada Ahli yang menjaga RUU bahawa RUU itu tidak akan dicetak sehingga syarat-syarat tersebut dipenuhi [PM 51(2)].

Sebaik RUU dicetak, Setiausaha akan mengedarkan salinan kepada setiap Ahli bersama penerangan ringkas [PM 51(3)]. Jika RUU itu melibatkan wang hasil negeri, perkara ini hendaklah dinyatakan serta apakah jumlah perbelanjaan itu (jika boleh), atau bahawa jumlah perbelanjaan tidak dapat dianggarkan [PM 51(3)].

## Pengecualian Cetakan RUU

Jika Yang di-Pertua berpuas hati bahawa mencetak RUU adalah tidak praktikal atas sebab kesuntukan masa, beliau boleh mengesahkan sedemikian ke atas RUU itu. RUU itu boleh diteruskan dan dipertimbangkan pada semua peringkat dengan syarat bahawa salinan-salinan akan disediakan untuk rujukan Ahli-ahli [PM 64].

## Pihak Terjejas

Jika suatu RUU menjejaskan hak atau kepentingan seseorang, semua pihak yang terjejas boleh didengar melalui rayuan (*petition*) di hadapan Jawatankuasa yang mempertimbangkan RUU tersebut, sama ada dengan sendiri atau diwakili penasihat [PM 52].

## Bacaan Kali Kedua

Bagi sesebuah RUU diteruskan dengan Bacaan Kali Kedua pada persidangan atau mesyuarat berikutnya, pemberitahu Bacaan Kali Kedua perlu diserahkan sebaik sahaja selesai Bacaan Kali Pertama [PM 53(1)].

Bacaan Kali Kedua tidak boleh diadakan sehinggalah RUU tersebut telah diedarkan kepada Ahli-ahli [PM 53(2)].

Apabila sampai ke Bacaan Kali Kedua RUU di bawah Aturan Mesyuarat, usul "***iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang***" akan dikeluarkan. Ia boleh disusuli dengan perbahasan ke atas perkara asas dan merit RUU tersebut [PM 53(3)].

Seorang Ahli boleh mencadangkan pindaan untuk menangguh atau menghentikan Bacaan Kali Kedua RUU dengan memberikan pemberitahu bersurat sekurang-kurangnya satu hari sebelumnya untuk mencadangkan pindaan kepada masalah "***iaitu Rang Undang-undang***

***ini dibacakan kali yang kedua sekarang***". Pindaan boleh dibuat dalam salah satu bentuk berikut [PM 53(4)]:

- Masalah dipinda kepada: "***laitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua enam bulan dari hari ini***"; atau
- Masalah dipinda kepada: "***laitu [nyatakan tujuan dan sebab RUU tersebut dibangkang, yang perlulah relevan ke atas asas RUU tersebut, dan tidak mengenai butirannya]***".

Jika Majlis bersetuju dengan pindaan dalam mana-mana bentuk di atas, Bacaan Kali Kedua RUU akan disifatkan sebagai telah tidak dipersetujui [PM 53(4)].

## **Menyerahkan RUU kepada Jawatankuasa**

RUU boleh diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan sebelum Bacaan Kali Keduanya [PM 54(1)]. Jika diserahkan kepada Jawatankuasa sebelum Bacaan Kali Kedua, Jawatankuasa itu boleh membincangkan butiran RUU serta merit dan dasar-dasarnya [PM 55(1)].

Apabila RUU telah dibaca buat kali kedua, ia akan diserahkan kepada Jawatankuasa Majlis, kecuali jika Majlis, melalui sebuah usul, menyerahkannya kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan [PM 54(2)]. Mana-mana Jawatankuasa yang telah diserahkan RUU selepas Bacaan Kali Kedua tidak boleh membahaskan dasar RUU tersebut, tetapi hanya butirannya sahaja [PM 55(2)].

Jika RUU diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan selepas Bacaan Kali Kedua, usul yang perlu dikemukakan [PM 54(2)]:

- tidak memerlukan pemberitahu;
- perlu dibuat serta-merta selepas RUU dibaca kali kedua;
- boleh dicadangkan oleh mana-mana Ahli;

- masalah usul itu mesti dikemukakan kepada Majlis dengan segera; dan
- hendaklah diundi tanpa sebarang pindaan atau perbahasan.

Kecuali RUU di bawah Perkara 67 Perlembagaan Persekutuan, sebuah Jawatankuasa boleh membuat apa-apa pindaan ke atas RUU yang difikirkan patut, tertakluk kepada yang berikut [PM 55(3)]:

- Pindaan (termasuklah fasal dan jadual baharu) haruslah relevan dengan perkara isi RUU tersebut.
- Jika mana-mana pindaan tidak seturut dengan nama RUU tersebut, Jawatankuasa akan meminda namanya agar sesuai, dan melaporkan perubahan tersebut kepada Majlis.

## Jawatankuasa Majlis

Mana-mana Ahli, sebelum tamatnya perbincangan sebuah RUU di dalam Jawatankuasa Majlis, boleh mengeluarkan usul untuk mendapatkan perkembangan RUU tersebut. Jika usul tersebut dipersetujui atau perbincangan Jawatankuasa Majlis masih belum tamat pada pukul 5.30 petang, Yang di-Pertua mesti memberikan makluman perkembangan kepada Majlis dan meminta izin untuk bersidang kembali. Ahli yang membawa RUU tersebut akan menamakan tarikh untuk menyambung semula perbincangan itu [PM 56].

## Prosedur dalam Jawatankuasa Majlis [PM 57(1)]

Ketika menyemak RUU di dalam Jawatankuasa, Setiausaha akan menyebut setiap fasal mengikut turutan nombor bilangannya.

Jika tiada cadangan pindaan, atau kesemua pindaan telah selesai, Pengerusi akan mengemukakan masalah "***laitu fasal ini (seperti yang telah dipinda) jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang***



*ini*". Ahli-ahli kemudiannya boleh berucap ke atas usul tersebut, diikuti Pengerusi meminta Jawatankuasa untuk mengundi [PM 57(1)].

### **Pindaan dalam Jawatankuasa [PM 57(2)-(6)]**

Pemberitahu mesti dikemukakan sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu bagi sebarang cadangan pindaan.

Jika tiada pemberitahu diserahkan, pindaan bertulis perlu diserahkan kepada Pengerusi, tetapi ia tidak akan dicadangkan sehinggalah Pengerusi berpuas hati bahawa pemberitahu dalam keadaan tersebut adalah tidak praktikal.

Tidak boleh dicadangkan pindaan yang tidak konsisten dengan fasal yang telah dipersetujui atau keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa.

Pengerusi boleh menarik balik mana-mana pindaan yang sedang dibahas jika pada pendapat Pengerusi, perbincangan tersebut menunjukkan bahawa pindaan itu adalah tidak konsisten ataupun satu keputusan telahpun tercapai.

Pengerusi boleh menolak untuk membuka pengundian ke atas mana-mana pindaan jika pada pendapat Pengerusi, pindaan itu:

- Menyebabkan fasal atau jadual yang dicadangkan untuk dipinda menjadi tidak difahami atau salah dari segi tatabahasanya;
- Sia-sia; atau
- Menjadi seakan-akan suatu cadangan untuk membuang kesemua isi sesuatu fasal dengan tujuan untuk memasukkan peruntukkan lain.

Peruntukan di bawah PM 33(4) terguna pakai ke atas pindaan RUU (rujuk bahagian Perbahasan Usul dan Pindaan), dengan menggantikan perkataan “fasal” dengan “usul” atau “masalah”, dan cadangan pindaan ke atas pindaan akan diuruskan sebelum keputusan dibuat ke atas pindaan asal [PM 57(5)].

Sebuah fasal boleh ditangguhkan kecuali jika sebarang pindaan ke atas fasal tersebut telah diputuskan... Fasal yang ditangguh akan dipertimbang selepas kesemua fasal lain RUU itu telah dipertimbang dan sebelum mana-mana fasal baharu diperkenalkan.

### **Fasal Baharu [PM 57(7)-(8)]**

Mana-mana cadangan fasal baharu yang berkaitan fasal-fasal di dalam RUU akan dipertimbang selepas fasal-fasal tersebut telah selesai diputuskan dan sebelum mana-mana Jadual RUU dipertimbangkan.

Kecuali jika fasal baharu itu dicadangkan sebagai ganti kepada fasal yang telah tidak dipersetujui - dalam keadaan tersebut, fasal itu boleh dipertimbangkan serta-merta.

Sebaik dibaca oleh Setiausaha, mana-mana fasal baharu akan dianggap telah dibaca buat kali pertama.

- Masalah “***laitu fasal ini dibacakan kali yang kedua***” akan dikemukakan.
- Jika dipersetujui, pindaan boleh dicadangkan ke atas fasal baharu tersebut.
- Pengerusi akan mengemukakan masalah terakhir pada penghujung perbincangan: “***laitu fasal ini (seperti yang telah dipinda) dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini***”.

## Jadual-jadual [PM 57(9)]

Jadual-jadual diuruskan sama seperti fasal-fasal dan mana-mana jadual baharu hanya akan dipertimbangkan selepas jadual dalam RUU selesai diputuskan dan dikendali sama seperti Fasal Baharu.

## Pendahuluan [PM 57(11)]

Selepas semua fasal dan jadual serta cadangan fasal dan jadual baharu telah dipertimbangkan, pendahuluan (jika ada) akan dibincangkan dan masalah berikut akan dikemukakan: “***laitu pendahuluan ini (seperti yang telah dipinda) jadi pendahuluan Rang Undang-undang itu***”.

Pendahuluan tidak akan dipinda, kecuali jika didapati perlu akibat daripada pindaan lain yang telah dibuat ke atas RUU itu.

## Nama RUU [PM 57(12)]

Jika selepas perbincangan RUU didapati pindaan ke atas nama adalah diperlukan, ia akan dibuat selepas fasal-fasal, jadual-jadual, dan pendahuluan tetapi tiada undi akan diambil bahawa Nama [seperti yang telah dipinda] adalah sebahagian daripada RUU dan tiada undi diambil atas ayat mengundang-undangkannya.

## Ayat Mengundang-undangkan [PM 95]

Ayat mengundang-undangkan semua RUU adalah:

***“Diperbuat oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:”***

Kecuali bagi RUU yang hanya diluluskan oleh Dewan Rakyat tetapi tidak diluluskan Dewan Negara dalam tempoh masa seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan, ayat mengundang-undangkannya adalah:

***“Diperbuat oleh Parlimen Malaysia menurut Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:”***

### **Menamatkan Perbincangan RUU di dalam Jawatankuasa [PM 57(13)-(14)]**

Apabila tamat perbincangan RUU di dalam Jawatankuasa, Ahli yang menjaga RUU perlu mencadangkan ***“Iaitu Rang Undang-undang ini (seperti yang telah dipinda) dimaklumkan kepada Majlis”*** dan undi akan dipungut tanpa pindaan atau perbahasan.

Sebaik sahaja Jawatankuasa Majlis bersetuju bahawa RUU dimaklumkan kepada Majlis, Pengerusi akan meninggalkan Kerusi Jawatankuasa dan mesyuarat Majlis akan disambung. Ahli yang menjaga RUU akan memaklumkan kepada Majlis. Majlis boleh diteruskan dengan Bacaan Kali Ketiga RUU.

### **Semakan RUU di dalam Jawatankuasa Pilihan**

Apabila RUU dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan, Jawatankuasa Pilihan (tertakluk kepada PM 83 dan 84) akan meneliti RUU itu seperti yang diperuntukkan dalam PM 57(1)-(4), sebelum memaklumkan RUU tersebut kepada Majlis [PM 58(1)].

Apabila sebuah RUU dipinda dalam Jawatankuasa Pilihan, keseluruhan teks RUU yang dipinda akan dimasukkan ke dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan. Jika tidak praktikal untuk dilakukan, teks kesemua fasal atau jadual yang dipinda dan kesemua fasal dan jadual yang telah ditambah akan dicetak [PM 58(2)].

Apabila sebuah RUU dimaklumkan kepada Majlis oleh Jawatankuasa Pilihan, Majlis akan meneruskan dengan mempertimbangkan RUU itu seperti yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan tersebut.

## Pindaan Sebelum Bacaan Kali Ketiga – RUU dari Jawatankuasa Majlis

Seseorang Ahli boleh memotong atau meminda mana-mana peruntukan di dalam RUU yang telah dimaklumkan dari Jawatankuasa Majlis dan boleh menambah peruntukan baharu pada bila-bila masa sebelum seorang Ahli lain bangun mencadangkan Bacaan Kali Ketiga RUU, dengan mencadangkan bahawa RUU tersebut diserahkan sekali lagi ke Jawatankuasa Majlis sama ada secara keseluruhan atau sebahagian [PM 59(1)].

Pemberitahu usul tidak diperlukan [PM 59(1)].

Jika usul dipersetujui, RUU akan diserahkan semula dan Majlis akan bersidang semula sebagai Jawatankuasa untuk mempertimbangkan urusan yang diserahkan semula tersebut [PM 59(1)].

Jika usul untuk menyerah semula ditentang, Yang di-Pertua akan membenarkan penjelasan ringkas oleh pencadang usul bagi menerangkan sebab penyerahan semula juga buat Ahli yang menentang, dan seterusnya akan memanggil pengundian tanpa perbincangan lanjut [PM 59(1)].

Jika keseluruhan RUU diserahkan semula, Jawatankuasa akan meneliti keseluruhan RUU seperti diperuntukkan di bawah PM 57 (diterangkan di atas) [PM 59(2)].

Jika hanya sebahagian atau beberapa bahagian sahaja yang diserahkan semula, atau cadangan fasal atau jadual baharu diserahkan, Jawatankuasa hanya akan meneliti bahagian yang diserahkan semula dan mana-mana pindaan yang dicadangkan [PM 59(3)].

Setelah selesai perbincangan berkenaan, Ahli yang menjaga RUU akan mencadangkan "***laitu Rang Undang-undang ini (seperti yang telah***

**dipinda setelah diserahkan balik) dimaklumkan kepada Majlis”** dan undi akan dipungut tanpa pindaan atau perbahasan [PM 59(4)].

## **Pindaan Sebelum Bacaan Kali Ketiga – RUU dari Jawatankuasa Pilihan**

Apabila RUU dimaklumkan dari Jawatankuasa Pilihan, Majlis akan terus mempertimbangkan RUU sebagaimana yang dimaklumkan dari Jawatankuasa Pilihan tersebut dengan usul **“*laitu penyata Jawatankuasa Pilihan itu diperkenankan*”** [PM 60(1)].

Jika usul tersebut disetujui tanpa pindaan, Majlis boleh meneruskan dengan Bacaan Kali Ketiga seperti yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan [PM 60(2)].

Mana-mana Ahli boleh mencadangkan usul untuk meminda usul melulus dengan menambahkan frasa berikut [PM 60(3)]:

***“dengan tertakluk kepada syarat boleh diserahkan balik [sama ada semua sekali atau sebahagian atau bahagian atau bahagian-bahagian yang tertentu sahaja atau apa-apa fasal baharu atau jadual baharu yang dicadangkan] kepada sebuah Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.***

Jika usul tersebut dipersetujui beserta pindaan itu, RUU akan diserahkan semula. Majlis kemudiannya boleh, dengan usul yang dibuat di bawah PM 54 (rujuk di atas) bersidang sebagai Jawatankuasa untuk mempertimbangkan urusan penyerahan semula itu [PM 60(3)]. Majlis akan diteruskan selaras PM 59(2)-(4) (seperti diterangkan di atas) [PM 60(4)].

## Bacaan Kali Ketiga

Pada Bacaan Kali Ketiga RUU, pindaan boleh dicadangkan ke atas masalah "***laitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang***", sama seperti yang dicadangkan pada Bacaan Kali Kedua. Perbincangan bagaimana pun terhadap kepada isi kandungan RUU sahaja. Mana-mana pindaan berasas yang menimbulkan perkara yang tidak terdapat dalam RUU akan dianggap melanggar Aturan [PM 61(1)].

Yang di-Pertua boleh membenarkan pindaan sebagai pembedahan ke atas kesilapan atau perkara yang tertinggal sebelum masalah untuk Bacaan Kali Ketiga dikemukakan. Tiada pindaan ke atas perkara besar dibenarkan [PM 61(2)].

## Penarikan Balik atau Penangguhan RUU

Sebelum memulakan Urusan Mesyuarat di dalam Majlis atau apabila sampai pada perkara RUU di dalam Aturan Mesyuarat, Ahli yang menjaga RUU boleh bangun untuk meminta agar RUU itu ditarik balik atau urusan seterusnya atas RUU itu ditangguhkan [PM 62].

## RUU yang Serupa

Sebaik sahaja sebuah RUU melepasi Bacaan Kali Kedua, atau tidak dipersetujui pada peringkat tersebut, RUU lain dengan kandungan dan perkara yang asasnya sama tidak boleh diundi pada Bacaan Kali Kedua dalam Penggal yang sama [PM 63].

## Kelangsungan RUU Ketika Prorog

RUU yang belum habis dibahas tidak akan luput ketika Penggal diprorog [PM 63B].

## Penerbitan

Selepas sebuah RUU mendapat Perkenan Diraja, ia akan diterbitkan di dalam *Warta Kerajaan* sesegera mungkin. Pada bila-bila masa sebelum diterbitkan, Setiausaha melalui rundingan bersama Setiausaha Dewan Negara boleh membuat pembedaan melalui penambahan, pemotongan atau pengubahan, mana-mana kesalahan tatabahasa dan ejaan di dalam Akta, pengulangan, kesilapan rujukan, tanda bacaan, atau nota birai/bahu [PM 96(2)].

## Embargo

Kesemua RUU dan Risalat Mesyuarat untuk diembargo akan dilekatkan dengan slip yang menyatakan ianya diembargo sehingga tarikh yang ditetapkan [PM 95A].

Mana-mana pihak yang menerbitkan RUU atau Risalat Mesyuarat yang diembargo atau mana-mana bahagian di dalamnya sebelum tarikh yang ditetapkan disifatkan sebagai telah melakukan perbuatan menghina Majlis [PM 95A].



# Rang Undang-undang Kewangan


---

Rang Undang-undang Perbekalan diperkenalkan kepada Majlis dan mengandungi anggaran kewangan yang diperlukan untuk tahun hadapan bagi kesemua kepala perbelanjaan seperti yang termaktub dalam Perkara 100 Perlembagaan Persekutuan. Butir-butir perbelanjaan diperihalkan di dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan [PM 66(1)].

## Anggaran-anggaran Perbelanjaan

### Anggaran-anggaran Perbelanjaan Tahunan

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan (turut dirujuk sebagai Anggaran Biasa) untuk tahun akan datang perlulah dibentangkan di Meja Mesyuarat sebelum RUU Perbekalan Tahunan dibawa ke Majlis Mesyuarat [PM 65].



## **Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahunan**

Sebuah pernyataan cadangan perbelanjaan pembangunan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 untuk mana-mana tahun kewangan (juga dirujuk sebagai Anggaran Pembangunan) perlulah dibentangkan di Meja Mesyuarat sebelum ketetapan dikemukakan kepada Majlis untuk meluluskan perbelanjaan di bawah seksyen 4(3) Akta tersebut [PM 65A].

## **RUU Perbekalan**

RUU Perbekalan mengikut proses yang sama seperti RUU Kerajaan sehingga ke Bacaan Kali Kedua RUU. Bagaimana pun, tidak seperti RUU lain, RUU Perbekalan boleh dicadangkan untuk Bacaan Kali Kedua pada hari yang sama ia dikemukakan kepada Majlis, dengan syarat Menteri telah memaklumpkannya melalui pemberitahu terlebih dahulu [PM 48].

## **Bacaan Kali Kedua RUU Perbekalan**

Sebaik sahaja Bacaan Kali Kedua telah dicadang dan disokong, sebuah usul boleh dicadangkan tanpa pemberitahu untuk merujuk Anggaran Pembangunan kepada Jawatankuasa Majlis untuk ketetapan bagi meluluskan perbelanjaan di bawah seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [PM 66(2) dibaca bersama PM 65A].

RUU Perbekalan dan Anggaran Pembangunan boleh diusulkan, dicadang dan disokong secara serentak [PM 66(2A)].

Sebaik sahaja RUU Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan telah diusul, dicadang dan disokong, perbahasan ke atas kedua-duanya akan ditangguh untuk tidak lebih dari dua hari [PM 66(3)].

Selepas Perbahasan disambung, ia adalah terhad kepada prinsip asas tentang dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan berkaitan RUU Perbekalan serta Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan [PM 66(3)].

Bacaan Kali Kedua untuk RUU Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan akan diperuntukkan 13 hari maksimum. Dalam 13 hari ini, dua hari akan diasingkan bagi jawapan Menteri [PM 66(3)].

Pada penghujung Perbahasan, Yang di-Pertua akan mengemukakan apa-apa masalah yang perlu bagi tujuan menamatkan perbincangan mesyuarat [PM 66(3)].

### **RUU Perbekalan di dalam Jawatankuasa Majlis**

Setelah RUU Perbekalan melepasi Bacaan Kali Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan sudah dipersetujui, kedua-duanya diserahkan kepada Jawatankuasa Majlis [PM 66(4)] di mana ia, bersekali dengan Anggaran Biasa akan diperuntukkan sebanyak 20 hari maksimum bagi tujuan perbincangan [PM 66(5)].

### **Peruntukan Masa dalam Jawatankuasa Majlis**

Yang di-Pertua boleh menentukan jumlah masa untuk diperuntukkan ke atas setiap jadual RUU Perbekalan, fasal-fasal RUU tersebut dan untuk mana-mana kepala di dalam Anggaran Pembangunan. Pada penghujung masa yang diperuntukkan, jika masalah masih belum diputuskan, Pengerusi akan mengemukakan apa-apa masalah yang perlu untuk menamatkan perbincangan berkaitan jadual, fasal atau kepala [PM 66(6)(a)].

Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menambahkan lagi peruntukan masa mengikut budi bicaranya untuk mana-mana jadual, fasal atau kepala, namun tidak boleh melebihi 20 hari maksimum, atau

mengurangkan masa ke atas jadual, fasal atau kepala yang lain [PM 66(6)(a)].

Jika Yang di-Pertua tidak memperuntukkan masa buat mana-mana jadual, fasal atau kepala, Pengerusi boleh memperuntukkan masa maksimum ke atasnya [PM 66(6)(b)].

### **Mempertimbangkan Jadual-jadual RUU Perbekalan**

Jadual untuk RUU tersebut akan diselesaikan sebelum fasal-fasal [PM 66(7)].

Ketika menyemak jadual-jadual, Pengerusi akan menyebut kepala setiap perbelanjaan, dan kecuali terdapat pindaan pada Kertas Pemberitahu, beliau akan mengemukakan masalah berikut [PM 66(8)]:

***“laitu wang sejumlah RM... untuk kepala ... jadi sebahagian daripada jadual”***

Mana-mana Ahli boleh mencadangkan sebuah pindaan bagi mengurangkan jumlah yang diperuntukkan untuk mana-mana kepala perbelanjaan dengan mengemukakan pemberitahu sekurang-kurangnya dua hari genap terlebih dahulu [PM 66(9)].

Jika lebih dari satu pindaan telah dicadangkan ke atas perkara yang sama, pindaan untuk memohon pengurangan yang paling sedikit akan diselesaikan dahulu, dan pindaan untuk membuang bahagian kepala atau butiran hanya akan dipertimbangkan selepas kesemua usul pengurangan diselesaikan [PM 66(10)].

Sebaik sahaja kesemua pindaan di atas Kertas Pemberitahu berkenaan sesuatu kepala atau perbelanjaan telah diselesaikan, Pengerusi akan mengemukakan masalah berikut [PM 66(11)]:

***“laitu wang sejumlah RM ..... untuk kepala ..... jadi sebahagian daripada jadual”***

Perbahasan ke atas masalah ini adalah terhad kepada Dasar khidmatan yang disalurkan wang tersebut dan bukan butiran perbelanjaan, tetapi boleh merujuk kepada butiran hasil atau dana / kumpulan wang yang dalam tanggungjawab khidmatan tersebut [PM 66(12)].

## **Mempertimbangkan Usul Anggaran Pembangunan**

Proses yang sama terguna pakai di mana Pengerusi akan menyebut tajuk setiap kepala perbelanjaan dan mencadangkan masalah ke atas usul [PM 66(13)]:

***“Bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam kepala ... dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan hendaklah diluluskan”***

Menteri yang bertanggungjawab ke atas kepala yang dibincangkan boleh berucap untuk tujuan menyokong apabila kepala itu disebut [PM 66(14)].

Mana-mana Ahli boleh, dengan menyerahkan pemberitahu sekurang-kurangnya dua hari genap terlebih dahulu, mencadangkan sebuah pindaan [PM 66(15)]:

- Untuk memotong mana-mana pecahan-kepala atau butiran; atau
- Untuk mengurangkan jumlah peruntukan dengan menambah pada hujung Usul “***dengan syarat dikurangkan sebanyak....***” dan menyatakan bahagian kepala dan butiran yang berkaitan cadangan pengurangan tersebut.

Jika lebih dari satu pindaan telah dicadangkan ke atas perkara yang sama, pindaan untuk memohon pengurangan yang paling sedikit akan diselesaikan dahulu, dan pindaan untuk membuang pecahan-kepala atau butiran hanya akan dipertimbangkan selepas kesemua usul pengurangan diselesaikan [PM 66(16)].

Setelah kesemua masalah ke atas kesemua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Anggaran Biasa dan Anggaran Pembangunan diputuskan dan Jawatankuasa telah meluluskan RUU Perbekalan, Pengerusi akan mengemukakan kepada Jawatankuasa, masalah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan, dengan mengambil kira mana-mana pengurangan yang telah dibuat melalui pindaan. Jawatankuasa akan membuat keputusan tanpa pindaan atau perbahasan lanjut [PM 66(17)].

Jika Jawatankuasa meluluskan Usul tersebut, ia akan dimaklumkan serta-merta kepada Majlis Mesyuarat, sebaik sahaja dimaklumkan bahawa RUU Perbekalan telah diluluskan [PM 66(17)].

### **Bacaan Kali Ketiga RUU Perbekalan**

Setelah RUU Perbekalan dimaklumkan kepada Majlis, Menteri akan mengemukakan usul bagi Bacaan Kali Ketiga RUU Perbekalan. Tiada pindaan atau perbahasan dijalankan ke atasnya [PM 66(18)].

Selepas RUU dibaca buat kali Ketiga, Menteri akan serta-merta mengemukakan usul mengenai ketetapan untuk meluluskan perbelanjaan Anggaran Pembangunan yang akan dipinda, jika diperlukan, untuk mengambil kira sebarang pengurangan yang dipersetujui dalam Jawatankuasa. Usul tersebut boleh dikemukakan tanpa pemberitahu, pindaan atau perbahasan [PM 66(19)].

### **Penguntukan Semula Perbelanjaan**

Tertakluk kepada RUU Perbekalan yang diluluskan seperti di atas, [PM 66], sebarang peruntukan semula perbelanjaan boleh dibuat melalui usul oleh Menteri [PM 66A].

## RUU Perbekalan Tambahan

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pembentangan RUU Perbekalan Tambahan untuk menguruskan perbelanjaan tambahan atau lebih. Setiap RUU Perbekalan baharu yang dimohon memerlukan anggaran tambahan untuk setiap kepala [PM 67(1)].

Anggaran tambahan perlu disertakan dengan [PM 67(1)]:

- Jumlah keseluruhan yang telah dibenarkan untuk kepala berkenaan;
- Perbelanjaan tambahan yang diperlukan di bawah mana-mana pecahan-kepala;
- Sebarang jumlah penjimatan daripada mana-mana pecahan-kepala di bawah kepala yang sama yang boleh digunakan bagi mengurangkan jumlah penambahan yang diperlukan;
- Jumlah peruntukan tambahan yang dimohon untuk kepala tersebut.

Anggaran Tambahan perlu dibentangkan dalam tempoh tiga hari betul sebelum persidangan di mana RUU Tambahan tersebut akan dibentang [PM 67(2)].

Proses yang sama seperti RUU Perbekalan dan Anggaran-anggaran Perbelanjaan adalah diguna pakai, kecuali hanya maksimum dua hari sahaja diperuntukkan bagi Perbincangan Bacaan Kali Kedua [PM 67(5)]. Yang di-Pertua kemudiannya akan mengemukakan masalah yang perlu bagi menamatkan perjalanan mesyuarat tersebut.

Setelah diserahkan ke Jawatankuasa Majlis, tiga hari diperuntukkan untuk berbincang RUU Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan [PM 67(7)]. Sekali lagi, Yang di-Pertua boleh memperuntukkan tempoh maksimum bagi setiap kepala RUU

Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan, dan Pengerusi boleh membuat atau mengubah tempoh yang diperuntukkan [PM 67(6) & (7)].

Prosedur yang diterangkan di dalam PM 66(7)-(8) & (10)-(16) untuk RUU Perbekalan dan Anggaran Pembangunan (rujuk di atas) terguna pakai (dengan pengubahsuaian yang perlu) ke atas RUU Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan. Bagaimana pun, perbahasan adalah terhad kepada butiran yang terkandung di dalam Anggaran yang dibincangkan, dan tidak boleh menyentuh dasar atau perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Anggaran di mana peruntukan asal telah diperolehi, kecuali jika ianya dirujuk di dalam butir-butir Anggaran tambahan tersebut [PM 67(9)].

## **Anggaran Pembangunan Tambahan tanpa RUU Perbekalan Tambahan**

Dengan keizinan Yang di-Pertua, Menteri boleh mencadang sebuah usul tanpa pemberitahu, yang tidak terbuka untuk dipinda atau diperbahas, bagi mendapat ketetapan agar Anggaran Pembangunan Tambahan dibahaskan tanpa mengemukakan RUU Perbekalan Tambahan [PM 67B(1)].

Jika dipersetujui Majlis, Menteri seterusnya boleh, tanpa pemberitahu, mencadangkan untuk usul dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis [PM 67B(2)].

Proses yang sama dengan Anggaran Pembangunan Tambahan di dalam PM 67 adalah terguna pakai, kecuali hanya satu hari maksimum diperuntukkan buat perbahasan usul [PM 67B(4)].

Setelah dipersetujui, ketetapan diserahkan kepada Jawatankuasa Majlis [PM 67B(5)], di mana dua hari akan diperuntukkan untuk perbincangan [PM 67B(6)(a)].



- Yang di-Pertua boleh memperuntukkan tempoh maksimum buat mana-mana kepala di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan tersebut, dan Pengerusi boleh berbuat demikian jika tidak dibuat oleh Yang di-Pertua [PM 67B(6)(a)-(b)].
- Pengerusi boleh mengemukakan masalah bagi menamatkan perbincangan atas sesuatu kepala selepas tempoh yang diperuntukkan telah luput seperti mana terguna pakai ke atas Anggaran Pembangunan Tahunan [PM 67B(6)(a) & (7)].
- Setelah kesemua kepala di dalam perbelanjaan Anggaran Pembangunan Tambahan disemak dan diundi, Pengerusi akan mengemukakan masalah ke atas ketetapan untuk Anggaran Pembangunan Tambahan (dengan mengambil kira mana-mana pengurangan yang telah dipersetujui), kepada Jawatankuasa Majlis tanpa membenarkan pindaan atau perbahasan [PM 67B(8)].

Jika diluluskan, Menteri akan memaklumkan kelulusan ketetapan tersebut kepada Majlis Mesyuarat [PM 67B(9)].

## Kumpulan Wang Luar-jangka

Menteri perlu mengemukakan kepada Majlis sebarang perbelanjaan yang segera dan tidak dijangka yang mana pendahuluan telah dikeluarkan daripada Kumpulan Wang luar-jangka menurut Undang-undang Peraturan Kewangan, bagi tempoh sebelum Mesyuarat tersebut [PM 68].

## Mendahulukan Perbelanjaan

Di bawah Perkara 102(a) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen diberi kuasa untuk meluluskan perbelanjaan untuk sebahagian tahun tanpa mengikuti proses RUU Perbekalan. RUU tersebut perlulah diputuskan tanpa perbahasan [PM 68A(1)].

Hanya Menteri boleh mengemukakan pindaan ke atas sebuah RUU sedemikian [PM 68A(2)], dan pindaan itu setelah disokong akan serta-merta diundi tanpa perbahasan [PM 68A(3)].

RUU tersebut kemudian akan dirujuk kepada Jawatankuasa, dan selepas diluluskan akan segera dimaklumkan kepada Majlis. Menteri kemudian akan mencadangkan usul Bacaan Kali Ketiga, yang perlu diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan [PM 68(4)].

## **Perbelanjaan di dalam Penyata Sementara**

Sebarang Penyata Sementara jumlah wang yang diperlukan untuk tujuan perbelanjaan mustahak di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 perlu dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat (lihat seksyen 4(5) & (6) Akta berkenaan).

Menteri boleh mengusul tanpa pemberitahu untuk satu ketetapan bahawa perbelanjaan di bawah Penyata Sementara dipertimbangkan oleh Majlis, dan ia akan diundi tanpa sebuah usul dan dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis. Perbahasan ke atas usul ini tidak boleh melibatkan perkara dasar dan pentadbiran Kerajaan atau tujuan perbelanjaan jumlah yang disertakan di dalam Penyata Sementara [PM 68B(1)].

Hanya Menteri sahaja dibenarkan untuk mencadang sebarang pindaan ke atas usul itu dan pindaan berkenaan akan diundi serta-merta selepas ia diusul dan disokong, tanpa perbahasan [PM 68B(2) & (3)].

## **RUU atau Pindaan Melibatkan Percukaian atau Perbelanjaan**

Selaras dengan Perkara 67 Perlembagaan Persekutuan, sebuah RUU atau pindaan yang bertujuan di bawah, secara langsung atau tidak langsung, hanya boleh dikemukakan oleh Menteri [PM 89(1)]:

- Mengenakan atau menaikkan cukai;
- Menghapuskan, menurunkan atau meremitkan sebarang cukai;
- Meminjamkan wang atau memberi jaminan, oleh negara;
- Meminda undang-undang berkaitan obligasi kewangan Persekutuan;
- Menyentuh tentang penjagaan Kumpulan Wang Disatukan, pemertanggungn wang pada Kumpulan Wang Disatukan, atau penghapusan atau pengubahan mana-mana pemertanggungn;
- Menyentuh tentang pembayaran wang ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, atau pembayaran, pengeluaran, atau pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan apa-apa wang yang tidak dipertanggungn padanya, atau sebarang pertambahan amaun yang dibayar, dikeluarkan atau diambil keluar;
- Menyentuh tentang pengkompaunan atau peremitan sebarang hutang kepada Persekutuan;
- Menyentuh tentang peruntukan cukai atau bayaran atau penganugerahan geran kepada sesebuah negeri;
- Menyentuh tentang penerimaan wang bagi akaun Kumpulan Wang Disatukan atau penjagaan atau pengeluaran wang tersebut, atau audit ke atas akaun Persekutuan atau Negeri,

yang didapati oleh Menteri Kewangan sebagai melebihi perkara-perkara kecil dan tidak bersifat substantial, dengan mengambil kira tujuan RUU atau pindaan tersebut.

Sebuah RUU atau pindaan yang:

- Mengenakan atau mengubah sebarang bentuk denda atau hukuman berbentuk wang
- Memerlukan bayaran atau tuntutan bayaran lesen atau bayaran perkhidmatan

- Mengenakan, mengubah, atau mengatur sebarang cukai atau kadar oleh pihak berkuasa tempatan atau lain-lain badan untuk tujuan tempatan

tidak akan dianggap sebagai jatuh di bawah peruntukan PM 89(1) [PM 89(2)].

# Dewan Negara

---



## Perutusan untuk Dewan Negara

Apabila sebuah RUU telah lulus Bacaan Kali Ketiga oleh Dewan Rakyat, Yang di-Pertua Dewan Rakyat akan mengirimkan Perutusan kepada Yang di-Pertua Dewan Negara untuk memaklumkan:

- Dewan Rakyat telah meluluskan RUU tersebut; atau
- Jika RUU tersebut dibawa dari Dewan Negara, Dewan Rakyat telah bersetuju dengan RUU tersebut dengan atau tanpa pindaan,

dan memohon persetujuan dari Dewan Negara ke atas RUU atau pindaan yang dibuat oleh Dewan Rakyat ke atas RUU tersebut [PM 70(1)]. Setiausaha akan mengirimkan perutusan ini kepada Dewan Negara bersama sebuah salinan akhir RUU Dewan Rakyat yang telah ditandatangani, atau RUU Dewan Negara yang dipinda dan ditandatangani, bersama pindaan yang ditanda dengan jelas [PM 70(2)].

Bagaimana pun, tiada perkara dalam PM 70 yang menjejaskan perkenan automatik RUU yang diluluskan Dewan Rakyat tetapi tidak

diluluskan Dewan Negara mengikut tempoh masa dan syarat-syarat di bawah Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan [PM 70(3)].

## Perutusan daripada Dewan Negara

Semua perutusan daripada Dewan Negara diterima oleh Setiausaha, yang akan menyampaikannya kepada Yang di-Pertua. Yang di-Pertua boleh mengarahkan Setiausaha untuk membaca perutusan itu di persidangan Majlis yang sama atau persidangan berikutnya [S0 71].

## RUU daripada Dewan Negara

Semua RUU yang dibawa dari Dewan Negara akan dibentang di atas Meja Mesyuarat sehingga hari untuk Bacaan Kali Kedua dinamakan [PM 72(1)].

Pada bila-bila masa selepas perutusan dibaca mengumumkan sebuah RUU telah dibawa dari Dewan Negara, mana-mana Ahli boleh memaklumkan Setiausaha bahawa beliau akan menjaga RUU itu dan menamakan hari untuk Bacaan Kali Kedua [PM 72(2)].

Setiausaha akan menulis nama Ahli tersebut di belakang RUU, dan merakamkan di dalam Penyata Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat yang RUU itu telah dibaca buat kali pertama, dan diarahkan untuk dibaca buat kali kedua pada hari yang ditetapkan, dan akan dicetak.

## Pindaan Dewan Negara

Sebaik dibaca Perutusan yang menyatakan persetujuan Dewan Negara ke atas sebuah RUU dengan pindaan, dan sebaik Yang di-Pertua bersetuju bahawa pindaan oleh Dewan Negara adalah pindaan yang sama ada membetulkan ayat atau masih menepati tujuan Majlis Mesyuarat dan tidak banyak, Ahli yang menjaga RUU itu boleh memberitahu Setiausaha, sekurang-kurangnya lima hari genap

terlebih dahulu, tentang hari yang ditetapkan untuk mempertimbangkan pindaan Dewan Negara tersebut [PM 73(1)]. Hari yang ditetapkan akan dimasukkan ke dalam Penyata Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, dan pindaan akan dicetak [PM 73(2)].

Prosedur sama akan diguna ke atas mana-mana perutusan dari Dewan Negara berkaitan dengan peringkat seterusnya RUU itu [PM 73(3)].

### **Prosedur untuk Mempertimbangkan Pindaan Dewan Negara**

Ahli boleh memohon pengundian ke atas pindaan Dewan Negara dan mencadang pindaan atas pindaan Dewan Negara, asalkan [PM 74(1)]:

- Pemberitahu untuk usul atau pindaan itu telah diserahkan; dan
- Masalah "***laitu Majlis ini bersetuju (atau tidak bersetuju) dengan pindaan Dewan Negara***" belum dikemukakan oleh Pengerusi.

Apabila mana-mana usul atau pindaan berkenaan telah diputuskan, Ahli yang menjaga RUU akan mencadangkan:

***"laitu Majlis ini bersetuju (atau tidak bersetuju) dengan pindaan Dewan Negara itu (seperti yang dipinda)."***

Hanya bentuk pindaan yang berikut boleh diusulkan [PM 74(3)]:

- Pindaan yang berbangkit daripada pindaan oleh Dewan Negara, atau daripada pindaan yang dibuat oleh Dewan Rakyat ke atas pindaan Dewan Negara; atau
- Pindaan yang menggantikan pindaan oleh Dewan Negara yang telah tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat.

## Penolakan Pindaan Dewan Negara oleh Dewan Rakyat

Apabila satu atau lebih daripada satu pindaan Dewan Negara ke atas RUU tidak dipersetujui, Yang di-Pertua akan, sebaik sahaja perbincangan ke atas pindaan Dewan Negara itu selesai, menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada tiga orang termasuk Ahli yang menjaga RUU itu, untuk melakarkan Sebab(-sebab) penolakan pindaan(-pindaan) tersebut bagi diserahkan kepada Dewan Negara [PM 74(4)]:

- Cukupbilang bagi Jawatankuasa ini adalah dua orang, dan Setiausaha atau pegawai lantikannya akan menjadi Setiausaha untuk Jawatankuasa tersebut.
- Penyata Jawatankuasa akan dikemukakan kepada Majlis bila ia diserahkan kepada Setiausaha di Meja Mesyuarat, dan pada waktu pembentangan, Majlis dianggap sebagai bersetuju dengan penyata tersebut. Penyata akan dimasukkan sepenuhnya ke dalam Penyata Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat.
- Sebab(-sebab) akan dimasukkan oleh Setiausaha ke dalam perutusan kepada Dewan Negara dan dikirim kepada Dewan Negara bersama RUU yang telah ditandatangani oleh Setiausaha.

Prosedur yang sama akan diguna pakai untuk mengendalikan pindaan Dewan Negara yang dibuat ke atas pindaan Dewan Rakyat [PM 74(5)].

Bagaimana pun, tiada perkara dalam PM 74 dan 75 yang menjejaskan perkenan automatik RUU yang diluluskan Dewan Rakyat tetapi tidak diluluskan Dewan Negara mengikut tempoh masa dan syarat-syarat di bawah Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan [PM 74(6)].



## Penolakan Pindaan Dewan Rakyat oleh Dewan Negara

Apabila mempertimbangkan sebab-sebab yang diberi oleh Dewan Negara bagi menolak sebuah pindaan Dewan Rakyat, Majlis akan menimbangkan usul sama ada:

- ***“Iaitu Majlis ini berkuat hendakkan diterima pindaan yang tidak disetujui oleh Dewan Negara”*** atau
- ***“Iaitu Majlis ini tidak berkuat hendakkan diterima pindaan yang tidak disetujui oleh Dewan Negara”***

Jika usul kedua disetujui, pindaan boleh dicadangkan ke atas pindaan yang ditolak oleh Dewan Negara tersebut, atau ke atas RUU tersebut. Setelah selesai perjalanan mesyuarat, Setiausaha akan menandatangani RUU tersebut dan menghantarkannya kepada Dewan Negara bersama Perutusan yang berkenaan [PM 75(1)].

Jika Dewan Rakyat berkuat hendakkan pindaan yang telah ditolak Dewan Negara, ia akan mengikut prosedur yang terkandung dalam PM 74(4), yang dirangka di atas bawah **Penolakan Pindaan Dewan Negara oleh Dewan Rakyat** [PM 75(2)].

Jika Dewan Negara berkuat hendakkan pindaannya dan Dewan Rakyat tidak bersetuju, maka tertakluk kepada Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan, usul berikut boleh dicadangkan di dalam Dewan Rakyat:

- ***“Iaitu Rang Undang-undang ini diketepikan”***. Jika usul ini diluluskan, tiada perbincangan lanjut akan diadakan ke atas RUU itu dan tiada Perutusan akan dihantar kepada Dewan Negara.
- Atau, ***“Iaitu Majlis ini tidak berkuat dikeluarkan diterima keputusannya tidak bersetuju dengan Dewan Negara”***

***berkaitan dengan pindaan yang Dewan Negara hendakkan diterima***". Jika usul ini diluluskan, pindaan boleh dicadangkan ke atas pindaan Dewan Negara atau RUU tersebut. Setelah selesai perjalanan mesyuarat, Setiausaha akan menandatangani RUU tersebut dan menghantarkannya kepada Dewan Negara bersama Perutusan yang berkenaan [PM 75(3)].

## Rundingan Bersama Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat dan Dewan Negara

Di mana

- sebuah Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat telah dilantik untuk mengkaji dan melaporkan perkara yang perlu dibincangkan bersama Dewan Negara; atau
- telah diputuskan untuk melantik sebuah Jawatankuasa Bersama Tetap untuk mengkaji dan melaporkan perkara yang menjejaskan kebajikan dan pentadbiran dalaman kedua-dua Majlis Dewan,

Majlis akan meluluskan sebuah ketetapan bahawa ia adalah mustahak ditubuhkan sebuah Jawatankuasa kedua-dua Majlis [PM 87(a)].

Setiausaha akan menghantar salinan ketetapan tersebut kepada Setiausaha Dewan Negara [PM 87(b)].

Sebaik dipersetujui oleh Dewan Negara, Dewan Rakyat akan melantik sebuah Jawatankuasa Pilihan dan mencalonkan Ahli-ahli untuk bersatu dengan Jawatankuasa Pilihan Dewan Negara. Kecuali jika diarahkan sebaliknya oleh Majlis, Jawatankuasa Pilihan itu akan mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya, atau meminta dokumen dan risalat [PM 87(c)]. Setiausaha akan memaklumkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan tersebut kepada Setiausaha Dewan Negara dan bagi pihak Dewan Rakyat akan meminta agar bilangan Ahli Dewan Negara yang sama menyatui Jawatankuasa Pilihan itu [PM 87(d)].

Sebaik menerima Perutusan yang menyatakan Dewan Negara telah melantik dan mencalonkan Jawatankuasanya dengan kuasa yang sama seperti Jawatankuasa Pilihan, serta masa dan tempat untuk bermesyuarat bagi Jawatankuasa Bersama telah dipersetujui, Yang di-Pertua akan mengarahkan Jawatankuasa Pilihan untuk bertemu dengan Jawatankuasa Dewan Negara tersebut [PM 87(e)].

# Jawatankuasa Pilihan

---

Terdapat pelbagai bentuk Jawatankuasa di dalam Majlis. Sebahagian Jawatankuasa ini telah ditetapkan di dalam Peraturan Mesyuarat, manakala yang lain ditubuhkan oleh Parlimen mengikut tatacara di dalam Peraturan Mesyuarat.

## Jawatankuasa Pemilih

Jawatankuasa Pemilih dilantik pada permulaan setiap Parlimen dan dianggotai oleh Yang di-Pertua sebagai Pengerusi dan enam orang Ahli yang dipilih oleh Majlis. Jawatankuasa ini mengemukakan penyata kepada Majlis Mesyuarat berkenaan pelantikan Ahli untuk mana-mana Jawatankuasa dan menguruskan perkara lain yang dirujuk kepadanya oleh Majlis dari masa ke semasa [PM 76(1)-(2)].

Jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen dan kertas kerja tanpa ketetapan dari Majlis [PM 76(2)].

## Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dilantik pada permulaan setiap Parlimen dan dianggotai oleh Pengerusi dan Naib Pengerusi yang dilantik oleh Majlis, dengan ahli tidak kurang daripada 6 orang dan tidak melebihi 12 orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih seberapa segera selepas Parlimen bermula [PM 77 (2)]. Seorang Menteri tidak boleh dilantik sebagai ahli atau Pengerusi kepada Jawatankuasa ini [PM 77(4)].

Fungsi Jawatankuasa adalah untuk memeriksa [PM 77(1)]:

- Kira-kira Kerajaan dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh Parlimen untuk menepati perbelanjaan negara;
- Kira-kira badan pentadbiran awam dan lain-lain badan yang mengurustadbir wang negara seperti dibentangkan dalam Majlis;
- Laporan oleh Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Majlis;
- Mana-mana perkara lain yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa atau yang dirujuk oleh Majlis kepadanya.

Jika Pengerusi atau Naib Pengerusi tidak dapat hadir atas sebab kesihatan atau sebab-sebab lain, Jawatankuasa perlu melantik mana-mana ahli sebagai pemangku kepada Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa [PM 77(3)].

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya, meminta dikeluarkan kertas kerja dan rekod-rekod, dan melaporkan kepada Majlis dari masa ke semasa [PM 77(5)].

## **Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat**

Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dilantik pada permulaan setiap Parlimen dan dianggotai oleh Yang di-Pertua sebagai Pengerusi bersama enam Ahli lain yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilihan seberapa segera selepas Parlimen bermula [PM 78(1)].

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk mempertimbangkan dari masa ke semasa dan melaporkan balik perkara yang berkaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dirujuk oleh Majlis kepadanya [PM 78(1)].

Jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya, atau meminta dikeluarkan dokumen atau kertas kerja tanpa ketetapan dari Majlis [PM 78(1)].

Jika sebuah pemberitahu usul yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa tersebut membabit cadangan untuk meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat, maka sebuah draf cadangan pindaan tersebut akan disertakan bersama dengan usul itu dan setelah usul dicadangkan dan disokong, ia dengan serta-merta dirujuk kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat tanpa sebarang undian. Tiada sebarang prosiding akan dijalankan sehingga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat melaporkan balik kepada Majlis [PM 78(2)].

## **Jawatankuasa Dewan**

Pada permulaan setiap Parlimen, Jawatankuasa Dewan akan ditubuhkan dan dianggotai oleh Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, bersama enam orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilihan seberapa segera selepas Parlimen bermula. Jawatankuasa ini menasihati Yang di-Pertua tentang setiap perkara berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan yang tersedia untuk Ahli-ahli [PM 79(1)].

Jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya, atau meminta dikeluarkan dokumen dan kertas kerja tanpa ketetapan dari Majlis [PM 79(1)].

Minit mesyuarat Jawatankuasa Dewan akan diedarkan kepada kesemua Ahli Dewan Rakyat [PM 79(2)].

Jawatankuasa Dewan boleh bersidang atau bermesyuarat sebagai Jawatankuasa Bersama dengan Jawatankuasa Dewan, Dewan Negara [PM 79(3)].

## Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

Pada permulaan setiap Parlimen, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan akan ditubuhkan dan dianggotai oleh Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, bersama enam orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilihan seberapa segera selepas Parlimen bermula. Apa-apa perkara yang menyentuh soal kuasa dan kebebasan Majlis akan dirujuk kepada Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini perlu mempertimbangkan perkara tersebut dan melaporkan kepada Majlis [PM 80(1)]. Apabila Majlis tidak bersidang, seorang Ahli boleh mengemukakan dakwaan pelanggaran hak dan kebebasan kepada Yang di-Pertua, dan jika beliau puas hati bahawa secara *prima facie* telah berlakunya pelanggaran hak dan kebebasan, beliau boleh merujuk perkara itu kepada Jawatankuasa ini, yang kemudian akan melaporkan kepada Majlis [PM 80(2)].

Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya, meminta dikeluarkan dokumen dan kertas kerja tanpa memerlukan ketetapan dari Majlis [PM 80(3)].

## Jawatankuasa Pilihan Khas

Jawatankuasa lain yang tidak disenaraikan di dalam Peraturan Mesyuarat dan ditubuhkan oleh Dewan Rakyat dipanggil sebagai Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa Pilihan Khas ditetapkan melalui perintah Majlis dan dianggotai oleh Ahli-ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilihan. Ia mempunyai kuasa untuk melantik Pengerusinya sendiri. Jika Pengerusi yang dilantik tidak dapat menghadiri mesyuarat, Jawatankuasa ini boleh memilih seorang lagi Pengerusi untuk hari tersebut [PM 81(1)-(2)].



## Bidang, Kuasa dan Peranan Jawatankuasa

### Keahlian

Keahlian setiap Jawatankuasa Pilihan perlu, seberapa boleh, mencerminkan pembahagian parti-parti politik di dalam Majlis [PM82(1)]. Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia, atau kerusinya dikosongkan, Majlis atau Jawatankuasa Pemilih akan melantik ahli lain untuk menggantikannya, dengan memelihara pembahagian mengikut parti politik [PM 82(2)]. Dalam kes ketidakhadiran yang tidak dapat dielakkan, Jawatankuasa boleh mencalonkan Ahli lain untuk mengambil tempat ahli yang tidak hadir. Sebarang penggantian ahli ketika Majlis ditangguhkan atas sebab kematian atau yang tidak dapat dielakkan akan diumumkan di Majlis pada mesyuarat seterusnya [PM 83(7)].

Cukupbilang untuk Jawatankuasa Pilihan adalah tiga orang termasuk Pengerusi [PM 83(3)].



## **Kuasa dan Bidang**

Sebuah Jawatankuasa Pilihan mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya, meminta dikeluarkan dokumen atau kertas kerja dan boleh melaporkan pendapat serta pemantauannya bersama dengan minit keterangan yang diberi di hadapannya kepada Majlis [PM 83(2)].

Sebuah Jawatankuasa Pilihan hanya boleh menyemak perkara-perkara yang telah dirujuk kepadanya oleh Majlis dengan sebarang penambahan atau had yang diputuskan oleh Majlis [PM 83(4)].

Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang adalah terhad kepada perbincangan RUU yang diserahkan kepadanya oleh Majlis serta mana-mana pindaan berkaitan [PM 83(4)].

## **Prosedur**

Pengerusi akan menetapkan masa dan tempat untuk mesyuarat pertama Jawatankuasa Pilihan. Jawatankuasa kemudiannya akan menetapkan ketentuan mesyuarat-mesyuarat seterusnya. Jika Jawatankuasa tidak membuat ketetapan, Pengerusi, dengan rundingan bersama Setiausaha akan menetapkan ketentuan mesyuarat seterusnya [PM 83(5)].

Jawatankuasa Pilihan boleh mengadakan mesyuarat ketika Majlis sedang bersidang, dan mesyuarat akan diadakan di premis Parlimen [PM 83(5A)]. Bagaimana pun, jika undi Belahbahagian dipanggil, Jawatankuasa Pilihan akan ditangguhkan atau tidak akan dimulakan sehingga keputusan Belahbahagian diumumkan [PM 83(6)]. Lazimnya, Jawatankuasa Pilihan boleh bermesyuarat walaupun ketika Majlis tidak bersidang.

Jawatankuasa Pilihan akan terus wujud sehingga selesai tugas yang dipertanggungjawabkan atau sehingga Parlimen dibubar [PM 83(6A)].

Jawatankuasa Pilihan boleh meneruskan penyiasatan mereka walaupun Majlis Mesyuarat telah ditangguhkan [PM 83(7)].

Pihak yang mana kelakuannya adalah perkara, atau sebahagian daripada perkara yang sedang disiasat oleh Jawatankuasa, yang mana hak dan kepentingannya terkait secara langsung kepada siasatan tersebut, boleh dengan izin oleh Jawatankuasa, hadir sendiri atau diwakili peguam [PM 83(7A)].

Setiausaha Majlis atau Setiausaha yang dilantik olehnya akan berkhidmat sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Pilihan [PM 83(8)].

### **Saksi-saksi**

Pemberitahu saksi-saksi yang dipanggil bertemu Jawatankuasa akan diserahkan kepada Setiausaha oleh Ahli atau perayu (“*petitioner*”) yang memerlukan saksi-saksi tersebut sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum mereka disoal. Pemberitahu tersebut perlulah mengandungi nama, alamat, dan pekerjaan setiap saksi. Setiausaha akan memanggil setiap saksi bagi pihak Majlis [PM 83(9)].

Melainkan diputuskan sebaliknya oleh Pengerusi, keterangan oleh saksi akan dirakam secara *verbatim* dan dihantar dalam bentuk deraf keterangan kepada saksi untuk disemaknya, yang diberi tujuh hari untuk mencadangkan pembetulan ke atas kenyataan yang tidak tepat. Bukti keterangan kemudian akan dicetak berserta pembetulan yang telah disahkan oleh Pengerusi [PM 83(10)].

Jawatankuasa berhak untuk menolak dari mendengar keterangan yang tidak relevan atau saksi yang degil [PM 83(11)].

## Penyata-penyata

Mana-mana ahli Jawatankuasa Pilihan boleh mengemukakan penyata (“*report*”) untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa. Penyata akan dimasukkan sepenuhnya ke dalam Peringatan Perjalanan Jawatankuasa (minit-minit). Setelah semua penyata dikemukakan, Pengerusi akan memanggil setiap penyata mengikut susunan pengemukaan, bermula dari penyatanya sendiri, sehingga satu daripadanya diterima oleh Ahli-ahli untuk dibincangkan. Pengerusi akan mencadangkan “***laitu Penyata Pengerusi (atau Tuan/Puan.....) dibacakan kali yang kedua lepas satu perenggan satu perenggan***”. Setelah penyata itu dipersetujui untuk disemak, tiada penyata lain akan dikemukakan, namun petikan sebahagian daripada penyata-penyata lain, jika bersesuaian, boleh ditawarkan sebagai pindaan ke atas penyata yang sedang dipertimbang [PM 83(12)(a)].

Jawatankuasa kemudiannya akan mempertimbangkan penyata tersebut perenggan demi perenggan menggunakan prosedur yang sama dengan yang digunakan oleh Jawatankuasa Majlis dalam menyemak RUU seperti diperuntukkan oleh PM 57(1)-(8) dan (10) [PM 83(12)(b)].

Setelah Jawatankuasa Pilihan selesai mempertimbangkan penyata itu perenggan demi perenggan, dan kesemua perenggan baharu telah dipertimbangkan, Pengerusi akan memanggil pengundian untuk penyata tersebut dijadikan Penyata Jawatankuasa kepada Majlis [PM 83(12)(c)].

## Peringatan Perjalanan

Peringatan Perjalanan Jawatankuasa perlu merakamkan kesemua perjalanan mesyuarat termasuk mana-mana penyata/laporan atau RUU dalam Jawatankuasa, termasuk juga setiap pindaan yang dicadangkan ke atas penyata atau RUU. Peringatan Perjalanan juga termasuk butiran tentang sebarang undi yang dipungut dalam Jawatankuasa, dan nama-

nama ahli yang mengundi dan yang tidak mengundi. Ia tidak semestinya satu laporan berbentuk *verbatim* [PM 83(12A)].

Seorang Ahli tidak boleh berucap tentang sebarang perkara di dalam Jawatankuasa di mana beliau mempunyai faedah kewangan secara langsung ke atas dirinya (selain daripada perkara gaji di bawah Perlembagaan Persekutuan) tanpa menerangkan apakah faedah bagi dirinya dalam perkara itu [PM 83(13)].

Kesemua undi Belahbahagian di dalam Jawatankuasa Pilihan akan dipungut oleh Setiausaha Jawatankuasa. Setiausaha akan bertanya kepada setiap ahli berhubung undian secara berasingan (Ya atau Tidak, atau secara jelas tidak mengundi) dan merakam undi tersebut [PM 84(1) & (3)]. Ahli akan dipanggil untuk mengundi mengikut susunan abjad [PM 84(2)].

Sebaik Setiausaha selesai memungut semua undi, Pengerusi akan memaklumkan jumlah Ya dan Tidak serta akan mengumumkan keputusan pengundian. Pengerusi hanya akan diminta untuk mengundi dalam situasi undi sama banyak, kecuali jika beliau tidak berkelayakan untuk mengundi [PM 84(4) & 45(1)].

Setiausaha akan memasukkan pengundian tersebut ke dalam Peringatan Perjalanan Mesyuarat, bersama nama mereka yang tidak mengundi [PM 84(3)].

Jika ahli Jawatankuasa menyatakan yang undinya telah silap diambil atau salah dikira, beliau boleh meminta untuk undinya ditukar jika dimaklumkan kepada Pengerusi sebaik sahaja diumumkan jumlah Ya atau Tidak tetapi sebelum keputusan diumumkan [PM 84(5)].

Ahli tidak boleh mengundi ke atas perkara yang melibatkan kepentingan kewangan peribadi secara langsung terhadap dirinya [PM 47(5)].

- Usul untuk membatalkan undi seseorang Ahli atas sebab demikian hanya boleh dibuat serta-merta setelah digelar jumlah Ahli yang mengundi dan sebelum keputusan diumumkan.
- Jika usul untuk membatalkan undi Ahli diterima, Setiausaha akan membetulkan jumlah pengundian belahbahagian.

Tiada Ahli dalam Jawatankuasa atau lain-lain orang dibenarkan untuk menerbitkan sebarang keterangan yang diambil di hadapan Jawatankuasa Pilihan atau mana-mana dokumen yang dikemukakan kepada Jawatankuasa, sebelum Jawatankuasa mengemukakan Penyata kepada Majlis Mesyuarat [PM 85].

### **Penyata dan Penyata Khas Jawatankuasa Pilihan**

Setiap Jawatankuasa Pilihan perlu membuat penyata kepada Majlis atas perkara-perkara yang dirujuk kepadanya dengan seberapa segera. Jawatankuasa Pilihan boleh mengeluarkan Penyata Khas berkaitan kuasa, tugas, dan perjalanan Jawatankuasa atas mana-mana perkara yang difikirkan patut untuk dibawa kepada perhatian Majlis. Penyata atau Penyata Khas ini dikemukakan kepada Majlis oleh Pengerusi atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa untuk pembentangan. Penyata-penyata ini akan dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan dicetak tanpa perlu diputuskan [PM 86(1)-(3)].

Mana-mana Ahli dengan tidak kurang daripada dua hari pemberitahu, boleh mencadangkan untuk Majlis menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan tersebut [PM 86(5)].

Merujuk kepada RUU yang dilaporkan dari Jawatankuasa Pilihan, proses yang sama seperti **Pindaan Sebelum Bacaan Kali Ketiga – RUU dari Jawatankuasa Pilihan** adalah diguna pakai.

---

## Lain-lain Jawatankuasa

Majlis boleh melantik lain-lain Jawatankuasa yang bukan Jawatankuasa Pilihan, untuk menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis dari masa ke semasa [PM 88A(1)].

Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh Yang di-Pertua sebagai Pengerusi dan beberapa lagi Ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis [PM 88A(2)].

# Peraturan lain ke atas Ahli-ahli

---

## Penerangan Sendiri

Seorang Ahli boleh membuat Penerangan Sendiri selepas “Ucapan Takziah” dalam Perjalanan Harian dengan izin Yang di-Pertua. Penerangan tersebut tidak boleh mengandungi perkara-perkara yang akan membangkitkan pertelingkahan dan tidak akan dibahaskan. Ahli perlu menyerahkan Penerangan tersebut (cadangan kenyataan penuh) kepada Yang di-Pertua ketika meminta keizinan, sekurang-kurangnya dua jam sebelum pembukaan persidangan [PM 25].

## Risalat-risalat

Hanya Yang di-Pertua, Menteri, atau Pengerusi Jawatankuasa dibenarkan membentangkan risalat-risalat dalam Majlis. Risalat mesti dihantar kepada Setiausaha dan dalam bentuk bercetak, elektronik, atau lain-lain bentuk yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua [PM 20(1)].

Sebaik diterima oleh Setiausaha dalam bentuk salinan bercetak, risalat dianggap telah dikemukakan kepada Majlis dan diarahkan untuk dibentangkan di atas Meja Mesyuarat [PM 20(2)]. Pembentangan Risalat dirakam di dalam Penyata Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat pada hari pembentangan atau pada hari persidangan berikutnya jika dibentang pada hari tanpa persidangan [PM 20(3)].

## Membetulan Penyata Rasmi

Ahli boleh meminta untuk dibuat pembetulan ke atas mana-mana kesilapan tatabahasa atau ejaan, pengulangan, kesilapan rujukan, tanda bacaan, atau nota birai/bahu di dalam sebuah rayuan, risalat, masalah,



usul, pemberitahu, RUU atau lain-lain dokumen yang telah dikemukakan [PM 96(2)].

## Penghinaan

Namun peranan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, dalam keadaan di mana didapati oleh Majlis bahawa seorang Ahli atau bukan Ahli telah melakukan perbuatan atau perkara yang boleh dihukum sebagai menghina Majlis di bawah Akta Majlis-Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952, Majlis boleh melantik sebuah Jawatankuasa untuk menyiasat hal tersebut dan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut Akta tersebut [PM 80A].

## Ketidakhadiran Ahli-ahli

Ahli perlu memaklumkan kepada Setiausaha sesegera mungkin tentang ketidakhadirannya ke mesyuarat [PM 91]. Jika seorang Ahli tidak hadir ke setiap persidangan Majlis selama tempoh enam bulan tanpa izin, Majlis boleh mengumumkan kekosongan kerusi Ahli tersebut [Perlembagaan Persekutuan, Per. 52(1)].



Seorang Ahli yang dizinkan untuk tidak hadir ke persidangan Majlis tidak boleh mengikut serta mana-mana urusan Majlis selama tempoh ketidakhadiran mereka [Perlembagaan Persekutuan, Per. 52(2)].

## **Penggajian di luar Parlimen**

Tiada Ahli yang boleh hadir di hadapan Majlis atau Jawatankuasa dalam suatu kapasiti di mana beliau akan menerima bayaran atau upah, termasuk sebagai Peguambela atau Peguamcara bagi mana-mana pihak [PM 92].

# Peraturan-peraturan lain

---

## Perbelanjaan

Mana-mana individu yang dipanggil untuk menghadiri atau mengemukakan apa-apa dokumen kepada Majlis akan dibayar serupa dengan saksi yang menghadiri Mahkamah, bersesuaian dengan peraturan di bawah kanun berkaitan prosedur jenayah. Dalam mentafsir kanun ini, mana-mana perkataan yang merujuk kepada “hakim” atau “Pendaftar Mahkamah Tinggi” akan masing-masing ditafsirkan sebagai “Yang di-Pertua” atau “Setiausaha” [PM 97].

## Hal-hal berkaitan Penggantungan Kuasa Peraturan Mesyuarat

Majlis Mesyuarat tidak akan mempertimbangkan mana-mana RUU, pindaan, usul, atau rayuan yang pada pendapat Yang di-Pertua akan menggantung kuasa Peraturan Mesyuarat kecuali diizinkan oleh Yang di-Pertua [PM 90(1)].



Tiada masalah akan dicadangkan, yang tujuan atau akibatnya adalah untuk merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat, kecuali jika pemberitahu telahpun diberikan atau izin Yang di-Pertua telah diperolehi. Yang di-Pertua akan dengan serta merta mengemukakan masalah tersebut, tanpa perbahasan [PM 90(2)].

## **Petua-petua Yang di-Pertua**

Keputusan yang di-Pertua dalam mentafsirkan Peraturan Mesyuarat atau berkenaan perkara kelaziman adalah dianggap muktamad, kecuali jika usul bersendiria dicadangkan untuk menentang keputusan beliau. Yang di-Pertua boleh dari masa ke semasa mengeluarkan petua-petua berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat [PM 99].

Sebarang kegagalan untuk mematuhi Peraturan Mesyuarat oleh Majlis atau Jawatankuasa dalam membuat keputusan akan dianggap sebagai ketidak aturan dan tidak akan membatalkan perjalanan mesyuarat atau keputusan yang telah dicapai [PM 99A].

## **Lain-lain Kuasa**

Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk mengaturkan semua perkara yang tidak dinyatakan secara terang atau khusus di dalam Peraturan Mesyuarat dan untuk mentafsir mana-mana perkara yang berkaitan dengan cara menjalankan Peraturan, selagi mana ia tidak berlawanan dengan Peraturan Mesyuarat [PM 100].

# Lampiran-lampiran

---

## Lampiran 1: Senarai Perundangan, Perlembagaan Persekutuan

### JADUAL KESEMBILAN

[Perkara 74, 77]

#### *Senarai Perundangan*

##### *Senarai I-Senarai Persekutuan*

1. Hal ehwal luar negeri, termasuk -
  - (a) triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain dan segala perkara yang menghubungkan Persekutuan dengan mana-mana negara lain;
  - (b) pelaksanaan triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain;
  - (c) perwakilan diplomat, konsul dan perdagangan;
  - (d) organisasi antarabangsa; penyertaan dalam badan antarabangsa dan pelaksanaan keputusan yang diambil dalam badan itu;
  - (e) ekstradisi; pesalah buruan; penerimaan masuk ke dalam Persekutuan, dan emigrasi dan pengusiran dari Persekutuan;
  - (f) passport; visa; permit masuk atau perakuan lain; kuarantin;
  - (g) bidang kuasa asing dan luar wilayah; dan
  - (h) ziarah ke tempat-tempat di luar Malaysia.
  
2. Pertahanan bagi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, termasuk -
  - (a) angkatan laut, darat dan udara dan angkatan tentera lain;
  - (b) mana-mana angkatan tentera yang bertugas atau menjalankan operasi bersama dengan mana-mana angkatan tentera Persekutuan; angkatan pelawat;
  - (c) kerja pertahanan; kawasan tentera dan kawasan larangan; pangkalan bagi angkatan laut, darat dan udara; berek, padang terbang dan kerja lain;
  - (d) olah gerak;
  - (e) peperangan dan keamanan; musuh orang asing dan orang asing musuh; harta musuh; perdagangan dengan musuh; kerosakan perang; insurans risiko perang;

- (f) senjata, senjata api, amunisi dan bahan letupan;
  - (g) perkhidmatan negara; dan
  - (h) pertahanan awam.
3. Keselamatan dalam negeri, termasuk -
- (a) polis; penyiasatan jenayah; pendaftaran penjenayah; ketenteraman awam;
  - (b) penjara; institusi pemulihan akhlak; rumah reman; tempat tahanan; percubaan akhlak bagi pesalah; pesalah juvana;
  - (c) tahanan pencegahan; sekatan kediaman;
  - (d) perkhidmatan risikan; dan
  - (e) pendaftaran negara.
4. Undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan, termasuk -
- (a) keanggotaan dan susunan semua mahkamah selain Mahkamah Syariah;
  - (b) bidang kuasa dan kuasa semua mahkamah itu;
  - (c) saraan dan keistimewaan lain hakim dan pegawai yang mengetuai mahkamah itu;
  - (d) orang yang berhak menjalankan amalan di hadapan mahkamah itu;
  - (e) tertakluk kepada perenggan (ii), perkara yang berikut:
    - (i) kontrak; perkongsian, agensi dan kontrak khas yang lain; majikan dan pekhidmat; rumah inapan dan tuan rumah inapan; perbuatan salah boleh dakwa; harta dan pindah hakmiliknya serta hipotekasinya, kecuali tanah; *bona vacantia*; ekuiti dan amanah; perkahwinan, perceraian dan kesahatarafan; harta dan taraf perempuan bersuami; pentafsiran undang-undang persekutuan; surat cara boleh niaga; akuan berkanun; timbang tara; undang-undang persaudagaran; pendaftaran perniagaan dan nama perniagaan; umur dewasa; budak-budak dan orang belum dewasa; pengangkatan; pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat; probet dan surat kuasa mentadbir; kebangkrapan dan ketidakmampuan bayar; sumpah dan ikrar; batasan; penguatkuasaan bersaling penghakiman dan perintah; undang-undang keterangan;
    - (ii) perkara yang disebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri Islam yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat;

- (f) rahsia rasmi; perbuatan rasuah;
  - (g) penggunaan atau penunjukkan jata, lambang kebangsawanan, bendera, lambang, pakaian seragam, darjah kebesaran dan bintang kehormatan selain bagi sesuatu Negeri;
  - (h) pewujudan kesalahan berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan;
  - (i) tanggung rugi berkenaan dengan mana-mana perkara dalam Senarai Persekutuan atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan;
  - (j) bidang kuasa Admiralti;
  - (k) penentuan hukum Syarak dan undang-undang diri yang lain bagi maksud undang-undang persekutuan; dan
  - (l) pertaruhan dan loteri.
5. Kewarganegaraan Persekutuan dan penaturalisasian; orang asing.
6. Jentera kerajaan, tertakluk kepada Senarai Negeri, tetapi termasuk –
- (a) pemilihan menjadi ahli kedua-dua Majlis Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri dan segala perkara yang berkaitan dengannya;
  - (b) Majlis Angkatan Tentera dan Suruhanjaya yang baginya Bahagian X terpakai;
  - (c) perkhidmatan persekutuan, termasuk mengadakan perkhidmatan bersama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri; perkhidmatan bersama bagu dua Negeri atau lebih;
  - (d) pencen dan pampasan kerana hilang jawatan; ganjaran dan syarat-syarat perkhidmatan;
  - (e) pemerintahan dan pentadbiran Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya termasuk hukum Syarak di dalamnya setakat yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam butiran 1 Senarai Negeri dan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Labian, undang-undang dan adat anak negeri setakat yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam butiran 13 Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak;
  - (f) kontrak Kerajaan Persekutuan;
  - (g) pihak berkuasa awam Persekutuan; dan
  - (h) pembelian, pengambilan dan pemegangan, dan pembuatan apa-apa urusan mengenai, harta bagi maksud persekutuan.

7. Kewangan, termasuk -
- (a) mata wang, wang sah dan penyilingan;
  - (b) simpanan negara dan bank simpanan;
  - (c) peminjaman atas jaminan Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan;
  - (d) pinjaman kepada atau peminjaman oleh Negeri, pihak berkuasa awam dan perusahaan persendirian;
  - (e) hutang awam Persekutuan;
  - (f) tatacara kewangan dan perakaunan, termasuk tatacara bagi pemungutan, penjagaan dan pembayaran wang awam Persekutuan dan wang awam Negeri, dan pembelian, penjagaan dan pelupusan harta awam selain tanah Persekutuan dan tanah Negeri;
  - (g) audit dan akaun Persekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa awam yang lain;
  - (h) cukai; kadar di ibu kota persekutuan;
  - (i) fi berkenaan dengan mana-mana perkara dalam Senarai Persekutuan atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan;
  - (j) perbankan; pemberian pinjaman wang; pemegang pajak gadai; kawalan kredit;
  - (k) bil pertukaran, cek, nota janji hutang dan surat cara lain yang seumpamanya;
  - (l) pertukaran asing; dan
  - (m) terbitan modal; bursa saham dan bursa komoditi.
8. Perdagangan, perkara komersial dan perindustrian, termasuk -
- (a) pengeluaran, pembekalan dan pengedaran barangan; kawalan harga dan kawalan makanan; pengadukan bahan makanan dan barangan lain;
  - (b) import ke dalam Persekutuan dan eksport dari Persekutuan;
  - (c) pemerbadanan, pengawalseliaan dan penggulungan perbadanan, selain perbadanan perbandaran (tetapi termasuk perbadanan perbandaran ibu kota persekutuan); pengawalseliaan perbadanan asing; ganjaran atas pengeluaran di Persekutuan atau atas eksport dari Persekutuan;
  - (d) insurans, termasuk insurans wajib;
  - (e) paten; reka bentuk; reka cipta; cap dagangan dan cap persaudagaran; hak cipta;
  - (f) penetapan standard timbang dan sukat;
  - (g) penetapan standard kualiti barangan yang dibuat di dalam Persekutuan atau dieksport dari Persekutuan;

- (h) lelong dan pelelong;
  - (i) industri, pengawalseliaan pengusahaan perindustrian;
  - (j) tertakluk kepada butiran 2(c) dalam Senarai Negeri: Pembangunan sumber mineral; lombong, perlombongan, mineral dan bijih mineral; minyak dan medan minyak; membeli, menjual, mengimport dan mengeksport mineral dan bijih mineral; keluaran petroleum; pengawalseliaan perburuhan dan keselamatan di dalam lombong dan medan minyak;
  - (k) kilang, dandang dan jentera; perdagangan berbahaya; dan
  - (l) bahan berbahaya dan mudah terbakar.
9. Perkapalan, pelayaran dan perikanan, termasuk -
- (a) perkapalan dan pelayaran di laut lepas dan di perairan pasang surut dan di perairan pedalaman;
  - (b) pelabuhan dan pangkalan; pesisir depan;
  - (c) rumah api dan peruntukan lain bagi keselamatan pelayaran;
  - (d) penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara, tidak termasuk penyus;
  - (e) dius api; dan
  - (f) bangkai dan salvaj.
10. Perhubungan dan pengangkutan, termasuk -
- (a) jalan, jambatan, feri dan cara perhubungan yang lain jika diisytiharkan sebagai persekutuan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan;
  - (b) kereta api, tidak termasuk Kereta Api Bukit Bendera;
  - (c) jalan udara, pesawat udara dan penerbangan udara; padang terbang awam; peruntukan bagi keselamatan pesawat udara;
  - (d) pengawalseliaan lalu lintas mengikut jalan darat, air dan udara, selain lalu lintas di sungai-sungai di luar kawasan pelabuhan yang keseluruhannya terletak di dalam satu Negeri;
  - (e) pembawaan penumpang dan barangan mengikut jalan darat, air dan udara;
  - (f) kenderaan yang didorong secara mekanik;
  - (g) pos dan telekomunikasi; dan
  - (h) wayarles, penyiaran dan televisyen.
11. Kerja-kerja dan kuasa Persekutuan, termasuk -
- (a) kerja raya bagi maksud persekutuan;



- (b) bekalan air, sungai dan terusan, kecuali yang keseluruhannya terletak di dalam suatu Negeri atau yang dikawal selia oleh suatu perjanjian antara semua Negeri yang berkenaan; pengeluaran, pengagihan dan pembekalan kuasa air; dan
  - (c) elektrik; gas dan kerja gas; dan kerja lain bagi pengeluaran dan pengagihan kuasa dan tenaga.
- 12. Tinjauan, siasatan dan penyelidikan, termasuk -
  - (a) banci; pendaftaran kelahiran dan kematian; pendaftaran perkahwinan; pendaftaran pengangkatan, selain pengangkatan di bawah hukum Syarak dan adat Melayu;
  - (b) tinjauan Persekutuan; tinjauan sosial, ekonomi dan sains; organisasi kaji cuaca;
  - (c) penyelidikan sains dan teknik; dan
  - (d) suruhanjaya siasatan.
- 13. Pendidikan, termasuk -
  - (a) pendidikan rendah, menengah dan universiti; pendidikan vokasional dan teknik; latihan guru; pendaftaran dan pengawalan guru, pengurus dan sekolah; pemajuan pengajian khas dan penyelidikan; pertubuhan sains dan satera;
  - (b) perpustakaan; muzium; monumen dan rekod purbakala dan sejarah; tapak dan peninggalan zaman purba.
- 14. Perubatan dan kesihatan termasuk kebersihan di ibu kota persekutuan, dan termasuk -
  - (a) hospital, klinik dan dispensari; profesion perubatan; kebajikan ibu mengandung dan bersalin serta anak; pesakit kusta dan institusi pesakit kusta;
  - (b) penyakit gila dan kecacatan mental, termasuk tempat menerima dan memberikan rawatan;
  - (c) racun dan dadah berbahaya; dan
  - (d) dadah dan minuman keras yang memabukkan; pembuatan dan penjualan dadah.
- 15. Buruh dan keselamatan sosial, termasuk -
  - (a) kesatuan sekerja; pertikaian perindustrian dan buruh; kebajikan buruh termasuk mengadakan rumah bagi buruh oleh majikan; liabiliti majikan dan pampasan pekerja;

- (b) insurans pengangguran; insurans kesihatan; pencen balu, anak yatim dan umur tua; faedah mengandung dan bersalin; kumpulan wang simpanan dan kebajikan; persaraan; dan
- (c) khairat dan institusi khairat; amanah khairat dan pemegang amanah tidak termasuk Wakaf; derma kekal Hindu.
16. Kebajikan orang asli.
  17. Pekerjaan profesional, selain yang disebut satu persatu secara khusus.
  18. Hari kelepasan selain hari kelepasan Negeri; standard waktu.
  19. Pertubuhan tidak diperbadankan.
  20. Pengawalan makhluk perosak pertanian; perlindungan daripada makhluk perosak itu; pencegahan penyakit tumbuhan.
  21. Akhbar, penerbitan; penerbit; percetakan dan mesin cetak.
  22. Penapisan.
  23. Tertakluk kepada butiran 5(f) Senarai Negeri: panggung; panggung wayang; filem sinematograf; tempat hiburan awam.
  24. (*Dimansuhkan*).
  25. Koperasi.
  - 25A. Pelancongan.
  26. Tertakluk kepada butiran 9A Senarai Bersama, pencegahan kebakaran dan pemadaman api, termasuk perkhidmatan bomba dan pasukan bomba.
  27. Segala perkara yang berhubungan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan, termasuk perkara yang disebut satu persatu dalam butiran 2, 3, 4 dan 5 Senarai Negeri dan dalam hal Wilayah Persekutuan Labuan, perkara yang disebut satu persatu dalam butiran 15, 16 dan 17 Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak.

#### *Senarai II - Senarai Negeri*

1. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat;

Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

2. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, tanah termasuk -

- (a) pemegangan tanah, hubungan antara tuan tanah dengan penyewa; pendaftaran hakmilik dan surat ikatan yang berhubungan dengan tanah; penerokaan, pemajuan tanah dan pemuliharaan tanah; sekatan sewa;
- (b) tanah simpanan Melayu atau, di Negeri Sabah dan Sarawak, tanah simpanan anak negeri;
- (c) permit dan lesen untuk mencari gali bagi lombong; pajakan melombong dan perakuan melombong;
- (d) pengambilan tanah secara paksa;
- (e) pindah hakmilik tanah, gadai janji, pajakan dan gadaian berkenaan dengan tanah; isemen; dan
- (f) rad; harta karun tidak termasuk benda purba.

3. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, pertanian dan perhutanan, termasuk -

- (a) pertanian dan pinjaman pertanian; dan
- (b) hutan.

4. Kerajaan tempatan di luar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, termasuk -

- (a) pentadbiran tempatan; perbadanan perbandaran; lembaga tempatan, lembaga bandaran dan lembaga luar bandar dan pihak berkuasa

- tempat yang lain; perkhidmatan kerajaan tempatan, kadar tempatan, pilihan raya kerajaan tempatan;
- (b) pertukangan yang memudaratkan dan kacau ganggu awam di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan; dan
- (c) *(Dimansuhkan)*.
5. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, perkhidmatan lain yang berciri tempatan, iaitu:
- (a) *(Dimansuhkan)*;
- (b) rumah tumpangan dan rumah pemalaman;
- (c) tanah perkuburan dan tempat pembakaran mayat;
- (d) tempat kurungan binatang dan pencerobohan kerbau lembu;
- (e) pasar dan pasar ria; dan
- (f) pelesenan panggung; panggung wayang dan tempat hiburan awam.
6. Kerja-kerja Negeri dan air, iaitu:
- (a) kerja raya bagi maksud Negeri;
- (b) jalan, jambatan dan feri, selain yang ada dalam Senarai Persekutuan, pengawalseliaan berat dan kelajuan kenderaan di atas jalan itu; dan
- (c) tertakluk kepada Senarai Persekutuan, air (termasuk sungai dan terusan tetapi tidak termasuk bekalan dan perkhidmatan air); pengawalan kelodak; hak riparia.
7. Jentera Kerajaan Negeri, tertakluk kepada Senarai Persekutuan, tetapi termasuk -
- (a) peruntukan Diraja dan pencen Negeri;
- (b) perkhidmatan Negeri yang khusus;
- (c) peminjaman atas jaminan Kumpulan Wang Disatukan Negeri;
- (d) pinjaman bagi maksud Negeri;
- (e) hutang awan Negeri; dan
- (f) fi berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri.
8. Hari kelepasan Negeri.
9. Pewujudan kesalahan berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri, bukti mengenai undang-undang Negeri dan benda yang dilakukan di bawahnya, dan bukti mengenai apa-apa perkara bagi maksud undang-undang Negeri.

10. Siasatan bagi maksud Negeri, termasuk suruhanjaya siasatan dan pengumpulan perangkaan mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri.
11. Tanggung rugi berkenaan dengan mana-mana perkara dalam Senarai Negeri atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri.
12. Penyu dan penangkapan ikan di sungai.
- 12A Perpustakaan, muzium, monumen dan rekod purbakala dan sejarah dan tapak dan peninggalan zaman purba, selain apa yang diisytiharkan sebagai persekutuan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

*Senarai IIA - Tambahan kepada Senarai Negeri bagi  
Negeri Sabah dan Sarawak*

[Perkara 95B(1)(a)]

13. Undang-undang dan adat anak negeri, termasuk undang-undang diri yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat atau tidak berwasiat; pendaftaran pengangkatan di bawah undang-undang atau adat anak negeri; penentuan perkara mengenai undang-undang atau adat anak negeri; keanggotaan, susunan, dan tatacara mahkamah anak negeri (termasuk hak untuk didengar di dalam mahkamah itu), dan bidang kuasa dan kuasa mahkamah itu, yang hendaklah meliputi hanya perkara yang termasuk dalam perenggan ini sahaja dan tidaklah termasuk bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan.
14. Pemerbadanan pihak berkuasa dan badan lain yang ditubuhkan melalui undang-undang Negeri, jika diperbadankan secara langsung melalui undang-undang Negeri, dan pengawalseliaan dan penggulangan perbadanan yang diwujudkan sedemikian.
15. Pelabuhan dan pangkalan, selain yang diisytiharkan sebagai pelabuhan dan pangkalan persekutuan melalui atau di bawah undang-undang persekutuan; pengawalseliaan lalu lintas mengikut jalan air di pelabuhan dan pangkalan atau di sungai-sungai yang keseluruhannya terletak di dalam Negeri itu, kecuali lalu lintas di pelabuhan atau pangkalan persekutuan; pesisir depan.
16. Ukuran tanah kadaster.
17. *(Dimansuhkan)*.
18. Di Sabah, Kereta Api Sabah.

19. *(Dimansuhkan)*.
20. Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, bekalan dan perkhidmatan air.

*Senarai IIB - (Dimansuhkan)*

*List III - Senarai Bersama*

1. Kebajikan masyarakat; perkhidmatan masyarakat tertakluk kepada Senarai I dan II; perlindungan bagi perempuan, kanak-kanak dan orang muda.
2. Biasiswa.
3. Perlindungan binatang liar dan burung liar; Taman Negara.
4. Penternakan; pencegahan perbuatan menganiaya binatang; perkhidmatan veterinar; kuarantin binatang.
5. Perancangan bandar dan desa, kecuali di ibu kota persekutuan.
6. Kekuturayauan dan penaja dari tempat ke tempat.
7. Kesihatan awam, kebersihan (tidak termasuk kebersihan di ibu kota persekutuan) dan pencegahan penyakit.
8. Saliran dan pengairan.
9. Pemulihan tanah lombong dan tanah yang telah mengalami hakisan tanah.
- 9A. Langkah keselamatan kebakaran dan langkah mencegah kebakaran dalam pembinaan dan penyenggaraan bangunan.
- 9B. Kebudayaan dan sukan.
- 9C. Perumahan dan peruntukan bagi kemudahan perumahan; amanah pemajuan.
- 9D. Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, bekalan dan perkhidmatan air.
- 9E. Pemeliharaan warisan.

*Senarai IIIA - Tambahan kepada Senarai Bersama bagi  
Negeri Sabah dan Sarawak*

[Perkara 95B (1)(b)]

10. Undang-undang diri yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat atau tidak berwasiat.

11. Pengadukan bahan makanan dan barangan lain.
  12. Perkapalan yang beratnya kurang daripada lima belas tan berdaftar, termasuk pembawaan penumpang dan barangan oleh perkapalan itu; penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara.
  13. Pengeluaran, pengagihan dan pembekalan kuasa air dan elektrik yang dijanakusakan dengan kuasa air.
  14. Penyelidikan pertanian dan perhutanan, pengawalan makhluk perosak pertanian, dan perlindungan daripada makhluk perosak itu; pencegahan penyakit tumbuhan.
  15. Khairat dan amanah dan institusi khairat di dalam Negeri (iaitu, yang dikendalikan keseluruhannya di dalam Negeri atau diwujudkan dan dikendalikan di dalam Negeri itu) dan pemegang amanahnya, termasuk pemerbadanannya dan pengawalseliaan dan penggulungan khairat dan institusi khairat yang diperbadankan di dalam Negeri itu.
  16. Panggung; panggung wayang; filem sinematograf; tempat hiburan awam.
  17. Pilihan raya ke Dewan Negeri yang diadakan dalam tempoh pilihan raya secara tidak langsung.
  18. Di Sabah sehingga hujung tahun 1970 (tetapi tidak di Sarawak), perubahan dan kesihatan, termasuk perkara yang dinyatakan dalam butiran 14(a) sehingga (d) Senarai Persekutuan.
-

## Lampiran 2: Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan

### Perkara 159 - Pindaan Perlembagaan

159. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini dan kepada Perkara 161E, peruntukan Perlembagaan ini boleh dipinda melalui undang-undang persekutuan.

(2) (*Dimansuhkan*).

(3) Sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan (selain pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan Fasal ini) dan sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada sesuatu undang-undang yang diluluskan di bawah Fasal (4) Perkara 10 tidaklah boleh diluluskan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-Undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu.

(4) Pindaan-pindaan yang berikut dikecualikan daripada peruntukan Fasal (3), iaitu;

(a) apa-apa pindaan kepada Bahagian III Jadual Kedua atau kepada Jadual Keenam atau Jadual Ketujuh;

(b) apa-apa pindaan yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada penjalanan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepada Parlimen oleh mana-mana peruntukan Perlembagaan ini selain Perkara 74 dan 76;

(bb) tertakluk kepada Perkara 161E apa-apa pindaan yang dibuat bagi atau berkaitan dengan penerimaan masuk mana-mana Negeri ke dalam Persekutuan atau pergabungannya dengan Negeri-Negeri Persekutuan, atau apa-apa ubah suaian yang dibuat tentang pemakaian Perlembagaan ini bagi sesuatu Negeri yang diterima masuk atau bergabung sedemikian sebelum itu;

(c) apa-apa pindaan yang berbangkit daripada sesuatu pindaan yang dibuat di bawah perenggan (a).

(5) Sesuatu undang-undang yang membuat sesuatu pindaan kepada Fasal (4) Perkara 10, apa-apa undang-undang yang diluluskan di bawahnya, peruntukan Bahagian III, Perkara 38, Fasal (4) Perkara 63, Perkara 70, Fasal (1) Perkara 71, Fasal (4) Perkara 72, Perkara 152, atau 153 atau kepada Fasal ini tidaklah boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.



(6) Dalam Perkara ini “pindaan” termasuklah tambahan dan pemansuhan; dan dalam Perkara ini dan dalam ‘perenggan (a) Perkara 2 “Negeri” termasuklah mana-mana wilayah.

---

## Lampiran 3: Contoh Pertanyaan-pertanyaan Parlimen

### CONTOH-CONTOH PERTANYAAN YANG MEMATUHI SYARAT-SYARAT PERATURAN MESYUARAT DEWAN RAKYAT

#### Contoh 1

[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah inisiatif Malaysia untuk memudahcara permohonan visa bagi menarik lebih ramai pelancong terutamanya warganegara China dan India untuk memasuki Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

#### Contoh 2

[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta MENTERI HAL EHWAL EKONOMI menyatakan berapakah kadar pertumbuhan ekonomi negara pada 2017 dan jangkaan pertumbuhan ekonomi negara dan global pada tahun ini. Apakah kaedah-kaedah baru dan inisiatif Kerajaan bagi membantu rakyat menghadapi ekonomi global yang masih berada dalam keadaan tidak menentu.

#### Contoh 3

[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memberi status pemilikan kekal melalui jualan unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada penyewa yang telah lama tinggal di sesebuah PPR di seluruh negara.

#### Contoh 4

[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) langkah yang diambil Kementerian bagi menangani isu kegagalan pentauliahkan 6,000 orang pelajar yang menjalani program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di sekolah-sekolah harian pada tahun 2017; dan
- (b) bilangan pekerja teknikal berkemahiran tinggi tempatan dalam kalangan belia Malaysia dari tahun 2013 sehingga 2017.

**CONTOH-CONTOH PERTANYAAN YANG TIDAK MEMATUHI  
SYARAT-SYARAT PERATURAN MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

	<b>PERTANYAAN YANG DITOLAK</b>	<b>SEBAB DITOLAK</b>
Contoh 1	<p><b>[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta PERDANA MENTERI</b> menyatakan secara terperinci status Composite Technology Research Malaysia (CTRM) sekarang dari segi penukaran serta peratusan hak milik sejak tahun 2010 sehingga terkini, jumlah syarikat ini dijual serta kepada siapa.</p>	<p><b>PM.21(1)(a)</b></p> <p>Bukan urusan Kerajaan</p>
Contoh 2	<p><b>[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta PERDANA MENTERI</b> menyatakan berapa lamakah tempoh masa Kerajaan menggaji Josh Treveno dan berapakah jumlah wang sebenar yang Kerajaan telah bayar kepada beliau.</p>	<p><b>PM. 23(1)(c).</b></p> <p>Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa-apa hujah, sangkaan, fikiran, tohmahan, puji atau keji atau mengandungi kalimah-kalimah mengelirukan, menyindir, atau menyakitkan hati ataupun mengenai apa-apa perkara dangkal atau meminta penerangan mengenai perkara-perkara remeh.</p>
Contoh 3	<p><b>[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta MENTERI PERTAHANAN</b> menyatakan berikutan laporan media bahawa Malaysia berminat untuk membeli senjata dan kapal perang China :-</p> <p>a) apakah rasional ketenteraan dan strategik di sebalik ini; dan</p> <p>b) bolehkah senjata-senjata tersebut disepadukan sepenuhnya dengan sistem pertahanan semasa Malaysia.</p>	<p><b>PM. 23(1)(f).</b></p> <p>Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh meminta keterangan berkenaan dengan apa-apa perkara rahsia.</p>

	<b>PERTANYAAN YANG DITOLAK</b>	<b>SEBAB DITOLAK</b>
Contoh 4	[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan berapakah daripada jumlah penggelapan wang sebanyak RM107 juta yang melibatkan Kementerian Belia dan Sukan bagi tempoh 2010-2015 telah didapat balik oleh kerajaan. Nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mendapat balik wang-wang tersebut.	<b>PM. 23(1)(g).</b>  Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikarangkan cakupannya sekira-kira harus menggelencungkan perkara yang sedang dibicarakan oleh Mahkamah dan tidak boleh ditanya berkenaan dengan apa-apa perkara yang dalam timbangan Mahkamah.
Contoh 5	[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan rancangan untuk memasukkan sebahagian Kedah, Pulau Pinang dan Melaka sebagai Wilayah Persekutuan. Nyatakan kebaikan dan keburukan cadangan tersebut.	<b>PM. 23(1)(h).</b>  Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapat buah fikiran atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana hendak mendapat jawab dalam perkara yang dimisal-misalkan sahaja.
Contoh 6	[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai hasrat untuk melebarkan Jalan Pasir Putih (A3151) iaitu dari arah simpang Jalan Lahat kepada jalan raya dua laluan (dual carriageway). Jikalau tidak, kenapa.	<b>PM. 23(1)(q)(i).</b>  Sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berhubung dengan apa-apa perkara yang terkandung dalam –  (i) Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan.

	<b>PERTANYAAN YANG DITOLAK</b>	<b>SEBAB DITOLAK</b>
Contoh 7	<p>[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :-</p> <p>(a) apakah statistik keganasan rumah tangga, penceraian dan bunuh diri mengikut pecahan negeri untuk tahun 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30 September 2017. Apakah peranan agensi seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam mendidik masyarakat Mengenai tanggungjawab dalam keluarga agar mengurangkan masalah seperti keganasan rumah tangga, penceraian dan bunuh diri; dan</p> <p>** (b) apakah usaha dan plan Kerajaan Persekutuan untuk membantu warga emas dalam mengharungi kehidupan mereka selaras dengan kenaikan harga barang, peningkatan kos sara hidup dan tekanan ekonomi yang sedang melanda negara.</p>	<p>PM. 23(1)(r)(ii).</p> <p>Sesuatu pertanyaan untuk Jawab Lisan:</p> <p>(ii) tidak boleh <b>mengandungi lebih daripada dua pertanyaan yang berlainan atau gabungan lebih daripada dua pertanyaan.</b></p> <p>Soalan itu hanya ditolak sebahagian sahaja iaitu ayat yang melibatkan:</p> <p>** [(b) apakah usaha dan plan Kerajaan Persekutuan untuk membantu warga emas dalam mengharungi kehidupan mereka selaras dengan kenaikan harga barang, peningkatan kos sara hidup dan tekanan ekonomi yang sedang melanda negara].</p>
Contoh 8	<p>[Ahli Dewan Rakyat] [Kawasan Parlimen] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai warga asing yang memiliki kekayaan dalam negara ini dan bentuk perniagaan yang dikendalikan.</p>	<p>PM. 23(1)(s).</p> <p>Sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan <b>perkara yang tidak tertentu atau terlalu umum.</b></p>

## Lampiran 4: Contoh Pemberitahu Usul



**PARLIMEN  
MALAYSIA**

**YB ENCIK FONG KUI LUN**  
**AHLI DEWAN RAKYAT**  
**KAWASAN BUKIT BINTANG**

No. 8A, Lorong Brunei 2,  
 Off Jalan Pudu,  
 55100 Kuala Lumpur.  
 Tel : 03-2141 2762  
 Faks : 03-2144 9440  
 E-mail : [dapbukitbintang@gmail.com](mailto:dapbukitbintang@gmail.com)

19 September 2019

Setiausaha  
 Dewan Rakyat Malaysia  
 Bangunan Parlimen  
 50608 Kuala Lumpur

Y Bhg Datuk

**Soalan dan Usul Untuk Mesyuarat Dewan Rakyat Pada 7.10.2019 – 5.12.2019**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara diatas dan melampirkan disini soalan-soalan dan usul untuk dibangkitkan dalam sidang mesyuarat Dewan Rakyat bertarikh diatas, itu:

- 10 soalan untuk jawab lisan
- 5 soalan untuk jawab bertulis
- 2 usul

Sekian, terima kasih.

Yang benar

**Fongkuiun**  
**(YB FONG KUI LUN)**  
**Ahli Parlimen Bukit Bintang**

lampiran

#### USUL-USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 27

1. Tuan Fong Kui Lun mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun Negara telah menjadi Negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi Negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia.
  2. Tuan Fong Kui Lun mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan seluruh Negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat.
-

## Lampiran 5: Contoh risalat Kamar Khas

### Contoh ucapan perkara pentadbiran di bawah tanggungjawab Kerajaan, di bawah PM 17:

**Ucapan** : Tuan Cha Kee Chin [Rasah]  
**Tajuk Ucapan** : Peruntukan MARRIS di daerah Seremban  
**Tarikh Ucapan** : 4 Disember, 2019 (Rabu)  
**Kementerian** : Kementerian Kerja Raya

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada kesempatan petang ini, izinkan saya membangkitkan isu yang berkaitan dengan peruntukan di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS).

Kita sedia maklum bahawa peruntukan MARRIS adalah satu pemberian atau peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan kepada pihak berkuasa atau kerajaan negeri. Peruntukan ini amat mustahak dalam memastikan keberlangsungan pembangunan di setiap negeri kerana amaun peruntukan ini amat besar dan boleh membawa impak besar kepada setiap pelosok negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapat maklumat-maklumat berikut:

1. Bagaimanakah mekanisme atau garis panduan dalam pengagihan peruntukan MARRIS ini daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri?
2. Siapakah pegawai di peringkat kerajaan negeri yang menentukan agihan peruntukan MARRIS ini kepada setiap agensi yang terlibat dan apakah garis panduan yang wajar dipatuhinya?
3. Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang disalurkan untuk Negeri Sembilan pada tahun ini dan senaraikan jumlah yang diagihkan kepada setiap daerah di Negeri Sembilan?
4. Mohon senaraikan semua projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan MARRIS di Daerah Seremban pada tahun ini, termasuk agensi yang bertanggungjawab untuk pelaksanaan, amaun untuk setiap projek tersebut dan status pelaksanaannya ketika ini. (maklumat ini penting untuk membolehkan semua projek ini dipantau dan diketahui oleh rakyat setempat).



5. Mohon gariskan bagaimanakah kaedah permohonan untuk menggunakan peruntukan ini dan pihak manakah yang berkuasa untuk memberikan kelulusan.
6. Bolehkah cadangan-cadangan projek berikut dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah peruntukan MARRIS:
  - a) Menyelesaikan masalah banjir di sepanjang Sungai Linggi (bahagian di Parlimen Rasah), khasnya di bahagian yang berdekatan dengan Kg Sri Mantau, Kg Batu 3 Mambau, Kg Pasir, Kg Singh dan Taman Happy.
  - b) Menaik taraf jalan yang menghubungkan Mambau dengan Bandar Sri Sendayan, untuk menjadikannya 2 lorong di setiap arah kerana penambahan trafik di jalan ini.
  - c) Menyelesaikan masalah takungan air yang berterusan di sekitar Lot C22 Gadong Jaya, 71900 Labu, Daerah Seremban kerana masalah takungan air ini dipercayai berpunca daripada saluran longkang yang tidak sempurna.
  - d) Menaik taraf jalan di sepanjang Jalan Labu, untuk menjadikannya 2 lorong di setiap arah jalan.
  - e) Membina dewan terbuka/ dewan serbaguna di Sekolah Kebangsaan Taman Rasah Jaya.
  - f) Membina jalan baru yang lebih sesuai dan lebar untuk menggantikan Jalan RJ 1/5 di Taman Rasah Jaya.
7. Saya berharap boleh mendapat jawapan atau ulasan tentang cadangan saya di Perenggan 6 di atas.

Saya memohon supaya YB Menteri dan Kementerian Kerja Raya dapat memberikan jawapan terhadap setiap satu persoalan yang dibangkitkan di atas.

Sekian, terima kasih.

## Contoh usul perkara berkepentingan awam yang perlu disegerakan, di bawah PM 18:



### PEJABAT AHLI PARLIMEN PASIR GUDANG

No. 11-02 Blok A, Jalan Kota 1,  
Taman Cahaya Kota Puteri,  
81750 Masai,  
JOHOR DARUL TA'IM

Tel: 07-3823432, 012-7931148  
Email: hassan.abdulkarim51@gmail.com

13 hb Mac 2019

Yang Dipertua  
Dewan Rakyat  
Parlimen Malaysia



YB Datuk,

**PER: KERAJAAN PERSEKUTUAN HARUS MENGISYTIHARKAN DARURAT DI PASIR GUDANG, JOHOR AKIBAT PENCEMARAN KIMIA TOKSID**

Ini adalah untuk memberikan Notts di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) untuk mengusulkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendaki disegerakan seperti berikut:

\*Bahawa Dewan mengizinkan Hassan bin Abdul Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang untuk menengguhkan Dewan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendaki disegerakan iaitu Kerajaan Persekutuan Harus Mengisytiharkan Darurat di Pasir Gudang, Johor akibat Pencemaran kimia toksid.

Laporan oleh Televisyen Malaysia TV1 jam 12.00 malam 13hb. Mac 2019 mengenai kedudukan bencana pencemaran kimia toksid di Pasir Gudang, Johor amat menakutkan kerana beberapa faktor penting:-

- i) 506 orang mangsa telah dimasukkan ke Hospital Sultan Ismail, Hospital Sultanah Aminah dan Klinik-Klinik Kesihatan;
- ii) 9 orang telah dimasukkan ke dalam Unit Rawatan Rapi (ICU);
- iii) 111 buah sekolah telah ditutup.

Statistik-statistik ini menunjukkan secara jelas bahawa pencemaran kimia toksid telah merebak luas bermula dari Kawasan Pasir Gudang dalam Parlimen Tebrau kini merebak ke Kawasan Parlimen Pasir Gudang menjadikan seluruh Kawasan Pasir Gudang kini terjejas dan tidak lagi selamat.

Kehidupan beratus ribu orang penduduk di Pasir Gudang kini terdedah kepada pencemaran kimia toksid berbahaya yang bermula akibat pembuangan kimia secara haram di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang yang mengalir sepanjang 1.5 kilometer. Bahan-bahan kimia toksid itu kini disebarkan melalui udara dan tersebar luas dibawa angin. Penduduk-penduduk menjadi cemas dan bimbang.

Dewan Rakyat perlu membahas bencana pencemaran kimia toksid ini untuk kepentingan dan hak penduduk-penduduk Pasir Gudang supaya kesihatan dan nyawa mereka terjamin. Kejadian bencana pencemaran kimia di Bopal, India 20 tahun lalu yang telah meragut nyawa beribu-ribu orang penduduk diharap tidak berulang di Pasir Gudang, Johor, Malaysia. Tindakan pencegahan segera perlu diambil supaya nyawa rakyat dapat diselamatkan.

Yang benar,

Hassan bin Abdul Karim

Ahli Parlimen Pasir Gudang

Pejabat Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Usul diterima pada 14/3/19  
masa 8.25 am  
patah perkataan  
215

